

# SIRAH NABI MUHAMMAD S.A.W. PENGAJARAN & PEDOMAN

\*\*\*

**Dr. Mustafa as-Syibaie**

\*\*\*

## KANDUNGAN

<b>PRAKATA</b>	<b>3</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>5</b>
Keistimewaan Sirah Nabi s.a.w.	5
Sumber rujukan Sirah Nabi s.a.w.	10
Al-Quran al-Karim	10
Sunnah yang Sahih	11
Syair Arab pada Zaman Kerasulan	12
Kitab-kitab Sirah	12
<b>BAHAGIAN 1: KEHIDUPAN BAGINDA SEBELUM DIUTUSKAN SEBAGAI RASUL</b>	<b>15</b>
Peristiwa-peristiwa Sejarah	15
Pengajaran dan Pedoman	18
<b>BAHAGIAN 2: PERMULAAN WAHYU SEHINGGA HIJRAH KE HABSYAH</b>	<b>22</b>
Peristiwa-peristiwa Sejarah	22
Pengajaran dan Pedoman	25
<b>BAHAGIAN 3: SELEPAS HIJRAH KE HABSYAH HINGGA HIJRAH KE MADINAH</b>	<b>28</b>
Peristiwa-peristiwa Sejarah	28
Pengajaran dan Pedoman	30
<b>BAHAGIAN 4: HIJRAH SEHINGGA NABI STABIL DI MADINAH</b>	<b>33</b>
Peristiwa-peristiwa Sejarah	36
Pengajaran dan Pedoman	36



<b>BAHAGIAN 5: PEPERANGAN RASUL S.A.W.</b>	<b>44</b>
A) Peristiwa-peristiwa Sejarah	44
1. Ghazwah Badar al-Kubra	44
2. Ghazwah Uhud	47
3. Ghazwah Bani Nadhir	51
4. Ghazwah al-Ahzab	52
5. Ghazwah Bani Quraizoh	54
6. Ghazwah al-Hudaibiyah	56
7. Ghazwah Khaibar	59
8. Ghazwah Mu'tah.	60
9. Ghazwuh al-Fath	62
10. Ghazwah Hunain	63
11. Ghazwuh Tabuk	65
B) Pengajaran dan Pedoman	66
<b>BAHAGIAN 6: PERISTIWA PENTING SELEPAS PEMBUKAAN MAKKAH SEHINGGA KEWAFATAN RASUL S.A.W.</b>	<b>82</b>
a) Ghazwah Hunain	82
b) Meruntuhkan Patung Berhala	99
c) Ghazwah Tabuk	104
d) Hajjatul Wada (Haji Selamat Tinggal)	107
e) Pengutusan Tentera Usamah	110
f) Kewafatan Rasulullah s.a.w.	112
g) Pengajaran	113

## PRAKATA

Segala puji bagi Allah yang mengutuskan para Rasul-Nya dengan membawa keterangan dan petunjuk. Tujuannya agar mereka mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya, dan menunjukkan kepada mereka jalan Allah Yang Maha Agung lagi Terpuji.

Selawat dan salam ke atas sebaik-baik Rasul dan semulia-mulia pendakwah; Saidina Muhammad s.a.w., penyudah segala rasul. Oleh itu Allah menjadikan sirahnya sebagai contoh teladan kepada setiap mukmin dalam semua aspek kehidupan mereka; kecil dan besar. Syariat yang dibawa Baginda juga adalah penyudah segala syariat. Oleh itu Allah menjadikan risalah Baginda sebagai risalah yang paling sempurna, memenuhi keperluan manusia di pelbagai suasana dan zaman. Selawat dan salam ke atas Baginda s.a.w. dan para sahabatnya yang membawa petunjuk lagi berbakti; golongan yang diketahui Allah kesejahteraan fitrah, kebenaran aqidah dan keagungan pengorbanan mereka. Lantaran itu Allah memuliakan mereka melalui tanggungjawab menyampaikan risalah Islam kepada seluruh manusia di muka bumi ini. Mereka sanggup mengalirkan darah dan meninggalkan tanah air demi memperjuangkan risalah Islam. Mereka melakukan semua itu sehingga berjaya menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan, menyampaikan risalah, memberikan nasihat kerana Allah dan Rasul-Nya. Mereka memiliki jasa kepada kemanusiaan yang tidak mampu digambarkan. Setiap orang Islam terhutang budi kepada mereka sehingga hari Kiamat. Semoga keredhaan Allah menjadi milik mereka dan milik sesiapa sahaja yang menyintai mereka serta memperjuangkan panji-panji dakwah selepas mereka sehingga hari kiamat.

Catatan ini saya tulis secara tergesa-gesa dan ketika itu saya sedang sakit tenat. Iaitu selepas saya menyampaikannya dalam beberapa kuliah kepada mahasiswa tahun pertama Fakulti Syariah. Dalam catatan tersebut saya cangkikan beberapa aspek qudwah yang terdapat dalam sirah Rasulullah s.a.w.. Setiap individu Islam, para pendakwah, ulama dan fuqaha hendaklah meneliti dan sentiasa meneliti sirah Baginda s.a.w.. Supaya mereka memiliki kemuliaan lantaran mengambil teladan daripada Rasulullah s.a.w.. Agar mereka juga mampu membuka pintu kejayaan dakwah kepada manusia dan mendapat keredhaan Allah serta segala amalnya diterima. Mudah-mudahan mereka mendapat kemuliaan berada bersama Rasulullah s.a.w. di dalam syurga yang kekal abadi. Sesungguhnya Allah berfirman:

... وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا

وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٣﴾

*Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar. (An-Nisa': 13)*

Saya membahagikan perbincangan ini berdasarkan metodologi berikut;

- A. Muqaddimah. Ia mengandungi dua perbincangan;
  - Membincangkan keistimewaan sirah Rasulullah s.a.w. dan faedah mempelajarinya.
  - Membincangkan sumber sirah dan rujukannya yang sahih.

## B. Fiqh sirah. Ia mengandungi 10 bahagian

- Kehidupan Baginda sebelum diutuskan menjadi Rasul
- Kehidupan Baginda selepas menjadi Rasul sehingga hijrah ke Habsyah
- Kehidupan Baginda selepas hijrah ke Habsyah sehingga hijrah ke Madinah.
- Penghijrahan Baginda sehingga kedudukan Baginda stabil di Madinah.
- Peperangan Baginda bermula dari peperangan Badar sehingga Pembukaan Makkah.
- Perkembangan Islam di semenanjung tanah Arab selepas Pembukaan Makkah.<sup>1</sup>
- Kehidupan Baginda selepas Pembukaan Makkah sehingga kewafatan.
- Ciri-ciri perundangan Islam di Madinah.
- Akhlak Baginda serta fitnah orientalis dan missionaris.
- Pengaruh Baginda dan risalahnya kepada alam.

Saya memohon kepada Allah agar memberi taufiq kepada saya untuk meneliti dengan detil Sirah Nabi s.a.w. dalam tempoh masa yang singkat dan tergopoh-gapah ini. Supaya matlamat pengajaran subjek ini di Kuliah Syariah dapat dicapai. Pihak Kuliah Syariah sedang berusaha menanam minat kepada para mahasiswa dan mahasiswinya agar mempelajari pengajian Sirah Baginda yang bersih. Oleh itu mereka akan membawa nilai-nilai dan pengajaran sirah ke dalam jiwa mereka. Hasilnya, sikap istiqamah, perjalanan hidup yang bersih dan usaha-usaha pengislahan yang mereka lakukan akan menjadi teladan kepada orang ramai. Hingga seolah-olah Rasulullah s.a.w. hidup dalam kehidupan umat Islam umpama sinaran mentari yang menyinari kegelapan kehidupan mereka. Ia membekalkan tenaga kepada hati, akal dan tingkah laku mereka. Lantaran itu kemurniaan, istiqamah dan idealisme masyarakat Islam dapat dikembalikan. Sekaligus bakal menempatkan mereka sekali lagi di persada kepimpinan dan peneraju bangsa-bangsa di dunia. Firman Allah Taala mengenai umat Islam dapat dicapai sekali lagi:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). (Ali 'Imran: 110)*

### Mustofa as-Sibaie

Damsyik, Ramadhan 1381H

<sup>1</sup> Bahagian 6 hingga Bahagian 10 tidak sempat dibahasakan oleh penulis mengikut pembahagian ini. Dalam Bahagian 6, beliau hanya mengulas beberapa pengajaran daripada berbagai peristiwa penting yang berlaku selepas Pembukaan Makkah sehingga kewafatan Baginda s.a.w.. Bahagian 6 ini ditulis di bawah topik, "Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku selepas Pembukaan Makkah sehingga kewafatan Rasul s.a.w." (pent.)

## PENDAHULUAN

### **Keistimewaan Sirah Nabi s.a.w.**

Sirah Nabi s.a.w. mempunyai pelbagai keistimewaan yang menjadikan pengajiannya satu kepuasan roh, akal dan nilai sejarah. Pengajian ini juga menjadi kemestian ulama, pendakwah kepada Allah dan pengislah sosial. Pengajian ini menjamin mereka mampu menyampaikan Syariah kepada orang ramai dengan pendekatan yang menarik. Ini membuatkan orang ramai melihat Syariah umpama Khalifah Muktasim; tempat berlindung ketika berlaku kacau bilau dan huru hara. Pengajian ini juga akan membuka hati dan jiwa manusia untuk menerima pendakwah. Dengan itu, pengislahan yang diseru oleh para pengislah lebih menghampiri kejayaan dan lebih menepati sasaran. Kami ringkaskan keistimewaan Sirah Nabi s.a.w. yang paling menonjol dalam perbincangan berikut:

*Pertama:* Sirah Nabi s.a.w. istimewa lantaran ia merupakan sirah yang menceritakan sejarah nabi utusan Allah ataupun sejarah keagungan seorang tokoh islah yang paling sahih. Sirah Rasulullah s.a.w. telah kita terima melalui susur galur ilmiah yang paling tepat dan paling pasti (Kita akan rnelihatnya ketika membincangkan sumber rujukan Sirah). Susur galur ilmiah ini tidak memberi ruang untuk kita meragui kebenaran peristiwa besar dan penting yang berlaku. Ia juga memudahkan kita mengesan peristiwa dan mukjizat yang ditokok tambah oleh akal yang jahil dan gemar menambahkan sifat-sifat mengkagumkan kepada Rasulullah s.a.w. pada zaman-zaman terkemudian melebihi apa yang dikehendaki Allah dan Rasul-Nya. Dia menyangka tokok tambah ini boleh menunjukkan kemuliaan kedudukan, kesucian risalah dan keagungan perjalanan hidup Baginda.

Keistimewaan sirah yang sahih lagi tiada sebarang keraguan ini, tidak terdapat dalam mana-mana sirah rasul-rasul Allah terdahulu. Sirah Musa a.s. yang ada pada hari ini telah bercampur aduk antara peristiwa-peristiwanya yang sahih dengan pemalsuan dan pindaan yang dimasukkan oleh Yahudi. Kita tidak dapat merujuk kepada Taurat yang ada kini untuk memahami sirah Musa a.s. yang sebenar. Ramai pengkritik Barat meragui kandungan sesetengah safarnya (surah-surah dalam Taurat). Sebahagian mereka memutuskan secara pasti bahawa sesetengah safar itu tidak ditulis pada masa Musa a.s. hidup atau sebaik sahaja selepas kematiannya. Ia hanya ditulis setelah berlalu tempoh masa yang lama tanpa diketahui siapakah penulisnya. Fakta ini sahaja sudah cukup menyebabkan kesahihan sirah Musa a.s. yang terdapat di dalam Taurat diragui. Justeru itu, orang Islam tidak dapat beriman dengan kesahihan sirahnya melainkan apa yang dinyatakan dalam al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabawiyyah yang sahih.

Pertikaian yang sama juga diperkatakan terhadap sirah Isa a.s.. Injil-injil yang diiktiraf secara rasmi oleh gereja-gereja Kristian hanya diperakui selepas beratus-ratus tahun kematian al-Masih. Tanpa sebarang kewajaran ilmiah, Injil- injil ini dipilih daripada ratusan Injil yang tersebar luas di tangan penganut Kristian ketika itu.

Apatah lagi, hubung kait Injil-injil ini dengan penulisnya tidak disahkan melalui susur galur ilmiah yang memuaskan hati. Ia tidak diriwayatkan dengan sanad yang bersambung hingga kepada penulisnya. Para pengkritik Barat juga berselisih mengenai sesetengah nama penulis tersebut, siapakah mereka? Pada zaman manakah mereka hidup?

Jika keraguan ini timbul terhadap sirah rasul-rasul selaku tokoh agama yang tersebar luas di dunia, keraguan yang lebih kuat berlaku terhadap sirah tokoh-tokoh agama dan ahli falsafah lain yang bilangan pengikutnya di dunia mencapai ratusan juta orang. Contohnya, Buddha dan Confucious. Kisah hidup mereka hanya berlegar di kalangan pengikut mereka sahaja. Ia tidak mempunyai asal-usul yang diperakui daripada kaca mata kajian ilmiah. Ia hanyalah diambil secara tergesa-gesa oleh para sami sesama mereka. Setiap generasi

menokok tambah riwayat generasi sebelumnya. Mereka menambah riwayat-riwayat berunsur lagenda dan khurafat yang tidak dapat dipercayai oleh akal yang cerdas dan bebas daripada ketaksuban kepada agama-agama itu.

Oleh itu, kita dapati sirah yang paling sahih dan paling diterima pakai secara mutawatir ialah sirah Muhammad, Rasulullah s.a.w.

*Kedua:* Kehidupan Rasulullah s.a.w. pada setiap peringkat hidupnya amat jelas; sejak perkahwinan bapa Baginda, Abdullah dengan ibu Baginda, Aminah sehingga Baginda s.a.w. wafat. Kita mengetahui banyak perkara tentang kelahiran, zaman kanak-kanak, zaman remaja, sumber pencarian Baginda sebelum kenabian dan pengembaraan-pengembaraannya ke luar Makkah sehinggalah Allah mengutuskannya sebagai Rasul yang mulia. Kita juga mengetahui secara lebih detil, jelas dan sempurna setiap hal ehwal Baginda selepas perutusan tersebut daripada setahun ke setahun. Ini menjadikan sirah Baginda s.a.w. jelas dan terang seumpama matahari. Sebagaimana kata sesetengah pengkritik Barat: Muhammad s.a.w. satu-satunya tokoh yang lahir di bawah sinaran matahari.

Fenomena seperti ini tidak mudah didapati di kalangan mana-mana rasul yang terdahulu. Kita tidak tahu sesuatu pun tentang Musa a.s. ketika zaman kanak-kanak, zaman remaja mahupun sumber pencariannya sebelum kenabian. Kita hanya mengetahui sedikit sahaja berkenaan kehidupan baginda selepas kenabian. Ini tidak memberi gambaran sempurna berkenaan keperibadiannya kepada kita. Hal yang sama diperkatakan tentang Isa a.s. Kita tidak mengetahui apa-apa tentang zaman kanak-kanaknya melainkan apa yang diceritakan oleh Injil-injil hari ini. Injil menceritakan bahawa baginda telah memasuki haikal Yahudi dan berbincang dengan pendita-penditanya. Inilah satu-satunya kejadian yang disebutkan tentang zaman kanak-kanaknya. Selanjutnya, kita tidak mengetahui hal ehwal beliau selepas kenabian melainkan peristiwa yang berkaitan dengan dakwah dan sedikit tentang cara hidupnya. Manakala selain daripada itu adalah perkara yang dilitupi kabus tebal.

Di manakah kedudukan maklumat ini berbanding dengan maklumat yang disebutkan oleh sumber-sumber sirah yang sahih? Sumber-sumber ini menyebutkan secara detil kehidupan peribadi Rasul kita seperti makan, bangun, duduk, pakaian, rupa bentuk, gaya, percakapan, interaksi dengan keluarga, ibadat, solat dan pergaulan Baginda dengan para sahabatnya. Bahkan pendetilan dalam meriwayatkan sirah Baginda hingga ke tahap mereka menyatakan kepada kita bilangan uban di kepala dan janggut Baginda s.a.w..

*Ketiga:* Sirah Rasulullah s.a.w. menceritakan perjalanan hidup seorang manusia yang dimulihkan Allah dengan risalah-Nya. Namun ia tidak mengeluarkan Baginda daripada sifat kemanusiaannya. Kehidupan Baginda tidak disertakan dengan dongeng-dongeng, juga tidak ditokok tambah dengan sifat ketuhanan, sama ada sedikit mahupun banyak. Apabila kita bandingkan hal ini dengan cerita-ceritayang diriwayatkan oleh orang Kristian tentang perjalanan hidup Isa a.s., penganut Buddha tentang Gauthama Buddha, penyembah berhala tentang tuhan sembah mereka, akan jelas kepada kita perbezaan nyata antara Sirah Baginda s.a.w. dan sirah mereka. Lantaran perbezaan ini, ia memberi kesan jangka panjang kepada tingkah laku kemanusiaan dan kemasyarakatan pengikut-pengikut mereka. Dakwaan ketuhanan kepada Isa a.s. dan Gauthama Buddha menyebabkan mereka berdua tidak boleh menjadi contoh teladan kepada manusia dalam kehidupan peribadi dan kemasyarakatannya. Sebaliknya, Muhammad s.a.w. akan terus menjadi model manusia yang kamil kepada sesiapa yang ingin hidup bahagia dan mulia dari segi diri, keluarga dan suasana persekitarannya. Oleh yang demikian, Allah Taala berfirman dalam kitab-Nya yang mulia:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (heredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat. (Al-Ahzab: 21)*

*Keempat:* Sirah Rasulullah s.a.w. meliputi setiap sudut kemanusiaan yang dimiliki manusia. Ia menceritakan kepada kita perjalanan hidup Muhammad s.a.w. selaku pemuda yang amanah dan berakhlak mulia, iaitu sebelum Allah memuliakan Baginda dengan risalah-Nya. Ia turut menceritakan kepada kita perjalanan hidup Rasulullah sebagai pendakwah kepada Allah yang mencari cara paling efektif untuk memastikan dakwahnya diterima. Ia juga meriwayatkan Baginda sebagai pendakwah yang mencurahkan tenaga dan usaha yang maksimum untuk menyampaikan risalahnya. Begitu juga, ia menceritakan kepada kita perjalanan hidup Baginda sebagai ketua Negara yang mengasas sistem ampuh dan jitu untuk negaranya. Baginda melindungi negaranya itu dengan penuh waspada, ikhlas dan jujur. Ini menjamin negara tersebut untuk berjaya.

Sirah menceritakan kepada kita perjalanan hidup Rasul sebagai seorang suami dan bapa yang mempamerkan sikap belas kasihan, hubungan yang baik serta memberi perbezaan jelas antara yang mana hak dan mana kewajipan untuk suami, isteri dan anak-anak. Ia juga menceritakan perjalanan hidup Rasul selaku pendidik dan pemberi tunjuk ajar yang menyelia pendidikan para sahabat Baginda dengan pendidik yang ideal. Baginda memindahkan nilai-nilai pendidikan itu daripada rohaninya sendiri ke dalam rohani mereka, daripada jiwanya kepada jiwa mereka. Ini mendorong mereka untuk cuba mencontohi Baginda dalam sehalus-halus perkara sehinggalah ke sebesar-besar perkara. Begitu juga, ia menceritakan kepada kita perjalanan hidup Rasul selaku seorang teman yang melaksanakan kewajipan persahabatan serta memenuhi komitmen dan adab-adabnya. Ini menjadikan para sahabat Baginda mengasihinya sebagaimana mereka mengasihinya diri mereka sendiri. Bahkan melebihi kasih mereka kepada keluarga dan kaum kerabat mereka. Sirah Baginda juga menceritakan kepada kita perjalanan hidup seorang pahlawan yang berani, panglima perang yang jaguh, politikus yang berjaya, jiran yang amanah dan pengikat janji yang jujur.

Pendek kata: Sirah Rasulullah s.a.w. meliputi semua aspek kemanusiaan dalam masyarakat. Ini menjadikan Baginda contoh teladan yang baik untuk setiap pendakwah, panglima, bapa, suami, kawan, pendidik, politikus, ketua negara dan demikianlah seterusnya...

Kita tidak dapati kesyumulan seperti ini atau hampir sama dengannya dalam catatan sejarah yang masih kekal pada kita; catatan sejarah berkenaan sirah rasul terdahulu, pengasas agama dan falsafah yang terdahulu mahupun yang terkemudian. Musa adalah model pemimpin umat yang telah menyelamatkan umatnya daripada belenggu pengabdian. Ia menerangkan kepada kita kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang sesuai untuk misi itu sahaja. Akan tetapi kita tidak dapati dalam sirah baginda, keterangan yang boleh dijadikan contoh teladan kepada pahlawan perang, pendidik, politikus, kepala negara, bapa, atau suami. Isa a.s. pula menjadi model seorang pendakwah yang zuhud, meninggalkan dunia dalam keadaan dia tidak mempunyai harta, rumah atau barang. Namun dalam catatan sirahnya yang terdapat di tangan orang-orang Kristian, beliau tidak mewakili seorang panglima perang, ketua negara, bapa, atau suami (kerana dia tidak berkahwin), penggubal perundangan, atau lain-lain lagi yang ditunjukkan oleh Sirah Muhammad s.a.w.. Perihal yang sama berlaku pada Buddha, Confucius, Aristotle, Plato, Napoleon dan lain-lain lagi tokoh-tokoh sejarah. Mereka hanya layak menjadi contoh teladan (sekiranya mereka layak menjadi contoh

teladan) untuk satu aspek daripada pelbagai aspek kehidupan, iaitu dalam bidang yang mereka terserlah dan terkenal dengannya. Satu-satunya manusia dalam sejarah yang boleh menjadi contoh teladan untuk semua golongan, semua pemilik pelbagai bakat dan semua manusia ialah Muhammad s.a.w..

*Kelima:* Sirah Muhammad s.a.w. adalah satu-satunya sirah yang memberi dalil yang tidak diragui tentang kebenaran risalah dan kenabian Baginda kepada kita. Ia adalah perjalanan hidup seorang manusia kamil. Baginda mengharungi kehidupan bersama dakwahnya dengan mendapat kejayaan demi kejayaan; Bukan dengan cara peristiwa-peristiwa pelik yang melanggar adat kebiasaan mahupun mukjizat. Bahkan semata-mata dengan cara yang normal. Baginda s.a.w. berdakwah, lalu disakiti, menyampaikan risalah, seterusnya memperolehi penyokong. Jika terpaksa berperang, Baginda berperang. Baginda seorang yang bijaksana dan mendapat taufiq dalam kepimpinannya. Ketika hampir wafat, dakwah Baginda telah berkembang meliputi seluruh semenanjung tanah Arab. Dakwahnya tersebar melalui cara iman (keyakinan), bukan dengan cara paksaan atau kemenangan perang.

Bagi sesiapa yang mengetahui pegangan dan budaya masyarakat Arab ketika itu, penentangan mereka melalui pelbagai cara sehingga ke tahap merancang pembunuhan Baginda, mengetahui ketidak seimbangan kekuatan Baginda dengan pihak lawan dalam setiap pertempuran yang Baginda menangi, mengetahui tempoh masa yang terlalu singkat dalam menyampaikan risalah sehingga kefawatan Baginda iaitu 25 tahun, semua ini memberikan keyakinan bahawa Muhammad adalah benar-benar pesuruh Allah. Kurniaan Allah kepada baginda seperti tabah (thabat), kekuatan, keupayaan mempengaruhi dan kemenangan juga menunjukkan Baginda benar-benar seorang nabi. Allah tidak akan mendokong sesiapa yang mendustakan-Nya. Dokongan Ilahi ini adalah dokongan yang unik dalam sejarah.

Sirah Rasulullah s.a.w. membuktikan kepada kita kebenaran risalah Baginda hanya melalui bukti-bukti logik yang boleh diterima akal. Mukjizat yang berlaku bukanlah faktor utama orang Arab beriman dengan dakwah Baginda. Bahkan kita tidak dapati Baginda mempunyai mukjizat yang menyebabkan orang kafir yang ingkar menjadi beriman kerana mukjizat tersebut. Walau bagaimanapun, mukjizat berbentuk material tetap menjadi hujah dalam berhadapan dengan mereka yang menyaksikannya. Suatu yang pasti bahawa orang Islam yang tidak pernah melihat Nabi s.a.w. dan tidak pernah menyaksikan mukjizat, mereka beriman dengan kebenaran risalah Baginda hanya kerana bukti-bukti logik yang qat'ie dan masuk akal yang menunjukkan kebenaran dakwaan kenabiannya. Di antara bukti tersebut ialah: al-Quran al-Karim. Ia merupakan mukjizat yang boleh diterima oleh akal. Mukjizat ini menyebabkan setiap manusia berakal lagi bersikap adil dan insaf pasti beriman dengan kebenaran dakwaan kerasulan Muhammad s.a.w..

Ini berbeza sama sekali dengan sirah para nabi terdahulu yang disimpan oleh para pengikutnya. Sirah para nabi terdahulu menunjukkan kepada kita bahawa orang ramai beriman setelah melihat mukjizat dan perkara pelik yang menyalahi adat berlaku kepada rasul-rasul tersebut. Mereka beriman tanpa meletakkan akal sebagai hakim dalam menilai prinsip-prinsip dakwah para rasul tersebut, seterusnya tunduk kepadanya. Contoh paling jelas ialah sirah nabi Isa a.s.. Dalam al-Quran, Allah menceritakan kepada kita bahawa antara tunggak utama yang Allah berikan kepada nabi Isa a.s. untuk meyakinkan orang Yahudi tentang kebenaran risalahnya ialah bolu menyembuhkan orang buta dan penyakit kusta, merawat penyakit, menghidupkan orang mati serta memberitahu kaumnya apa yang mereka makan dan apa yang tersimpan di rumah mereka. Semua ini berlaku dengan izin Allah Azza-wajalla. Mukjizat-mukjizat ini menjadi penyebab orang ramai beriman kepada Nabi 'Isa secara beramai-ramai. Inilah yang diriwayatkan oleh kitab-kitab Injil kepada kita. Namun,



mereka beriman dengan Isa a.s. bukan sebagai rasul, bahkan sebagai tuhan dan anak tuhan (Maha suci Allah daripada perkara ini). Inilah yang diceritakan oleh al-Quran kepada kita. Selepas pemergian nabi Isa a.s., agama Kristian tersebar melalui perkara luar biasa dan pelik yang menyalahi adat kebiasaan. Safar Kerja Rasul-Rasul menjadi bukti utama kepada perkara ini. Sehingga kita boleh katakan bahawa agama Kristian yang diimani oleh pengikutnya adalah agama yang tertegak di atas perkara luar biasa dan pelik yang menyalahi adat kebiasaan, bukan di atas keyakinan akal yang rasional.

Di sini kita dapat lihat kistimewaan yang jelas dalam sirah Rasul s.a.w.. Tidak ada seorangpun yang beriman dengan Baginda disebabkan melihat mukjizat yang menyalahi adat kebiasaan. Bahkan dia beriman disebabkan keyakinan akal dan jiwa. Sekiranya Allah memuliakan Rasul-Nya s.a.w. dengan mukjizat yang menyalahi adat kebiasaan, ia hanyalah penghormatan kepada Baginda s.a.w.. Ia juga bertujuan mendiamkan penentangannya yang sombong. Sesiapa yang meneliti al-Quran al-Karim, dia akan dapati dalam usaha meyakinkan manusia, al-Quran bergantung kepada budi bicara akal, penyaksian pancaindera terhadap kebesaran ciptaan Allah, juga pengetahuan sempurna berkenaan Rasul yang buta huruf. Buta huruf Baginda s.a.w. menjadikan al-Quran yang dibawanya sebagai bukti kebenaran risalah Baginda. Allah Taala berfirman dalam surah al-Ankabut:

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ آيَاتٌ مِّن رَّبِّهِ ۖ قُلْ إِنَّمَا الْآيَاتُ عِندَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٥٠﴾  
 أَوَلَمْ يَكْفِهِمْ أَنَّا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَرَحْمَةً  
 وَذِكْرَىٰ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

*Dan mereka berkata "Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) mukjizat-mukjizat dari Tuhannya?" Jawablah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya (urusan menurunkan) mukjizat-mukjizat itu adalah tertentu bagi Allah, dan aku hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata" (Patutkah mereka meminta mukjizat-mukjizat yang lain?) tidakkah cukup bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu Al-Quran yang dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya Al-Quran yang diturunkan itu mengandungi rahmat dan peringatan bagi orang-orang yang beriman. (Al-Ankabut: 50-51)*

Apabila orang-orang kafir Quraisy melampaui batas dengan menuntut mukjizat daripada Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang dilakukan oleh umat-umat terdahulu, Allah memerintahkan Baginda menjawab:

قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٣﴾

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul?" (Al-Isra': 93)*

Perhatikan perkara ini dalam surah al-Isra' yang bermaksud:

وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ بِكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا ﴿٩١﴾ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّنْ نَّخِيلٍ  
وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩٢﴾ أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمَتَ عَلَيْنَا كَيْفَآ أَوْ تَأْتِيَ  
بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٣﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّنْ زُخْرَفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ  
لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزَّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرُؤُهُ ۗ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٤﴾

Dan mereka berkata: "Kami tidak sekali-kali akan beriman kepadamu (wahai Muhammad), sehingga engkau memancarkan mata air dari bumi, untuk kami. Atau (sehingga) engkau mempunyai kebun dari pohon-pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai-sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus. Atau (sehingga) engkau gugurkan langit berkeping-keping atas kami, sebagaimana yang engkau katakan (akan berlaku); atau (sehingga) engkau bawakan Allah dan malaikat untuk kami menyaksikannya. Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit; dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya. "Katakanlah (wahai Muhammad): "Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul?" (Al-Isra': 90-93)

Demikianlah al-Quran menetapkan secara terang dan jelas bahawa nabi Muhammad s.a.w. adalah manusia dan rasul. Dalam membenarkan dakwaan kerasulan Baginda, al-Quran tidak bergantung kepada perkara yang menyalahi adat kebiasaan dan mukjizat, bahkan hanya berdalailah dengan akal dan hati.

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ ۗ

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya, nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam. (Al-An'am: 125)

### Sumber rujukan Sirah Nabi s.a.w.

Hanya terdapat empat sumber rujukan utama Sirah Nabi s.a.w yang diperakui:

#### 1. Al-Quran al-Karim

Al-Quran merupakan sumber rujukan asasi yang kita cedok daripadanya Sirah Nabi s.a.w.. Al-Quran al-Karim telah menyingkap kehidupan Nabi s.a.w. semasa kecil:

أَلَمْ تَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ﴿٦﴾ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ ﴿٧﴾

Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu lalu Dia memberikan perlindungan? Dan didapatiNya engkau mencari-cari (jalan yang benar), lalu Dia memberikan hidayah petunjuk (dengan wahyu - Al-Quran)? (Ad-Dhuha: 6-7)

Al-Quran juga memaparkan akhlak Baginda yang mulia dan terpuji:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (Al-Qalam: 4).*

Al-Quran turut membicarakan tentang keperitan dan sikap degil yang dihadapi oleh Baginda s.a.w. di jalan dakwah. Al-Quran juga menyebut tentang beberapa gelaran yang diberikan oleh orang musyrik kepada Baginda demi menyekat agama Allah 'Azza wa Jalla daripada tersebar, seperti ahli sihir dan orang gila. Selain itu, al-Quran juga memaparkan hijrah Rasul s.a.w., serta membentangkan pertempuran-pertempuran penting yang Baginda lalui selepas Hijrah. Antaranya Perang Badar, Uhud, Ahzab, Perdamaian Hudaibiyah, Pembukaan Makkah dan Perang Hunain. Al-Quran juga memperkatakan tentang sesetengah mukjizat Baginda seperti mukjizat Isra' dan Mi'raj.

Ringkasnya al-Quran telah membicarakan banyak peristiwa dalam Sirah Rasul s.a.w.. Oleh kerana al-Quran merupakan kitab paling dipercayai di atas muka bumi dan terbukti kebenaran secara mutawatir, seorang manusia yang berakal tidak sepatutnya terfikir untuk meragui nas-nas dan kekukuhan fakta sejarahnya. Oleh itu, peristiwa-peristiwa sirah yang didedahkan oleh al-Quran ini secara mutlak dianggap sebagai sumber sirah paling sahih.

Namun dapat diperhatikan bahawa al-Quran tidak menyingkap peristiwa sirah secara terperinci, tetapi sekadar menyentuhnya secara ringkas. Dalam membicarakan sesuatu pertempuran perang, al-Quran tidak menyatakan sebab-sebab berlaku peperangan tersebut, bilangan orang Islam dan orang musyrik yang terlibat, mahupun bilangan tentera yang terbunuh atau ditawan di kalangan orang musyrik. Ia sekadar membincangkan pengajaran perang dan pedoman yang boleh diambil. Demikianlah sikap al-Quran dalam setiap kisah berkenaan para nabi dan umat terdahulu. Oleh itu kita tidak boleh berpada dengan hanya bergantung kepada nas-nas al-Quran yang berkaitan dengan Sirah Nabi s.a.w. untuk mendapatkan gambaran kehidupan Rasul s.a.w. yang lengkap.

## **2. Sunnah yang Sahih**

Sunnah Nabi s.a.w. yang sahih terkandung dalam kitab karangan para imam hadis yang diakui kejujuran mereka lagi dipercayai di dunia Islam. Kitab-kitab itu ialah:

Kitab Sunan Sittah (enam buah kitab hadis): Iaitu kitab Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan an-Nasaie, Sunan at-Tirmizi dan Sunan Ibnu Majah. Begitu juga kitab al-Muwatto' karangan Imam Malik dan Musnad Imam Ahmad. Kitab-kitab ini, terutamanya Sahih Bukhari dan Sahih Muslim berada di tangga teratas dari aspek kesahihan, dipercayai dan pembuktiannya. Sementara kitab-kitab lain mengandungi hadis-hadis sahih dan hasan. Sesetengahnya juga mengandungi hadis daif.

Sebahagian besar kisah kehidupan Nabi s.a.w., peristiwa, peperangan dan amalan Baginda terkandung dalam kitab-kitab ini. Daripadanya, kita dapat membentuk pemikiran yang menyeluruh berkenaan Sirah Rasul s.a.w. (sekalipun ia kadang-kadang tidak saling melengkapi). Antara perkara yang meningkatkan kepercayaan dan penerimaan terhadap kitab-kitab ini ialah, hadis-hadisnya telah diriwayatkan dengan sanad yang bersambung hingga kepada para sahabat r.a.. Merekalah yang bergaul dengan Rasulullah dan sentiasa bersama Baginda. Allah juga telah memenangkan agamaNya melalui mereka, Rasulullah s.a.w. sendiri yang mendidik mereka. Oleh itu mereka adalah generasi paling sempurna dalam sejarah. Sama ada dari segi keluhuran akhlak, kekuatan iman, kejujuran percakapan, ketinggian roh dan kesempurnaan akal. Dengan ini, setiap hadis yang mereka riwayatkan

daripada Rasul dengan sanad yang sahih dan bersambung, kita wajib menerimanya sebagai satu hakikat sejarah tanpa ragu lagi.

Para orientalis yang mempunyai misi tersembunyi cuba meragukan kesahihan kitab-kitab sunan yang berada di hadapan kita ini. Mereka turut disokong oleh orang Islam yang menjadi pengikut mereka. Mereka mempunyai pegangan agama yang rapuh dan terpengaruh dengan Barat dan cendikiawannya. Tujuan mereka semua ialah meruntuhkan Syariah dan menimbulkan keraguan terhadap peristiwa dalam Sirah. Namun Allah yang bertanggungjawab memelihara agamaNya, telah menyediakan golongan yang menolak kebatilan dan tipu daya tersebut sehingga menjerut batang leher mereka sendiri. Dalam buku saya, *as-Sunnah wa Makanatuha min at-Tasyri al-Islami* (Sunnah dan Kedudukannya Dalam Perundangan Islam), saya telah dedahkan penat lelah ulama kita menyaring Sunnah Nabi s.a.w.. Saya juga menyenaraikan beberapa kekeliruan yang ditimbulkan oleh para orientalis dan pengikut mereka. Kemudian saya bahaskan melalui perbahasan ilmiah. Saya berharap kepada Allah agar memberi ganjaran pahala kepada saya kerana usaha tersebut. Juga, semoga Allah memasukkannya dalam lembaran suratan amalan kebaikan saya pada hari pembentangan amalan

### **3. Syair Arab pada Zaman Kerasulan**

Tidak diragui bahawa orang musyrik telah menyerang Rasul s.a.w. dan dakwah Baginda melalui lidah para penyair mereka. Ini memaksa orang Islam menjawabnya melalui lidah para penyair mereka pula seperti Hasan bin Thabit, Abdullah bin Rawwahah dan lain-lain lagi. Buku-buku sastera dan sirah yang ditulis selepas zaman itu mengandungi banyak syair-syair sebegini. Melalui syair-syair ini, kita dapat membuat kesimpulan tentang fakta-fakta berkaitan suasana persekitaran s.a.w. hidup dan dakwah Islam mula lahir.

### **4. Kitab-kitab Sirah**

Pada mulanya kisah dalam Sirah Nabi s.a.w. hanya merupakan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat r.a. kepada generasi selepas mereka. Sesetengah sahabat memberikan perhatian khusus terhadap setiap peristiwa yang berlaku dalam sirah Nabi s.a.w. dan pendetailannya. Kemudian, para tabien menukilkan riwayat-riwayat ini dan mencatatnya dalam lembaran simpanan mereka. Sesetengah mereka memberi perhatian khusus terhadap usaha ini, contohnya: Aban bin 'Othman bin 'Affan r.a (32-105H) dan 'Urwah bin az-Zubair bin al-'Awwam (23-93H). Contoh di kalangan tabien kecil pula ialah, Abdullah bin Abu Bakar al-Ansori (meninggal dunia pada 135H), Muhammad bin Muslim bin Syihab az-Zuhri (50-124H) yang mengumpulkan sunnah pada zaman 'Umar bin 'Abdul 'Aziz hasil perintahnya, juga 'Asim bin 'Umar bin Qatadah al-Ansori (meninggal dunia 129H).

Kemudian keprihatinan terhadap Sirah telah berpindah kepada generasi selepas mereka, sehingga generasi ini menulis sirah dalam penulisan yang khusus (diasingkan daripada bidang yang lain). Di antara pengarang awal Sirah yang paling terkenal ialah Muhammad bin Ishaq bin Yasar (Ibnu Ishaq) (meninggal dunia 152H). Jumhur 'ulama dan para ahli hadis bersepakat mengatakan beliau thiqah, kecuali Malik dan Hisyam bin 'Urwah bin az-Zubair. Diriwayatkan bahawa Malik dan Hisyam mempertikaikan beliau. Namun, kebanyakan 'ulama muhaqqiqin menafsirkan tindakan kedua-dua orang 'alim besar ini mempertikaikan kethiqahan Ibnu Ishaq adalah disebabkan persengketaan peribadi yang berlaku di antara mereka.

Ibnu Ishaq pula telah menulis kitab al-Maghazi. Kitab ini mengandungi hadis-hadis dan riwayat-riwayat, yang (didengarnya sendiri di Madinah dan Mesir. Dukacitanya, kitab ini tidak sampai kepada kita. Ia telah hilang bersama kitab-kitab lain yang hilang daripada warisan ilmu kita yang kaya. Akan tetapi, kandungan kitab itu masih kekal terpelihara.

Kerana Ibnu Hisyam telah meriwayatkannya dalam kitab sirah beliau daripada jalan riwayat gurunya, al-Bakka-ie, salah seorang murid Ibnu Ishaq yang terkenal.

### ***Sirah Ibnu Hisyam***

Beliau ialah Abu Muhammad Abdul Malik bin Ayyub al-Himyari (dikenali dengan Ibnu Hisyam). Membesar di Basrah dan meninggal dunia pada tahun 213 atau 218H mengikut perbezaan riwayat. Ibnu Hisyam telah menulis kitab as-Sirah an-Nabawiyah. Kitab ini mengandungi peristiwa sirah yang diriwayatkan oleh gurunya, al-Bakka-ie daripada Ibnu Ishaq, di samping peristiwa sirah yang beliau riwayat sendiri daripada guru-gurunya. Iaitu riwayat yang tidak disebut oleh Ibnu Ishaq dalam kitab sirahnya. Beliau telah menyebut riwayat Ibnu Ishaq yang tidak menepati citarasa ilmunya dan yang dikritiknya. Kitab ini muncul sebagai sumber Sirah Nabi s.a.w. yang paling amanah, paling sahih, dan paling teliti. Ia diterima oleh orang ramai menyebabkan mereka terus menamakan kitab itu dengan nama beliau; Sirah Ibnu Hisyam. Kitabnya ini telah disyarahkan oleh dua orang 'alim diri Andalus: as-Suhaili (508-581H) dan al-Khusyani (535-604H)

### ***Tobaqot Ibnu Saad***

Beliau ialah Muhammad bin Saad bin Mani' az-Zuhri (dikenali dengan Ibnu Saad). Lahir di Basrah pada 168H dan meninggal dunia di Baghdad pada 230H. Beliau adalah seorang penulis kepada Muhammad bin 'Umar al-Waqidi (130-207H), ahli sejarah yang terkenal dalam bidang kisah-kisah peperangan dan sirah. Ibnu Saad menyusun tulisannya dalam kitabnya, at-Tobaqot (selepas menulis tentang Sirah Rasul a.s. dengan menyebut nama-nama sahabat dan tabien mengikut lapisan generasi (tobaqot), kabilah dan kawasan mereka. Kitab beliau, at-Tobaqot dianggap antara sumber awal sirah yang paling dipercayai dan faktanya paling terpelihara dengan dinyatakan latar belakang sahabat dan tabien.

### ***Tarikh at-Tobari***

Abu Jaafar Muhammad bin Jarir at-Tobari (224-310H). Seorang imam, faqih, ahli hadis dan pengasas mazhab fiqh yang kurang tersebar. Penulisan beliau di bidang sejarah, tidak terbatas kepada Sirah Rasul a.s., bahkan sejarah umat-umat sebelumnya. Beliau menyediakan bahagian yang khusus untuk Sirah Baginda a.s., seterusnya menyambung perbincangan tentang sejarah negara-negara Islam sehingga beliau hampir meninggal dunia.

Apa yang diriwayatkan oleh at-Tobari boleh dijadikan hujah dan dipercayai. Walau bagaimanapun, banyak riwayat dhaif atau batil yang beliau sebut, beliau berpada dengan menyandarkan riwayat tersebut kepada perawinya. Ini kerana pada zaman beliau, orang ramai mengenali perawi tersebut. Contohnya, apa yang diriwayatkan daripada Abu Mikhnaf. Abu Mikhnaf adalah seorang pengikut Syiah yang taksuf. Namun begitu at-Tobari banyak memasukkan riwayat beliau ke dalam tulisannya dengan cara menyandarkan riwayat tersebut kepada Abu Mikhnaf. At-Tobari seolah-olah melepaskan tanggungjawab riwayat tersebut dan meletakkannya ke bahu Abu Mikhnaf.

### ***Perkembangan penulisan Sirah***

Kemudian, penulisan Sirah terus berkembang. Sesetengah aspek telah ditulis secara khusus dan berasingan seperti, Dala-il an-Nubuwwah (Tanda-tanda Kenabian) oleh al-Asbahani, Syama-il al-Muhammadiyah (Perwatakan Muhammad) oleh at-Tirmizi, Zadul Ma'ad (Bekalan ke Tempat Kembali) oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, as-Syifa' (Kesembuhan) oleh Qadhi 'Iyadh dan al-Mawahib al-Ladunniyah (Bakat-bakat Kurniaan Tuhan) oleh al-Qastoluni. Ia disyarah dalam lapan jilid oleh az-Zarqani yang meninggal pada tahun 1122H.

Demikianlah, 'ulama masih terus menulis berkenaan Sirah ar-Rasul a.s. dengan cara

moden yang diterima oleh citarasa anak-anak masa kini. Di antara kitab paling terkenal pada zaman moden kita ialah kitab Nur al-Yaqin fi Sirah Sayyid al-Mursalin oleh Syeikh Muhammad al-Khudhori rahimahullah. Kitabnya telah mendapat sambutan yang baik dan diputuskan untuk dipelajari di sekolah-sekolah agama di kebanyakan ceruk rantau Alam Islami.

## Bahagian 1

### KEHIDUPAN BAGINDA SEBELUM DIUTUSKAN SEBAGAI RASUL

#### A) Peristiwa-peristiwa Sejarah

Riwayat-riwayat yang sabit berkenaan kehidupan Baginda s.a.w. sebelum diutuskan sebagai Rasul menunjukkan kepada kita beberapa hakikat berikut:

1. Bani Hasyim merupakan keturunan Quraisy yang paling mulia. Manakala Quraisy pula adalah kabilah 'Arab yang paling mulia dan berketurunan bersih. Mereka juga memiliki kedudukan yang paling tinggi di kalangan bangsa Arab. Diriwayatkan daripada al-Abbas r.a., daripada Rasulullah s.a.w., Baginda bersabda:

*“Sesungguhnya Allah mencipta makhluk ini, lalu Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik makhluk dan daripada sebaik-baik kelompok mereka (manusia). Dia juga menjadikan aku daripada sebaik-baik kumpulan di antara dua kumpulan (Arab dan bukan Arab). Kemudian Dia meneliti pemilihan kabilah-kabilah secara rapi, maka Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik kabilah (Quraisy). Kemudian Dia meneliti pemilihan keluarga-keluarga secara rapi, maka Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik keluarga (Bani Hasyim). Sementara aku adalah sebaik-baik jiwa (sehingga dipilih menjadi rasul dan penutup segala nabi) dan sebaik-baik keluarga di kalangan mereka. (asal-usul keturunan ibu bapa dan nenek moyang Baginda tiada yang lahir daripada perzinaan, bahkan melalui pernikahan yang sah)”.  
(Riwayat at-Tirmizi dengan sanad yang sahih).*

Oleh kerana keturunan Baginda s.a.w. adalah mulia di kalangan Quraisy, kita tidak temui isu keturunan menjadi bahan celaan mereka terhadap Nabi s.a.w.. Ini disebabkan kemuliaan keturunan Baginda cukup jelas kepada mereka. Quraisy telah mencela Baginda dengan banyak isu yang direka-reka tetapi bukan dalam isu keturunan.

2. Baginda membesar sebagai anak yatim. Bapa Baginda, Abdullah telah meninggal dunia ketika ibu Baginda baru mengandungkan Baginda dua bulan. Apabila Baginda berusia 6 tahun, ibu Baginda, Aminah pula meninggal dunia. Oleh itu, semasa kecil Baginda s.a.w. telah merasai pahit maung tidak mendapat belaian kasih sayang ibu bapa. Selepas itu, Baginda telah dipelihara oleh datuk Baginda, Abdul Muttolib. Ketika berumur 8 tahun, datuk Baginda pula meninggal dunia. Dengan itu Baginda selanjutnya dipelihara oleh bapa saudara Baginda, Abu Tolib sehingga Baginda besar dan dewasa. Keyatiman Baginda ini telah disebut oleh al-Quran al-Karim dengan firman Allah Taala:

أَلَمْ نَجِدَكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ

*Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lain Dia memberikan perlindungan? (Ad-Dhuha: 6)*

3. Rasulullah s.a.w. menghabiskan empat tahun pertama zaman kanak-kanak di padang pasir, di perkampungan Bani Saad. Oleh itu, Baginda membesar dengan tubuh yang kuat, jasmani yang sejahtera, lidah yang fasih, jiwa yang berani dan mampu menunggang kuda dengan baik sekalipun masih kecil usianya. Bakat-bakat Baginda terasah dalam kemurnian dan keheningan padang pasir, dibawah kilauan pancaran matahari dan udara yang bersih.

4. Keunggulan Baginda telah diketahui sejak kecil lagi. Tampak pada roman mukanya tanda-tanda kecerdikan yang menimbulkan rasa sayang kepada sesiapa yang melihat Baginda. Apabila Rasul s.a.w. datang ke majlis datuknya semasa zaman kanak-kanak,

Baginda duduk di atas tilam datuknya. Sedangkan jika datuknya duduk di atas tilam itu, tiada seorangpun anak-anaknya (bapa saudara Rasul) akan duduk di atasnya. Oleh itu, bapa-bapa saudara Baginda cuba menariknya daripada tilam tersebut. Lantas Abdul Muttolib berkata: Biarkan cucuku ini. Demi Allah dia memiliki keistimewaan.

5. Pada awal remaja, Baginda s.a.w. mengembala kambing untuk penduduk Makkah dengan bayaran upah beberapa qirat (1/24 dinar). Telah sabit daripada Baginda s.a.w., bahawa Baginda bersabda:

مَامِنُ نَبِيٍّ إِلَّا قَدَرَ عَلَى الْغَنَمِ قَالُوا: وَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: وَأَنَا

*Semua nabi pernah mengembala kambing. Mereka bertanya: Kamu juga wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Aku juga begitu.*

Dalam riwayat lain, Baginda bersabda:

مَا بَعَثَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا رَعَى الْغَنَمَ فَقَالَ لَهُ أَصْحَابُهُ: وَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَأَجَابَ: وَأَنَا رَعَيْتُهَا لِأَهْلِ مَكَّةَ عَلَى قَرَارِ يَطِ

*Semua Nabi yang diutuskan Allah pernah mengembala kambing. Maka sahabat Baginda bertanya kepadanya: Kamu juga wahai Rasulullah? Lantas Baginda menjawab: Aku juga begitu. Aku pernah mengembala kambing untuk penduduk Makkah dengan upah beberapa qirat.*

Kemudian, apabila umur Baginda mencapai 25 tahun, Baginda berniaga untuk Khadijah binti Khuwailid. Baginda berniaga bermodalkan harta Khadijah dengan mendapat bayaran upah.

6. Baginda s.a.w. tidak menyertai rakan-rakan sebayanya di kalangan remaja Makkah dalam bersukaria dan berfoya-foya. Allah telah memelihara Baginda daripada terlibat dalam gejala tersebut. Kitab-kitab sirah menceritakan dengan panjang lebar, semasa usia remajanya, Baginda terdengar suara nyanyian daripada salah sebuah rumah di Makkah sempena majlis perkahwinan. Baginda teringin menyaksikannya. Tetapi Allah menjadikan Baginda tertidur. Baginda hanya terjaga setelah matahari panas terik. Baginda juga tidak terlibat bersama kaumnya menyembah berhala, makan sembelihan untuk berhala, minum arak dan bermain judi. Baginda juga tidak pernah bercakap celupar dan berkata kesat.

7. Sejak Baginda mula mumayyiz, Baginda dikenali mempunyai akal yang matang dan pandangan yang bernas. Peristiwa perletakan Hajarul Aswad ke tempatnya di Kaabah menjadi bukti yang jelas terhadap perkara ini. Kaabah telah dilanda banjir menyebabkan dindingnya retak. Oleh itu, penduduk Makkah membuat keputusan meruntuhkannya dan memperbaharui binaannya. Mereka melaksanakan keputusan itu. Namun, apabila pembinaan sampai ke peringkat meletak Hajarul Aswad ke tempat asalnya, mereka bertengkar tentang siapakah yang akan mendapat penghormatan untuk meletak Hajarul Aswad ke tempatnya. Setiap kabilah ingin mendapat penghormatan itu. Pertelingkahan bertambah hebat sehingga mereka saling mengancam untuk berperang. Kemudiannya mereka bersetuju untuk merujuk kepada orang pertama yang memasuki pintu masuk Bani Syaibah (salah satu pintu Masjidil Haram pent) sebagai hakim.

Sejurus kemudian, orang pertama yang memasuki masjid melalui pintu itu ialah Rasulullah s.a.w.. Apabila mereka melihat Baginda, mereka berkata: Ini al-Amin (gelaran kepada Rasulullah s.a.w.). Kami rela dengan hukumannya. Apabila Baginda diberitahu tentang pertelingkahan tersebut, Baginda menyelesaikan masalah itu dengan penyelesaian yang dipersetujui oleh semua pihak yang bertelingkah. Baginda membentangkan kain selendangnya, kemudian mengambil Hajarul Aswad dan diletakkan ke atas kain itu. Baginda



komudiannya menyuruh setiap kabilah ni memegang hujung selendang. Apabila mereka mengangkatnya dan Hajarul Aswad itu tiba ke tempat letaknya, Baginda mengambil dan meletakkannya ke tempatnya dengan tangan Baginda. Mereka semua berpuashati. Allah telah mengelakkan daripada berlaku pertumpahan darah orang-orang Arab melalui kecerdikan dan kebijaksanaan akal Baginda sehingga ke satu tempoh yang hanya diketahui oleh Allah.

8. Semasa remaja, Baginda s.a.w. dikenali sebagai seorang yang jujur dan amanah di kalangan kaumnya, Baginda terkenal dengan hubungan baik, menepati janji, perjalanan hidup mengikut landasan yang lurus dan reputasi baik. Ini menarik minat Khadijah untuk memberi tawaran kepada Baginda agar memperniagakan harta dagangannya melalui sebuah kafilah yang pergi ke kota Busra setiap tahun. Khadijah telah menyerahkan harta dagangan kepada Baginda, sekali ganda lebih banyak berbanding yang diberikan kepada lelaki daripada kaumnya sendiri. Apabila Baginda pulang ke Makkah, hamba Khadijah, Maisarah telah menceritakan kepadanya sikap amanah dan ikhlas Baginda. Khadijah juga melihat keuntungan banyak yang diperolehi dalam perniagaan tersebut. Kesemua itu mendorong beliau untuk menggandakan upah Baginda daripada yang telah dijanjikan. Perkara ini juga menarik minat Khadijah untuk melamar Baginda. Baginda telah menerima lamaran Khadijah sedangkan Baginda 15 tahun lebih muda daripadanya. Kata-kata Khadijah merupakan perakuan terbaik terhadap kebaikan akhlak Baginda sebelum kenabian. Kata-kata ini beliau ungkapkan ketika menenangkan Baginda yang pulang dalam keadaan menggeletar ketakutan setelah didatangi wahyu di Gua Hira: "Tidak sekali-kali. Demi Allah, Allah tidak akan sekali-kali menghina kamu. Kamu menghubungkan silaturrahim, membela pihak yang lemah, memberi pendapatan kepada yang tidak berharta, memuliakan tetamu dan menolong mereka yang berhak."

9. Baginda bermusafir keluar dari Makkah sebanyak dua kali. Pertama, bersama bapa saudara Baginda, Abu Tolib ketika berusia 12 tahun. Kedua, ketika berusia 25 tahun, sebagai peniaga kepada harta dagangan Khadijah. Kedua-dua destinasi perjalanan ini ialah kota Busra di Syam. Dalam kedua-dua perjalanan ini, Baginda mendengar perbualan para peniaga, melihat kesan-kesan negara yang dilaluinya, juga adat-adat yang diamalkan oleh penduduknya.

10. Beberapa tahun sebelum diutuskan sebagai Nabi, Allah telah menimbulkan rasa cinta kepada Baginda s.a.w., untuk pergi ke Gua Hira (sebuah bukit yang berdekatan dengan Makkah dan terletak di barat laut Makkah). Baginda berkhalwah di dalamnya selama sebulan (iaitu dilakukan dalam bulan Ramadhan. pent.) kerana memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah dan kehebatan kekuasaan-Nya. Perkara ini berterusan sehingga datang wahyu dan turunnya al-Quran al-Karim kepada Baginda.

## B) Pengajaran dan Pedoman

Daripada kisah-kisah di atas, pengkaji akan mendapati beberapa pengajaran dan kesimpulan seperti berikut:

1. Sekiranya pendakwah kepada Allah atau pengislah berada di kedudukan yang mulia di kalangan masyarakat, orang ramai akan lebih tertarik untuk mendengar seruannya.

Menjadi kebiasaan, masyarakat akan memperlekehkan para pengislah dan pendakwah sekiranya mereka berasal daripada latar belakang yang tidak dikenali atau keturunan yang hina. Apabila pendakwah yang menyeru masyarakat merupakan orang yang berketurunan mulia atau mempunyai kedudukan, mereka tidak mampu mentohmah pendakwah tersebut. Mereka hanya mampu mereka-reka fitnah bagi melepaskan diri daripada mendengar dakwah atau kata-katanya. Oleh kerana itu, setelah Rasul s.a.w. mengirinkan surat kepada Hercules (Maharaja Rom) mengajak beliau dan kaumnya kepada Islam, soalan pertama yang ditanyakan oleh Hercules kepada Abu Suffian ialah: "Bagaimanakah keturunan Muhammad dalam masyarakatmu?" Abu Suffian menjawab, (ketika itu beliau masih lagi musyrik): "Dia daripada keturunan kami yang paling mulia." Apabila Hercules selesai bertanya dan mendengar jawapan Abu Suffian tentang diri Baginda, Hercules menerangkan rahsia soalan-soalan yang dikemukakannya. Hercules berkata kepada Abu Suffian: "Aku tanyakan kepadamu, bagaimanakah keturunannya? Kamu mendakwa bahawa dia daripada keturunan kamu yang paling mulia. Demikianlah, Allah hanya memilih nabi daripada golongan yang mulia dalam kaumnya dan mempunyai keturunan yang paling baik." Benar, Islam tidak meletak apa-apa nilai kepada kemuliaan keturunan dalam menilai amalan seseorang. Namun, seseorang menjadi lebih mulia, berkedudukan dan mudah menempa kejayaan jika dia berketurunan dan berkeperibadian mulia. Sebagaimana dalam sebuah hadis sahih disebut:

خَيْرُ رُحْمٍ فِي الْجَاهِلِيَّةِ خَيْرٌ رُحْمٍ فِي الْإِسْلَامِ إِذَا فَقَهُوا

*Mereka yang terpilih semasa jahiliah adalah juga mereka yang terpilih semasa Islam sekiranya mereka memahaminya.*

2. Ketabahan pendakwah menanggung keperitan sebagai anak yatim atau kesusahan hidup semasa kecil, menjadikan beliau lebih sensitif dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia. Dia menjadi lebih belas simpati kepada anak yatira, orang miskin dan mereka yang diseksa. Ia juga menjadikan beliau berusaha untuk berlaku adil, melakukan kebajikan dan mengasihi golongan ini. Setiap pendakwah perlu kepada aset peri kemanusiaan yang mulia untuk membolehkan beliau merasai kesengsaraan orang yang lemah dan susah. Tiada yang boleh membekalkan perasaan kemanusiaan ini kepadanya kecuali beliau sendiri mengalami kesulitan yang dirasai oleh golongan yang lemah seperti anak-anak yatim, para fakir dan miskin.

3. Pendakwah yang hidup dalam suasana yang lebih hampir kepada fitrah semulajadi dan jauh daripada kehidupan kompleks, kemurnian fikiran, kekuatan akal, tubuh badan dan jiwa juga kesejahteraan rasional dan pemikiran akan mudah dibentuk. Oleh kerana itu, Allah tidak memilih orang Arab untuk melaksanakan risalah Islam secara kebetulan atau tanpa tujuan. Bahkan kerana mereka lebih berjiwa murni, berpemikiran sejahtera dan berakhlak mantap. Mereka lebih cekal menanggung kesukaran perang di jalan Allah dan menyebarkan risalah-Nya ke seluruh ceruk dunia jika dibandingkan dengan bangsa bertamadun yang berjiran dengan mereka.

4. Hanya orang yang cerdik dan cerdas layak memegang tampuk dakwah dan kepimpinannya. Orang yang bodoh dan sederhana pandai tidak layak menyandang kepimpinan gagasan, pengislahan mahupun kerohanian. Bahkan antara peraturan hidup,

mereka yang bodoh, berpemikiran bercelaru dan pelik, tidak layak memimpin mana-mana bidang kehidupan. Sekiranya secara kebetulan atau situasi yang ada memberi peluang kepada mereka untuk memegang pusat kepimpinan, dia akan jatuh menjunam. Masyarakat akan memecatnya setelah mendapati tindak tanduknya menunjukkan kebodohan, kejanggalan dan pemikirannya yang bercelaru.

5. Dalam urusan sara hidup, seseorang pendakwah perlu bergantung kepada usaha peribadinya dan sumber pencarian yang mulia. Dia tidak mengemis, merendahkan harga diri atau hina.

Pendakwah yang benar dan mulia tidak rela hidup dengan hasil sedekah dan pemberian orang.

Adakah mereka masih lagi mempunyai harga diri setelah mereka sendiri bertindak menjatuhkan maruah diri dengan sibuk meminta dan mengemis, walaupun bukan secara terang-terangan?! Apabila kita menemui ada yang mendakwa dirinya berdakwah dan memberi tunjuk ajar, namun dalam masa yang sama sibuk mengaut harta orang ramai dengan bermacam-macam helah, sebenarnya dia menghina diri sendiri. Bagaimana pula kaum dan jiran memandangnya?! Sesiapa yang merelakan dirinya hina, bagaimana dia mampu mengajak kepada kemuliaan akhlak, berdiri teguh menghadapi thaghut dan pembuat fasad, memerangi kejahatan dan kerosakan, serta membangkitkan roh kemuliaan, harga diri dan istiqamah dalam diri umat?!

6. Kehidupan pendakwah yang lurus semasa remaja dan perjalanan hidup yang baik lebih menjamin kejayaan beliau dalam dakwah kepada Allah, pengislahan akhlak dan memerangi mungkar. Ini kerana, dia tidak akan berhadapan dengan orang yang mencemuh keperibadiannya ketika dia masih belum berkecimpung dalam dakwah. Ramai yang kita menemui melakukan dakwah islah, khususnya pengislahan akhlak; faktor terbesar orang ramai menolak mereka ialah komen terhadap latar belakang hidup mereka yang tercemar dan akhlak mereka yang menyeleweng. Bahkan rekod masa lampau yang buruk menimbulkan keraguan terhadap kejujuran pendakwah seperti mereka. Mereka ditohmah berselindung di sebalik dakwah islah untuk mencapai sesuatu tujuan. Mereka juga dituduh hanya memulakan seruan pengislahan setelah merasa puas dengan kelazatan hidup dan syahwat. Mereka dianggap telah berada dalam kondisi atau usia yang tiada harapan lagi untuk mengejar kebendaan, harta, kemasyhuran atau kemegahan. Sementara itu, pendakwah yang hidup di atas landasan yang betul semasa remajanya akan sentiasa mengangkat kepala (tidak boleh diperendah-rendahkan) dengan dahi yang berseri-seri. Musuh-musuh pengislahan tidak menemui jalan untuk mencemuh masa lalunya yang terdekat mahupun yang lampau. Mereka tidak mampu mengeksploitasi sejarah lampau yang terpesong untuk memburukkan namanya atau mengajak orang ramai memperlekehkannya. Betul, Allah menerima taubat orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya dengan jujur dan ikhlas. Allah menghapuskan kejahatan yang lalu dengan kebaikan beliau yang kini. Akan tetapi, perkara ini tidak sama dengan pendakwah yang menunggu-nunggu kejayaan dakwahnya, disebabkan perjalanan hidupnya yang sentiasa berada di atas landasan yang lurus dan reputasinya yang baik.

7. Pengalaman pendakwah berkelana, bergaul dengan orang ramai, memahami adat, situasi dan masalah mereka, memberi kesan besar kepada kejayaan dakwahnya. Pendakwah yang berinteraksi dengan orang ramai hanya melalui buku dan esei tanpa bergaul dengan mereka yang mempunyai berbagai aliran, adalah golongan yang gagal dalam dakwah islah. Orang ramai tidak akan mendengar kata-kata mereka. Seruan mereka tidak akan dapat diterima oleh akal, kerana orang ramai melihat mereka jahil tentang kondisi dan permasalahan masyarakat. Sesiapa yang mahu mengislah golongan beragama, dia perlu hidup bersama mereka di masjid, di majlis dan dalam masyarakat mereka. Sesiapa yang ingin

mengislah golongan buruh dan peladang, dia mesti hidup dengan mereka di kampung dan kilang. Makan bersama di rumah mereka dan berbual dengan mereka dalam persekitaran masyarakat mereka. Sesiapa yang ingin mengislah urus niaga yang berlaku dalam masyarakat, dia patut bergaul dengan mereka di pasar, gedung perniagaan, kilang, kelab dan majlis mereka. Sesiapa yang berhasrat mengislah keadaan politik, dia hendaklah bercampur dengan ahli-ahli politik, mengenali organisasi mereka, mendengar ucapan mereka, membaca perjalanan program dan parti mereka. Dia juga perlu mengenal pasti persekitaran mereka tinggal, latar belakang pengetahuan yang mereka jadikan sumber dan hala tuju mereka. Agar dia tahu bagaimana bercakap dengan mereka tentang sesuatu perkara dan perkara tersebut tidak menyebabkan mereka menjauhkan diri. Lantaran itu, dia dapat mengetahui bagaimana melakukan pengislahan terhadap mereka melalui strategi yang tidak mendorong mereka memeranginya disebabkan rasa benci dan beremosi. Itulah pengalaman hidup dan pengetahuan berkaitan kemanusiaan yang mesti dimiliki oleh pendakwah. Ini membolehkannya merealisasikan firman Allah Taala:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik. (An-Nahl: 125)*

Alangkah indahnya kata-kata yang ma'thur:

جَا طُبُّوا النَّسَّ عَلَى قَدْرِ عُقُولِهِمْ ، أَثَرُ يَدُونَ أَنْ يُكْذِبُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

*"Hendaklah kamu berucap kepada manusia mengikut tahap kemampuan akal mereka. Adakah kamu mahu Allah dan Rasul-Nya didustakan?"*

8. Dari masa ke semasa, pendakwah kepada Allah mestilah mempunyai waktu untuk dia bersendirinya. Dalam tempoh itu, rohnya berhubung dengan Allah Jalla Sya'nuh. Jiwanya dibersihkan daripada kotoran akhlak tercela dan kehidupan kacau bilau di sekelilingnya. Bersendirinya seumpama ini akan mengajak pendakwah memuhasabah diri, andainya dia cuai melakukan kebaikan, tergelincir dari landasan yang dituju dan menjauhi jalan hikmah. Boleh jadi dia melakukan kesilapan dalam cara, manhaj dan jalan, atau dia tenggelam bersama orang ramai dalam perdebatan dan perbincangan. Sehingga dia alpa daripada zikrullah, bermesra dengan-Nya dan lupa mengingati akhirat sama ada syurga mahupun neraka. Perdebatan tersebut menyebabkannya lupa tentang kesengsaraan dan kesakitan mati. Oleh kerana itu, tahajjud dan qiamullail menjadi fardhu bagi Nabi s.a.w. dan hanya sunat kepada orang lain. Orang yang sepatut mengambil berat amalan sunat ini ialah para pendakwah ke jalan Allah, syariat dan syurga-Nya. *Khulwah* (bersendirian), tahajjud dan qiamullail di penghujung malam mempunyai kelazatan yang tidak diketahui kecuali mereka yang Allah muliakan melalui amalan-amalan tersebut. Ibrahim bin Adham rahimahullah berkata seketika selepas bertahajjud dan beribadat: "Kelazatan yang kami kecapi jika diketahui oleh raja-raja, pasti mereka akan memerangi kami demi memperolehinya."

Cukuplah untuk pedoman kita, firman Allah Tabaraka wa Taala yang ditujukan kepada Baginda s.a.w.:

يَتَأْتِيهَا الْمُرْمِلُ ﴿١﴾ فَمِ اللَّيْلِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِصْفَهُ أَوْ أَنْقُصَ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدَ عَلَيْهِ وَرَتَّلِ  
الْقُرْآنَ أَنْ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْأً وَأَقْوَمُ

قِيلًا ﴿٦﴾

*Wahai orang yang berselimut! Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat). Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu. Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan "Tartil". (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya). Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya. (Al-Muzzammil: 1-6)*

## Bahagian 2

### PERMULAAN WAHYU SEHINGGA HIJRAH KE HABSyah

#### A) Peristiwa-peristiwa Sejarah

Di dalam tempoh ini, peristiwa-peristiwa sejarah berikut terbukti berlaku:

1. *Wahyu diturunkan kepada Rasul s.a.w.:* Apabila Nabi s.a.w. berusia genap 40 tahun, Jibril turun membawa wahyu kepada Baginda. Ia berlaku pada hari Isnin, 17 Ramadhan. Imam al-Bukhari r.h.m. meriwayatkan kepada kita tentang cara penurunan wahyu dalam Kitab Sahihnya dengan sanad yang bersambung kepada Aishah, kata beliau:

*Perkara pertama yang mula-mula berlaku kepada Rasulullah s.a.w. ialah mimpi baik semasa tidur. Baginda hanya bermimpi melihat ia datang seperti cahaya subuh. Kemudian ditimbulkan kepada Baginda rasa cinta untuk berkhulwah (bersendirian). Baginda berkhulwah di Gua Hira. Baginda beribadat di dalamnya untuk beberapa malam sebelum pulang menemui keluarganya bagi mengambil bekalan untuk khulwah seterusnya. Kemudian Baginda kembali menemui Khadijah, mengambil bekalan yang seumpamanya. Seinggalah wahyu kebenaran diturunkan kepada Baginda ketika berada di Gua Hira. Malaikat (Jibril) datang menemui Baginda seraya berkata: Bacalah. Baginda berkata: Aku tidak tahu membaca. Baginda menceritakan: Maka dia memegang dan menutupi aku sehingga aku merasa kepenatan. Kemudian dia melepaskan aku. Dia berkata lagi: Bacalah. Maka aku berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dia memegang dan menutupi aku untuk kali kedua sehingga aku merasa penat. Kemudian dia melepaskan aku. Dia berkata kembali: Bacalah. Maka aku berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dia memegang dan menutupi aku untuk kali ketiga. Kemudian dia melepaskan aku seraya berkata:*

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ يَكُنْ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (Al-Alaq: 1-5)*

Setelah itu, Rasulullah s.a.w. pulang dalam keadaan gementar. Baginda mendapatkan Khadijah binti Khuwailid r.h.a. seraya berkata: "Selimutkan aku, selimutkan aku." Khadijah segera menyelimutkan Baginda sehingga hilang rasa takut. Baginda menceritakan apa yang berlaku dan berkata: "Aku bimbangankan diriku."

Lantas Khadijah berkata: "Tak mungkin. Demi Allah, Allah tidak sekali-kali akan menghina kamu. Kamu menyambung silaturrahim, menanggung pihak yang lemah, memberi pendapatan kepada yang tidak berharta, memuliakan tetamu dan menolong mereka yang hak."

Setelah itu, Khadijah bersama Rasulullah s.a.w. berangkat menemui Waraqah bin Naufal bin Asad bin 'Abdul 'Uzza. Waraqah merupakan sepupu Khadijah. Beliau seorang lelaki yang menganut agama Nasrani semasa jahiliyah. Beliau juga boleh menulis dalam

bahasa Ibrani. Beliau telah menulis Injil dengan bahasa Ibrani setakat yang dikehendaki Allah. Ketika pertemuan ini, dia telah tua dan buta. Khadijah berkata: "Wahai sepupuku, dengarlah (kisah) daripada anak sahabatmu." Maka Waraqah bertanya kepada Baginda: "Wahai anak sahabatku, apa yang kamu lihat?" Lantas Rasulullah s.a.w. menceritakan apa yang telah dilihatnya. Waraqah berkata: "Ia adalah Namus (pembawa wahyu, iaitu Jibril) yang pernah turun kepada nabi Musa a.s.. Alangkah baiknya kalau aku masih muda remaja dan kuat. Semoga aku masih hidup ketika kaum kamu mengusirku keluar." Lantas Rasulullah s.a.w. bertanya: "Adakah mereka akan mengusir aku keluar?" Dia berkata: "Ya. Tiada seorang lelaki yang datang membawa seperti apa yang kamu bawa, pasti akan dimusuhi. Sekiranya aku sempat dengan hari itu, aku akan menolong kamu semampuku." Tidak lama kemudian, Waraqah meninggal dunia. Sementara wahyu pula telah terhenti sementara waktu.

Dalam riwayat Ibnu Hisyam daripada Ibnu Ishaq disebut: Jibril datang menemui Rasulullah s.a.w. ketika Baginda sedang tidur di Gua Hira. Dia datang dengan membawa sejenis bekas daripada sutera yang diletakkan kitab di dalamnya. Jibril berkata: "*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melaluipena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*" (*Al-Alaq: 1-5*). Baginda berkata: "Maka aku membacanya. Kemudian, setelah selesai dia beredar, lalu aku terjaga daripada tidur. Seolah-olah tertulis dalam hatiku satu tulisan." Baginda berkata: "Maka aku keluar (daripada gua itu) sehingga aku berada di tengah-tengah bukit. Aku dengar satu suara daripada langit berkata: "Wahai Muhammad, kamu adalah utusan Allah, aku adalah Jibril." Baginda berkata: "Lantas aku mendongak kepalaku ke langit untuk melihat. Tiba-tiba (muncul) Jibril dalam bentuk seorang lelaki yang menyandarkan kedua-dua kakinya di ufuk langit. Dia berkata: "Wahai Muhammad, kamu adalah utusan Allah dan aku adalah Jibril." Baginda berkata: "Aku tercegat melihatnya, tidak mara mahupun berundur. Aku memalingkan mukaku daripadanya di ufuk langit. Namun apabila aku memandang ke arah langit yang lain, aku tetap melihatnya juga. Aku terus tercegat berdiri, tidak ke depan mahupun ke belakang sehinggalah Khadijah mengutuskan utusan-utusannya mencariku.... (hingga akhir riwayat).

2. Orang pertama yang beriman dengan Baginda dan memeluk Islam ialah isteri Baginda, Khadijah r.h.a., kemudian sepupu Baginda, Ali r.a.. Ketika itu Ali masih kanak-kanak berumur 10 tahun. Kemudian diikuti pula oleh bekas hamba Baginda, Zaid bin Harithah. Kemudiannya Abu Bakar as-Siddiq r.a.. Hamba sahaya yang mula-mula sekali memeluk Islam ialah Bilal bin Rabah al-Habsyi. Oleh itu, Khadijah merupakan orang yang pertama beriman dengan Baginda secara mutlak. Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang bersamanya pada petang hari Isnin. Ia merupakan hari pertama Baginda bersembahyang. Solat ketika itu dilakukan dua rakaat di waktu subuh dan dua rakaat di waktu petang.

3. Kemudian wahyu terhenti untuk seketika. Berlaku perselisihan riwayat tentang tempohnya. Yang paling lama ialah tiga tahun dan paling singkat ialah enam bulan. Riwayat enam bulan itulah yang sahih. Ketika tempoh terputusnya wahyu, Rasulullah s.a.w. merasa susah hati dan amat dukacita, sehingga Baginda hampir-hampir keluar ke kawasan bukit dan ingin menghancurkan diri daripada puncaknya<sup>2</sup>. Baginda menyangka Allah telah membencinya setelah memilihnya untuk tugas risalah yang mulia. Selepas itu, wahyu kembali turun kepada Baginda, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab

---

<sup>2</sup> Ayat: "hampir-hampir menghancurkan diri daripada kemuncak bukit kerana dukacita wahyu terhenti sekalipun terdapat dalam kitab Sahih al-Bukhah, ia adalah daripada retorika az-Zuhri. Ia tidak bersambung kait dengan riwayat asal. Sebagaimana yang disebut oleh pengarang kitab Fathul Bah. Lihat Fathul Bah 12/316.

Sahihnya, daripada Jabir bin Abdullah al-Ansori, daripada Nabi s.a.w.:

*Ketika aku sedang berjalan-jalan, tiba-tiba aku mendengar satu suara daripada langit. Aku mengangkat pandanganku. Rupa-rupanya ia adalah malaikat yang telah datang kepada aku di Gua Hira'. Malaikat itu sedang duduk di atas kerusi di antara langit dan bumi. Aku merasa takut kepadanya, lantas aku pulang. Aku berkata: Selimutkan aku. Maka Allah Taala telah menurunkan:*

يٰۤاَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنْذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ﴿٥﴾

*Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaran-Nya! Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi. (Al-Muddathir: 1-5)*

Setelah itu wahyu turun berterusan.

4. Selepas itu, Rasulullah s.a.w. mula berdakwah kepada Islam di kalangan orang yang dipercayai (kerasionalan) akalinya selama tiga tahun cukup. Hasilnya, beberapa orang lelaki dan wanita yang terkenal dengan pemikiran yang matang dan jiwa yang sejahtera, telah memeluk Islam.

Setelah bilangan mereka yang memeluk Islam mencapai kira-kira 30 orang, Allah memerintahkan Rasul-Nya s.a.w. untuk menyampaikan dakwah secara terang-terangan. Ini dinyatakan dalam firman-Nya:

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

*Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu. (Al-Hijr: 94)*

5. Ekoran dakwah secara terang-terangan itu, bermulalah peringkat menyakiti orang-orang mukmin yang baru memeluk Islam. Bahkan Rasulullah s.a.w. turut disakiti. Orang musyrik merasa bimbang apabila Rasul memperbodohkan pemikiran mereka, membongkar kecacatan tuhan-tuhan mereka dan mengemukakan agama baru kepada mereka. Agama itu mengajak kepada Tuhan yang Esa. Tuhan yang tidak dapat dilihat oleh mata dan pandangan, sedangkan Dia yang mengetahui hakikat pandangan mata. Dia juga Tuhan yang Maha Lemah Lembut lagi Maha Mengetahui apa yang telah dan akan berlaku.

6. Dalam tempoh ini Rasul s.a.w. bersama orang-orang mukmin berhimpun secara sulit di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam. Al-Arqam bin Abi al-Arqam ketika itu telah memeluk Islam. Baginda membacakan ayat-ayat al-Quran al-Karim yang diterimanya kepada mereka di samping mengajar mereka hukum-hakam dan syariat agama yang telah diturunkan ketika itu.

7. Pada suatu hari, Rasul s.a.w. diperintahkan untuk memberi amaran kepada kaum keluarganya yang terdekat. Maka Baginda berdiri di bukit Sofa, menyeru satu persatu keluarga Quraisy. Baginda mengajak mereka kepada Islam dan meninggalkan penyembahan berhala. Baginda memotivasi mereka kepada syurga dan memberi amaran tentang neraka. Ekoran dakwah itu, Abu Lahab menengking Baginda: "Celaka kamu, adakah untuk ini kamu mengumpulkan kami?"

8. Quraisy ingin bertindak ke atas Rasul s.a.w., namun bapa saudara Baginda, Abu Tolib



melindunginya. Beliau enggan menyerahkan Baginda kepada mereka. Setelah Quraisy beredar, Abu Tolib meminta Baginda untuk mengendur-kan dakwahnya. Baginda menyangka bapa saudaranya tidak lagi mahu membantunya, maka Baginda mengucapkan kata-katanya yang masyhur:

والله يا عم لو وضعوا الشمس في يميني والقمر في يساري على أن أترك هذا الأمر حتى يظهره الله أو أهلك دونه ما تركته

*"Demi Allah, wahai bapa saudaraku! Kalau mereka meletakkan matahari di sebelah kananku dan bulan di sebelah kiriku supaya aku meninggalkan urusan ini, sekali-kali aku tidak akan meninggalkannya, sehingga-lah Allah memenangkannya atau aku binasa kerananya".*

9. Selepas peristiwa tersebut, orang musyrik semakin hebat menyakiti Rasul s.a.w. dan para sahabat. Sehingga ada yang mati disiksa dan ada yang buta.

10. Apabila Quraisy melihat orang-orang mukmin tetap teguh dengan aqidah mereka (sekalipun disiksa dan disakiti), mereka membuat keputusan untuk berunding dengan Rasul s.a.w.. Mereka menawarkan harta sebanyak mana yang Baginda mahu, atau melantik Baginda sebagai raja mereka. Namun Baginda menolak semua tawaran itu.

11. Perhatikan kedegilan dan penyiksaan berterusan Quraisy terhadap para sahabat, Rasulullah s.a.w. berkata kepada para sahabatnya: "(Bagaimana) kalau sekiranya kamu keluar ke bumi Habsyah. Di sana ada seorang raja yang tidak menzalimi sesiapa yang tinggal di negerinya. (Kamu tinggal di sana) sehinggalah Allah menjadikan untuk kamu jalan keluar kepada kesulitan kamu ini."

Oleh itu, para sahabat berhijrah ke sana untuk kali pertama seramai 12 orang lelaki dan 4 wanita. Namun, selepas menerima khabar pengislaman Umar dan kejayaan Islam, mereka pulang kembali ke Makkah. Akan tetapi, tak lama kemudian mereka pergi semula ke Habsyah bersama orang-orang mukmin yang lain. Bilangan mereka dalam hijrah kali kedua ke Habsyah ini seramai 83 orang lelaki dan 11 orang wanita.

12. Selanjutnya, orang-orang musyrik bertindak memboikot Rasulullah s.a.w., Bani Hasyim dan Bani Muttolib. Orang musyrik tidak lagi berjual beli, bernikah dan bergaul dengan mereka. Orang musyrik juga tidak menerima sebarang perdamaian daripada mereka. Pemboikotan itu berlanjutan selama dua atau tiga tahun. Rasul s.a.w. dan orang yang bersamanya berhadapan dengan kesulitan yang teruk kesan pemboikotan tersebut. Ia berakhir hasil usaha tokoh-tokoh Quraisy yang rasional.

## **B) Pengajaran dan Pedoman**

1. Apabila Allah ingin mendorong seseorang hamba berdakwah kepada kebaikan dan pengislaman, Dia akan mencampakkan ke dalam hatinya, rasa benci kepada kesesatan dan kerosakan yang dilakukan oleh masyarakatnya.

2. Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah bercita-cita menjawat tugas kenabian dan tidak pernah mengimpikannya. Apa yang Allah ilhamkan kepada Baginda hanyalah rasa cinta untuk berkhulwah melakukan ibadat. Allah mengilhamkan perasaan tersebut sebagai proses pembersihan dan persediaan rohani untuk memikul bebanan risalah. Sekiranya Baginda s.a.w. bercita-cita memperolehi kenabian, nescaya Baginda tidak takut ketika wahyu diturunkan kepadanya. Baginda juga tidak akan menemui Khadijah meminta penerangan tentang rahsia kejadian yang dilihatnya dalam Gua Hira itu. Rasul s.a.w. mendapat kepastian bahawa Baginda adalah Rasul, hanya setelah melihat Jibril. Begitu juga setelah Waraqah bin Naufal menegaskan perkara itu kepada Baginda. Waraqah memberitahu Baginda, apa yang dialami

Baginda di dalam gua tersebut adalah wahyu yang pernah diturunkan kepada nabi Musa a.s..

3. Jika dakwah islah merupakan satu perkara yang janggal kepada kepercayaan dan mentaliti kebanyakan orang ramai, pendakwah tidak perlu menyampaikannya secara lantang. Dia perlu menanggung langkah dakwah secara terang-terangan sehinggalah sebilangan manusia telah mengimani dakwah tersebut dan sanggup berkorban apa sahaja, mahal mahupun murah, demi jalan dakwah. Langkah ini dilakukan supaya jika pelopor dakwah disakiti, para pengikut yang beriman dengan dakwahnya akan bangkit melakukan kewajipan dakwah (menggantikan beliau). Dengan itu, kesinambungan dakwah akan terjamin.

4. Rasulullah s.a.w. telah mengejutkan Arab dengan perkara yang asing bagi mereka. Oleh itu, mereka menyanggah keras dakwah Baginda. Cita-cita mereka hanya untuk menghapuskan Baginda dan para sahabat. Penentangan ini merupakan jawapan dalam bentuk sejarah terhadap dakwaan pejuang perkauman. Mereka mendakwa nabi Muhammad s.a.w. dan risalah Baginda mewakili cita-cita dan aspirasi Arab ketika itu. Ini adalah dakwaan yang melucukan. Ia ditolak oleh fakta-fakta sejarah yang diperakui, sebagaimana yang kita dapati. Sebab yang mendorong mereka membuat dakwaan sebegini hanyalah berpunca daripada sikap ekstrim dalam mendokong seruan perkauman. Dakwaan ini juga didorong oleh keinginan mereka menjadikan Islam sebagai urusan yang lahir daripada keperibadian dan pemikiran Arab. Ia juga merupakan keingkaran yang nyata terhadap kenabian Rasul s.a.w. di samping merendahkan-rendahkan risalah Islam.

5. Walaupun setelah golongan jahat dan sesat mengenakan seksaan dan penindasan ke atas orang-orang mukmin, mereka tetap berpegang dengan akidah mereka. Ini menjadi bukti kejujuran iman dan keikhlasan pegangan akidah mereka. Ia juga menunjukkan ketinggian jiwa dan rohani mereka. Mereka menganggap kesakitan yang menimpa hanyalah sebagai satu kerehatan perasaan, juga ketenangan jiwa dan akal. Mereka lebih mendambakan keredhaan Allah Jalla Sya'nuh berbanding penyiksaan, halangan dan penindasan yang dialami oleh jasad mereka.

Penguasaan hakiki bagi orang-orang mukmin yang jujur dan pendakwah yang ikhlas adalah kepada roh-roh mereka, bukan kepada tubuh badan mereka. Mereka segera menyahut tuntutan rohani tanpa menghiraukan kerehatan, kekenyangan dan kelazatan yang dituntut oleh jasad mereka. Dengan sikap inilah, dakwah telah menang dan kebanyakan orang ramai ber-jaya dibebaskan daripada kegelapan kesesatan dan kejahilan.

6. Sabda Rasul s.a.w. kepada bapa saudara Baginda Abu Tolib dan keengganan Baginda menerima tawaran harta dan takhta yang ditawarkan oleh Quraisy menjadi bukti kebenaran dakwaan kerasulan Baginda. Ia juga menjadi bukti kesungguhan Baginda membawa petunjuk kepada manusia. Demikian juga, seseorang pendakwah sepatutnya tekad meneruskan dakwahnya walau bagaimana golongan batil berhimpun menentangnya. Dia perlu mengalih pandangannya daripada godaan mereka yang menawarkan kemegahan dan pangkat. Bagi orang-orang mukmin, susah payah di jalan kebenaran merupakan kerehatan jiwa dan hati mereka. Pada mereka, redha Allah dan syurga-Nya lebih mulia dan lebih berharga daripada segala pangkat, kemegahan dan harta dunia.

7. Pendakwah mestilah berada bersama-sama para penyokongnya untuk tempoh tertentu pada setiap hari atau setiap minggu. Ia bertujuan untuk mempertingkatkan keimanan mereka terhadap dakwah, mengajar mereka tentang jalan, cara dan adab dakwah. Dia wajib menjadikan perhimpunan mereka rahsia apabila bimbang keselamatan diri dan jamaahnya terancam ekoran perhimpunan terang-terangan. Langkah ini agar golongan batil tidak berkompromi menghapuskan mereka atau meningkatkan penyiksaan dan penindasan ke atas mereka.

8. Seorang pendakwah mestilah mengambil berat tentang kaum kerabatnya. Dia perlu menyampaikan dakwah islah kepada mereka. Namun sekiranya mereka menolak, dia akan mempunyai alasan di hadapan Allah dan manusia terhadap kerosakan dan kesesatan kaum kerabatnya itu.
9. Apabila pendakwah mendapati jamaahnya dalam bahaya, sama ada kepada nyawa atau berbentuk ancaman fitnah kepada pegangan akidah, dia mestilah menyediakan tempat yang selamat untuk penyokongnya daripada pencerobohan golongan batil tersebut. Usaha ini tidak menafikan kewajipan para pendakwah kebenaran untuk berkorban. Namun jika bilangan mereka sedikit, golongan batil akan berjaya menghapuskan mereka dan melenyapkan dakwah sekaligus. Sementara kewujudan mereka di tempat yang selamat, menjadi jaminan kepada kesinambungan dakwah dan penyebarannya.
10. Perintah Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat agar berhijrah ke Habsyah sebanyak dua kali menunjukkan ikatan agama sesama golongan beragama (walaupun berbeza agama mereka) adalah lebih kuat dan kukuh. Ini berbanding ikatan mereka dengan penyembah berhala dan golongan atheis. Agama-agama Samawi dari segi sumber dan asas-asasnya yang aahih, sepakat dalam objektif utama sosial. Ia juga sepakat dalam persoalan keimanan kepada Allah, rasul-rasul-Nya dan hari Akhirat. Kebersamaan ini menjadikan jalinan kekerabatan antara agama-agama ini lebih kukuh berbanding mana-mana jalinan lain; Sama ada ikatan kaum kerabat, hubungan darah ataupun tempat tinggal yang berpasakkan pegangan atheism, keberhalaan dan kekufuran terhadap syariat Allah.
11. Golongan batil tidak mudah menyerah kalah kepada pendokong kebenaran. Setiap kali usaha pembasmian dakwah yang digunakan gagal mencapai objektifnya, mereka akan mencipta cara dan medium yang lain. Demikianlah penentangan ini akan berterusan sehinggalah kebenaran benar-benar mencapai kemenangan yang muktamad dan kebatilan menghembus nafasnya yang terakhir.

## Bahagian 3

### SELEPAS HIJRAH KE HABSYPH HINGGA HIJRAH KE MADINAH

#### A) Peristiwa-peristiwa Sejarah

Fasa ini lebih istimewa berbanding fasa-fasa yang lain ekoran berlaku beberapa peristiwa yang terkenal:

1. Abu Talib, bapa saudara Rasulullah s.a.w. telah meninggal dunia pada tahun ke-10 kerasulan. Abu Talib semasa hayatnya, kuat mempertahankan anak saudaranya, iaitu Rasulullah s.a.w.. Quraisy tidak berjaya menyakiti diri Nabi s.a.w. sepanjang hayat Abu Talib kerana mereka hormat dan gerun kepadanya. Apabila beliau meninggal dunia, Quraisy mula berani bertindak kasar terhadap Nabi s.a.w.. Lantaran itu, kematian beliau menimbulkan rasa sugul yang mendalam kepada Nabis.a.w..Nabi bersungguh-sungguh mendesak Abu Talib untuk mengucap kalimah syahadah ketika beliau terbaring nazak pada saat-saat akhir kematiannya. Namun Abu Talib enggan kerana bimbang beliau akan mendapat malu daripada kaumnya.

2. Khadijah r.ha. juga meninggal dunia pada tahun yang sama. Sebelum itu, Khadijah berperanan meringankan kerungsingan dan kesedihan Rasul s.a.w. lantaran permusuhan Quraisy yang dihadapi Baginda. Apabila beliau meninggal dunia, Baginda merasa terlalu dukacita. Tahun kematian bapa saudara Baginda, Abu Tolib dan isterinya, Khadijah dinamakan sebagai "Tahun Dukacita".

3. Apabila tipu daya dan perbuatan menyakiti Rasul s.a.w. yang dilakukan oleh Quraisy semakin hebat, iaitu selepas kematian bapa saudara dan isteri Baginda, Baginda menuju ke Taif. Baginda ke sana dengan harapan akan mendapat sambutan yang baik dan sokongan kepada dakwahnya di kalangan Bani Thaqif. Namun mereka menolak dakwah Baginda secara kasar. Mereka menghasut kanak-kanak untuk menyakiti Baginda. Kanak-kanak tersebut telah melontar batu ke arah Baginda sehingga darah mengalir daripada kedua kaki Baginda yang suci. Baginda telah berlindung di sebuah kebun. Baginda memanjatkan doa kepada Allah dengan penuh khusyuk:

اللهم إليك أشكو ضعف قوتي وقلة حيلتي وهواني على الناس يا أرحم الراحمين أنت أرحم الراحمين أنت رب المستضعفين وأنت ربي إلى من تكلني إلى عدو يتجهمني أم إلى صديق مكلته إمري إن لم يكن بك غضب علي فلا أبالي ولكن عافيتك هي أوسع لي أعوذ بنور وجهك الذي أضاءت له السموات والأرض وأشرقت له الظلمات وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة أن ينزل بي غضبك أو يحل علي سخطك لك العتبي حتى ترضى ولا حول ولا قوة إلا بك

*“Ya Allah, aku mengadu kepada-Mu kelemahan kekuatanku, sedikitnya kemampuanku dan hinanya aku pada pandangan manusia. Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih, Kamulah Tuhan golongan yang lemah dan Kamu juga Tuhanku. Kepada siapa Kamu serahkan aku? Kepada orang jauh yang memandangkanku dengan wajah bengis<sup>3</sup> atau kepada musuh yang menguasai urusanku? Sekiranya Kamu tidak murka kepadaku, aku tidak peduli (apa yang menimpa). Namun keselamatan daripada-Mu lebih melapangkan aku. Aku berlindung dengan cahaya wajah-Mu yang menyinari kegelapan serta memperelokkan urusan dunia dan akhirat. Aku berlindung daripada kemarahan-Mu atau kemurkaan-Mu terkena kepadaku. Kamu berhak untuk mencela aku sehingga Kamu redha. Tiada kuasa dan tiada kekuatan melainkan dengan-Mu.”*

<sup>3</sup> iaitu melihat dengan pandangan benci. Ia adalah kiasan kepada permusuhan dan kebencian.

4. Rasulullah s.a.w. pulang dari Taif dalam keadaan dakwah-nya tidak mendapat sebarang sambutan daripada kaum Tha'qif. Yang ada hanyalah keislaman Addas, hamba kepada Utbah dan Syaibah, anak-anak lelaki Rabiah. Addas merupakan seorang hamba beragama Nasrani. Kedua-dua tuannya meminta beliau menghidangkan setangkai anggur kepada Rasul s.a.w. semasa Baginda sedang berlindung dalam sebuah kebun. Mereka memerintah beliau berbuat demikian setelah melihat Rasulullah kepenatan dan layanan buruk Tha'qif kepada Baginda. Apabila Addas menghidangkan anggur itu kepada Rasulullah s.a.w., Baginda mula memakannya seraya berkata: Bismillah (Dengan nama Allah). Ucapan basmalah itu menarik perhatian Addas, kerana tiada sesiapa di kalangan kaum itu mengucapkan kalimah seperti itu. Beliau memeluk Islam setelah berdialog dengan Nabi s.a.w..

5. Berlaku mukjizat Isra' dan Mi'raj. Terdapat perselisihan berkenaan tarikh peristiwa ini berlaku. Secara pasti ia berlaku sebelum hijrah pada tahun ke-10 kenabian atau selepasnya. Pendapat sahih yang dipegang oleh jumbur ulama, Isra' dan Mi'raj berlaku pada suatu malam secara jaga melibatkan jasad dan roh Nabi s.a.w.. Baginda diisra'kan daripada Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa. Kemudian Baginda dimi'rajkan ke langit yang tinggi. Seterusnya pulang kembali kerumah Baginda di Makkah pada malam itu juga. Baginda memberitahu Quraisy tentang mukjizat itu. Mereka mempersenda dan memperlekehkan Baginda. Namun Abu Bakar dan mereka yang kuat imannya telah membenarkan Baginda.

6. Pada malam Isra' dan Mi'raj tersebut, sembahyang lima waktu difardhukan ke atas setiap orang Islam yang baligh dan berakal.

7. Rasul s.a.w. menemui kabilah-kabilah Arab yang datang semasa musim haji (sebagaimana kebiasaan Baginda setiap tahun). Baginda mengajak mereka kepada Islam dan menyeru mereka meninggalkan penyembahan berhala. Ketika Baginda berada di Aqabah, salah satu tempat melontar jamrah, Baginda telah menemui satu rombongan kaum Aus dan Khazraj. Lantas Baginda mengajak mereka kepada Islam dan mereka menerimanya. Bilangan mereka ketika itu ialah tujuh orang. Setelah itu mereka pulang ke Madinah, lalu menceritakan kepada kaum mereka tentang pertemuan tersebut dan Islam yang mereka anuti.

8. Pada tahun berikutnya, tahun ke-12 kerasulan, ketika musim haji, 12 orang lelaki Ansar telah datang ke Makkah. Mereka berhimpun dan berbai'ah dengan Nabi s.a.w.. Mereka pulung ke Madinah bersama utusan khas Nabi s.a.w., Musab bin Umair. Baginda mengutuskan beliau untuk membacakan al-Quran dan mengajarkan Islam kepada orang Islam di sana. Dengan itu Islam berkembang luas di Madinah.

9. Pada tahun seterusnya (tahun ke-13 kerasulan), sekumpulan Ansar telah datang pada musim haji. Mereka berhimpun dengan Nabi s.a.w. secara sembunyi. Bilangan mereka seramai 70 orang lelaki dan dua orang wanita. Mereka berbai'ah untuk menolong dan menyokong Baginda, mempertahankan Baginda sebagaimana mereka mempertahankan wanita dan anak-anak mereka sendiri. Mereka pulang ke Madinah setelah Baginda memilih 12 orang ketua kalangan mereka sebagai wakil kepada kaum mereka.

## B) Pengajaran dan Pedoman

1. Kadang-kadang ada kaum kerabat pendakwah yang tidak bersama dengan dakwahnya tetapi bertindak melindunginya. Situasi ini memberi faedah kepada dakwah ketika ia masih lemah. Kerana dia akan bertindak menghalang golongan jahat membunuh atau menyakiatinya. Oleh yang demikian, sentimen kabilah dan kekeluargaan kadang-kadang boleh digunakan oleh pendakwah untuk melindungi dakwahnya selama mana beliau tidak seiringan (turut serta) melakukan kemungkarannya bersama kaumnya.

2. Isteri solehah yang beriman dengan dakwah kebenaran akan mempermudah banyak kesulitan yang dialami oleh suami yang berdakwah. Ini akan berlaku jika si isteri turut serta berkongsi kerungsingan dan penderitaan suami. Dengan perkongsian tersebut, si isteri akan meringankan bebanan kerungsingan suami. Ia juga akan membangkitkan dalam diri suami rasa untuk meneruskan dakwah dan tetap teguh di atas jalannya. Oleh itu, si isteri dapat memberi kesan kepada kejayaan dan kemenangan dakwah. Sikap Khadijah r.ha. terhadap Rasulullah s.a.w. merupakan contoh paling mithali yang boleh dilakukan oleh seorang isteri yang beriman dengan dakwah kebaikan. Dia berperanan besar terhadap kejayaan suaminya sebagai pendakwah. Begitu juga keteguhan dan istiqomah beliau dalam dakwah. Kehilangan isteri seperti ini merupakan kerugian besar semasa pertempuran pengislahan sedang berlaku sengit. Kerugian ini menyebabkan suami yang berdakwah tidak dapat mengawal perasaannya, bahkan merasa sugul dan putus asa.

3. Kesedihan kerana kehilangan seorang kerabat yang berperanan melindungi dakwah walaupun dia tidak beriman merupakan kesedihan yang terbit daripada keikhlasan berdakwah. Sementara kesedihan terhadap kehilangan seorang isteri yang beriman dan ikhlas terbit daripada rasa setia kepada isteri yang telah menjadi contoh dalam pengorbanan dan sokongan. Oleh kerana itu, ketika Abu Talib meninggal dunia, Rasul s.a.w. bersabda:

*"Semoga Allah merahmati dan mengampun kamu. Aku akan tetap memohon ampun untuk kamu sehinggalah Allah menegah aku."*

Oleh yang demikian, orang Islam ketika itu telah mencontohi Rasul mereka. Mereka turut memohon ampun untuk keluarga mereka yang mati dalam keadaan musyrik. Sehinggalah turun firman Allah Tabarak wa Taala:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَىٰ قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ

مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾

*Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli neraka. (At-Taubah: 113)*

Dengan turunnya ayat tersebut, Nabi s.a.w. tidak lagi memohon ampun untuk Abu Talib. Begitu juga orang Islam tidak lagi memohon ampun kepada keluarga musyrik yang mati,

Oleh kerana sebab-sebab di atas, sepanjang hayat Rasul s.a.w., Baginda terus mengingatkan kelebihan. Khadijah, memohon rahmat untuknya dan berbuat kebajikan kepada teman-temannya. Sikap Rasulullah ini membuatkan Aishah r.ha. merasa cemburu dengan Khadijah (padahal Khadijah telah meninggal dunia). Ini kerana Aishah sering mendengar pujian Nabi s.a.w. kepada Khadijah. Al-Bukhari meriwayatkan daripada Aishah r.ha,

katanya:

*Aku tidak merasa cemburu kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. sebagaimana aku cemburu kepada Khadijah. Aku tidak melihat Khadijah, namun Nabi s.a. w. sering menyebut-nyebutnya. Ada masanya Baginda menyembelih kambing, kemudian Baginda memotongnya lalu Baginda mengirimkan kepada teman-teman Khadijah. Ada masanya aku berkata kepada Baginda: Seolah-olah tiada wanita di dunia ini melainkan Khadijah. Baginda bersabda: "Dia sekian-sekian... dia sekian-sekian... (menyebut jasa dan kebaikan Khadijah). Aku juga mendapat anak daripadanya (Khadijah)."*

3. Pemergian Rasul s.a.w. ke Taif setelah penduduk Makkah menolak dakwahnya merupakan bukti kepada tekad yang kental dalam jiwa Rasul untuk meneruskan dakwahnya. Ia juga merupakan bukti sikap tidak putus asa Nabi s.a. w. terhadap penerimaan orang ramai kepada dakwah. Baginda mencari medan baru untuk dakwah setelah terdapat halangan-halangan yang menyekat dakwah di medan pertamanya (kota Makkah). Sementara hasutan Bani Thaqif kepada kanak-kanak dan golongan bodoh daripada kaum mereka supaya menyakiti Rasul s.a.w., menjadi bukti bahawa kejahatan sama sahaja walau di mana ia berada. Kejahatan bergantung harap kepada golongan bodoh untuk menyakiti para pendakwah. Peristiwa kaki Nabi s.a.w. luka mengalirkan darah padahal Baginda adalah Nabi yang mulia, menjadi contoh penting kesakitan dan penindasan yang akan ditanggung oleh pendakwah di jalan Allah. Manakala doa abadi Nabi s.a.w. semasa berada di kebun menjadi penegasan kepada kejujuran Rasul dalam dakwah dan keazamannya untuk terus melaksanakan tugas dakwah meskipun berhadapan dengan berbagai kesulitan. Perkara yang penting bagi Baginda hanyalah redha Allah semata-mata. Baginda tidak menghiraukan redha para pembesar, pemimpin, orang awam dan kebanyakan.

آن لم يكن بك غضب علي فلا ابالي

*"Sekiranya Kamu tidak murka kepadaku, aku tidak peduli (apa yang menimpa)."*

Dalam doa Baginda terkandung cara-cara memperolehi bekalan kekuatan daripada Allah. Iaitu dengan cara kembali dan meminta pertolongan-Nya ketika kesengsaraan yang dipikul pendakwah semakin berat. Doa ini juga menunjukkan perkara yang paling ditakuti oleh pendakwah ialah kemurkaan dan kemarahan Allah ke atas beliau. Bukannya kemurkaan makhluk selain-Nya.

5. Mukjizat Isra' dan Mi'raj mempunyai banyak rahsia. Kami hanya sebutkan tiga sahaja:

*Pertama:* Menghubungkan isu Masjidil Aqsa dan kawasan sekitarnya dengan isu Dunia Islam. Ini kerana Makkah selepas perutusan Rasul s.a.w. telah menjadi pusat perhimpunan Dunia Islam dan kesatuan visinya. Peristiwa Isra' Mi'raj ini juga menunjukkan usaha mempertahankan Palestin sebenarnya mewakili usaha mempertahankan Islam itu sendiri. Setiap orang Islam di pelbagai ceruk bumi wajib melaksanakannya. Kecuaian mempertahankan dan membebaskan Palestin merupakan kecuaiian terhadap Islam. Ia merupakan jenayah yang akan dihukum oleh Allah kepada setiap orang yang beriman dengan Allah dan Rasul-Nya.

*Kedua:* Isra' Mi'raj menjadi simbol kepada ketinggian kedudukan orang Islam dan lambang kepada kewajipan mengangkat dirinya mengatasi hawa nafsu dan syahwat dunia. Dia juga wajib menjadi manusia yang tiada tolok bandingnya dikalangan seluruh manusia. Sama ada dari segi kedudukannya yang tinggi, visinya yang mulia dan sikapnya yang sentiasa berlegar dalam lingkungan nilai-nilai yang mithali untuk selama-lamanya.

*Ketiga:* Isra' Mi'raj juga menunjukkan penerokaan angkasa dan keluar daripada

tarikan graviti bumi boleh diusahakan. Dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj, Rasul kita merupakan angkasawan pertama dalam sejarah dunia seluruhnya. Meneroka angkasa seterusnya pulang ke bumi dengan selamat adalah perkara yang boleh berlaku. Sekalipun ia berlaku kepada Rasulullah s.a.w. secara mukjizat pada zaman Baginda, namun ia boleh terjadi kepada manusia biasa melalui ilmu dan idea.

6. Kefardhuan solat pada malam Isra' dan Mi'raj menunjukkan hikmah kenapa solat disyariatkan. Allah seolah-olah berfirman kepada hamba-hamba-Nya yang beriman: Sekiranya Mi'raj Rasul kamu dengan jasad dan roh ke langit merupakan mukjizat, kamu pula diperuntukkan solat lima waktu setiap hari, sebagai mi'raj (anak tangga) untuk kamu naik menemui-Ku dengan roh dan hati kamu. Jadikan solat lima kali sehari sebagai peningkatan roh yang boleh mengangkat kamu daripada tenggelam dalam hawa dan syahwat kamu, serta memperlihatkan kamu kebesaran, kekuasaan dan keesaan Aku. Ini mendorong kamu untuk memimpin muka bumi ini, bukan dengan cara memperhamba, menguasai dan menakluki (orang lain). Bahkan melalui jalan kebaikan dan ketinggian, juga dengan cara kesucian dan peningkatan roh menerusi jalan solat.

7. Proses memperkenalkan diri yang dilakukan oleh Rasulullah kepada kabilah-kabilah pada musim haji menjadi bukti bahawa seseorang pendakwah tidak sepatutnya membataskan dakwah mengajak manusia kepada kebaikan dalam lingkungan majlis dan persekitaran dirinya sahaja. Bahkan dia mestilah pergi ke setiap tempat manusia berhimpun atau lokasi yang berkemungkinan mereka berhimpun. Dia juga tidak sepatutnya berputus asa dengan penolakan mereka daripada semasa ke semasa. Kadang-kadang Allah menyediakan untuk beliau, penyokong-penyokong yang beriman dengan dakwahnya yang baik, padahal dia tidak pernah terfikir dan menjangkakannya. Kadang-kadang kelompok kecil yang mendapat hidayah hasil usaha beliau dalam beberapa sempena akan memainkan peranan besar terhadap penyebaran dakwah. Kelompok kecil itu juga berperanan dalam merealisasikan kemenangan akhir dakwah terhadap kejahatan dan konco-konconya.

Keimanan tujuh orang pertama Ansar yang bertemu dengan Rasulullah s.a.w. untuk kali pertama, telah menyebabkan kemasukan Islam ke Madinah. perkara itu memberi kesan kepada penyebaran Islam dan penguasaannya di sana. Ia membuka jalan kepada orang-orang mukmin yang tertindas di Makkah untuk menjadikan Madinah sebagai destinasi hijrah dan pusat mereka berhimpun. Rasulullah pula memperolehi tempat yang aman untuk membangunkan negara dan menyebarkan dakwah. Dari negara itu, para sahabat Baginda melancarkan penentangan kepada syirik dan orang musyrik. Mereka melancarkan perang dan pertempuran yang berakhir dengan kemenangan berkekalan di pihak iman dan kekalahan abadi di pihak syirik. Semoga Allah meredhai kaum Ansar, yang terdiri daripada Aus dan Khazraj. Mereka mempunyai jasa yang tidak putus-putus kepada Islam, orang Islam dan seluruh alam. Semoga Allah juga meredhai saudara mereka, kaum muhajirin yang terlebih dahulu beriman sebelum mereka, serta yang telah berkorban di jalan Allah dengan segala yang berharga, baik harta mahupun kampung halaman. Semoga Allah turut memasukkan kita bersama mereka semua ke dalam syurga Ridhwan.



## Bahagian 4

### HIJRAH SEHINGGA NABI STABIL DI MADINAH

#### A) Peristiwa-peristiwa Sejarah

1. Quraisy mendapat tahu tentang keislaman sekumpulan penduduk Yathrib. Lantaran itu, mereka meningkatkan penyeksaan kepada orang-orang mukmin di Makkah. Lalu Nabi s.a.w. mengarahkan orang-orang mukmin berhijrah ke Madinah. Mereka berhijrah secara sembunyi kecuali Umar r.a.. Beliau telah memberitahu orang musyrik Quraisy tentang penghijrahannya seraya berkata: "Sesiapa yang mahu ibu kehilangan anaknya, esok tunggu aku di tengah wadi ini." Namun tiada seorang pun berani keluar menyahut cabarannya.
2. Apabila Quraisy merasa yakin bahawa orang Islam telah memperolehi kekuatan dan perlindungan di Madinah, mereka mengadakan satu persidangan di Dar an-Nadwah. Mereka bersidang untuk memikirkan langkah menghapuskan Rasul s.a.w. sendiri. Mereka memutuskan untuk memilih seorang pemuda yang gagah daripada setiap kabilah. Kemudian kesemua pemuda tersebut membunuh Baginda serentak. Justeru itu, tuntutan darah Baginda akan teragih kepada setiap kabilah menyebabkan Bani Manaf (keluarga Rasulullah) tidak upaya memerangi mereka semua dan terpaksa menerima bayaran diat sahaja. Setelah itu pemuda-pemuda yang diwakilkan untuk membunuh Rasul s.a.w. berhimpun di muka pintu rumah Baginda pada malam Hijrah. Mereka menunggu Baginda keluar untuk membunuhnya.
3. Pada malam tersebut Rasulullah s.a.w. tidak tidur di tempat tidurnya. Baginda telah meminta Ali r.a. untuk tidur di tempatnya itu. Baginda juga memerintahkan beliau agar memulangkan barang-barang amanah yang disimpan oleh orang kafir Quraisy kepada Baginda pada keesokan harinya kepada pemiliknya. Rasul s.a.w. telah meninggalkan rumahnya tanpa disedari oleh pemuda-pemuda yang diwakilkan untuk membunuhnya. Baginda pergi ke rumah Abu Bakar. Sebelum itu, Abu Bakar telah menyiapkan dua kenderaan untuknya dan Rasul s.a.w.. Mereka berdua memutuskan untuk keluar dari Makkah. Abu Bakar mengupah Abdullah bin Uraiqit ad-Daili, seorang musyrik untuk menjadi penunjuk jalari ke Madinah. Dengan syarat dia mengelakkan jalan yang biasa diketahui dan menggunakan jalan lain yang tidak diketahui oleh kafir Quraisy.
4. Rasulullah s.a.w. dan sahabat Baginda, Abu Bakar keluar berhijrah pada hari Khamis, 1 Rabiul Awal, tahun ke-53 kelahiran Baginda s.a.w.. Hanya Ali r.a. dan keluarga Abu Bakar r.a. yang mengetahui tentang hijrah Baginda tersebut. Anak-anak perempuan Abu Bakar, Aishah dan Asma' berperanan menyediakan bekalan untuk mereka berdua. Asma' telah memotong sebahagian daripada tali ikat pinggangnya, lalu mengikat mulut karung makanan tersebut. Daripada peristiwa itu, dia digelar: "*Zat an-Nitoqain*" (Perempuan yang mempunyai dua tali ikat pinggang). Dengan bantuan Abdullah bin Uraiqit, Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar menghala ke Yaman sehingga sampai ke Gua Thur. Mereka bersembunyi di dalamnya selama tiga malam. Turut bermalam bersama mereka, Abdullah bin Abu Bakar yang masih remaja. Beliau seorang pemuda yang berpengetahuan, mahir, peka dan cepat memahami. Beliau akan keluar meninggalkan mereka pada waktu sahur lalu berpagi-pagian bersama Quraisy Makkah seolah-olah beliau tidur di Makkah. Apa-apa rancangan jahat terhadap Rasulullah dan Abu Bakar yang beliau dengar daripada Quraisy, akan diingat sehinggalah beliau menyampaikannya kepada mereka berdua pada waktu petangnya.
5. Kiamat seolah-olah berlaku kepada Quraisy setelah Rasulullah s.a.w. terlepas daripada usaha membunuhnya. Mereka keluar mengejar Baginda mengikut jalan Makkah yang biasa tetapi gagal menemui Baginda. Mereka menghala menuju jalan ke Yaman sehingga sampai di muka Gua Thur. Sebahagian daripada mereka berkata: "Boleh jadi Muhammad dan temannya ada di dalam gua ini." Namun sebahagian yang lain menjawab:

"Kamu tidak nampakkah apa yang ada di muka gua ini. Bagaimana labah-labah menganyam sarangnya dan burung-burung bersarang di sini? Ini menunjukkan tiada seorangpun yang memasuki gua ini sejak sekian lama." Abu Bakar r.a. melihat kaki-kaki mereka ketika mereka sedang berdiri di muka gua itu. Beliau menggeletar bimbang nyawa Rasul s.a.w., seraya berkata: "Demi Allah! Wahai Rasulullah, kalau salah seorang daripada mereka melihat ke tempat letak kakinya, nescaya dia akan melihat kita." Rasul s.a.w. mententeramkannya dengan bersabda:

*"Wahai Abu Bakar, kamu sangka kita berdua, sedangkan Allah adalah yang ketiga"*

6. Quraisy mengutuskan utusan menemui kabilah-kabilah dengan membawa tawaran sejumlah besar harta yang cukup menggoda sesiapa yang tamak. Tawaran ini ditujukan kepada sesiapa yang menemui Rasul s.a.w. dan teman Baginda, membunuhnya, atau menawannya. Oleh itu, Suraqah bin Ja'syam menyahut tawaran itu. Dia bertekad dalam dirinya untuk mencari Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar demi membolot sendiri hadiah tersebut.

7. Setelah usaha memburu dan mencari Rasulullah s.a.w. dan temannya, Abu Bakar terhenti, mereka berdua keluar daripada gua tersebut bersama-sama penunjuk jalan mereka. Mereka melalui jalan pantai (pantai Laut Merah) merentasi jarak yang jauh. Namun Suraqah telah berjaya menjejaki mereka. Apabila Suraqah mendekati mereka berdua, kaki-kaki kudanya terbenam ke dalam pasir dan tidak berupaya untuk berjalan. Dia mencuba sebanyak tiga kali supaya kudanya menuju ke arah Rasul s.a.w., namun kudanya tetap enggan. Pada ketika itu, dia yakin bahawa di hadapannya ialah seorang Rasul yang mulia. Lantas dia meminta supaya Rasul s.a.w. berjanji memberikannya sesuatu, jika dia menolong Baginda. Baginda menjanjikan untuknya dua gelang tangan yang dipakai oleh Kisra. Suraqah kemudiannya pulang ke Makkah dan berlakon seolah-olah dia tidak menemui sesiapa.

8. Rasul s.a.w. dan teman Baginda (Abu Bakar) telah sampai ke Madinah pada 12 Rabiul Awal. Baginda sampai ke sana setelah para sahabat lama menanti. Mereka keluar setiap pagi ke pinggir Madinah dan hanya pulang setelah matahari memancar terik pada waktu tengah hari. Apabila mereka melihat Baginda, mereka merasa amat gembira. Kanak-kanak mula mendendangkan nasyid diiringi dengan gendang-gendang:

*Bulan purnama telah terbit kepada kami,*

*dari jalan-jalan bukit ul-Wada.*

*Wajib ke atas kami untuk bersyukur,*

*terhadap seruan penyeru kepada Allah.*

*Wahai utusan yang diutuskan kepada kami,*

*Kami datang bersama perkara yang dipatuhi.*

9. Dalam perjalanan Baginda s.a.w. ke Madinah, Baginda singgah di Quba, sebuah kampung di selatan Madinah. Kira-kira dua batu dari Madinah. Baginda telah mengasaskan masjid pertama yang dibina dalam Islam dan tinggal di sana selama empat hari. Kemudian Baginda bertolak ke Madinah pada pagi Jumaat. Ketika Baginda di perkampungan Bani Salim bin 'Auf, waktu solat Jumaat telah masuk. Lalu Baginda membina sebuah masjid di situ dan menunaikan solat Jumaat pertama dalam Islam. Baginda s.a.w. menyampaikan khutbah pertama dalam Islam. Seterusnya Baginda menyambung perjalanan menuju ke Madinah. Apabila sampai di sana, tindakan pertama yang dilakukan ialah memilih tempat unta Baginda berhenti duduk, untuk dijadikan sebagai masjid. Tempat tersebut adalah milik dua orang

kanak-kanak Ansor yang yatim. Baginda tawar menawar harga tanah tersebut dengan mereka berdua. Kedua-dua kanak-kanak itu berkata: "Kami berikannya kepada kamu, wahai Rasulullah." Namun Baginda berkeras untuk membelinya dengan harga 10 dinar emas yang dibayar menggunakan harta Abu Bakar. Kemudian Baginda melakukan kempen agar orang Islam turut serta membina masjid. Mereka segera melakukannya. Rasul s.a.w. turut terlibat bersama mereka memindahkan batu bata, sehinggalah sempurna pembinaan masjid tersebut. Dinding masjid itu dibina daripada batu bata dan bumbungnya daripada pelepah-pelepah kurma yang diletakkan pada batang-batang kurma.

10. Kemudian Baginda s.a.w. mempersaudarakan di antara Muhajirin dan Ansor. Baginda menjadikan untuk setiap Ansor seorang saudara daripada Muhajirin. Ada seorang Ansor telah membawa saudara Muhajirinnya ke rumahnya. Beliau menawarkan kepada saudara Muhajirinnya untuk membahagi sama rata semua barang yang terdapat di dalam rumahnya.

11. Kemudian Rasulullah s.a.w. menulis satu piagam bertulis antara Muhajirin dan Ansor. Di dalamnya Baginda berjanji untuk berbaik-baik dengan Yahudi di samping mengakui hak mereka dalam agama dan harta. Ibnu Hisyam telah menyatakan piagam tersebut dengan panjang lebar dalam kitab sirahnya. Ia mengandungi prinsip-prinsip yang menjadi dasar asas kepada negara Islam yang pertama. Di dalamnya dinyatakan prinsip kemanusiaan, keadilan sosial, toleransi agama dan kerjasama demi kemaslahatan masyarakat yang patut dirujuk, difahami dan dihafal oleh setiap pelajar.

Kami sebutkan beberapa prinsip am yang terkandung dalam piagam bersejarah yang abadi ini:

1. Kesatuan umat Islam tanpa sebarang diskriminasi antara mereka.
2. Persamaan warga-warga umat Islam dari segi hak dan kemuliaan.
3. Umat Islam perlu saling bahu membahu kecuali dalam kezaliman, dosa dan permusuhan.
4. Penyertaan umat dalam menentukan bentuk hubungan dengan musuh-musuh mereka. Seluruh orang Islam perlu mempunyai satu pendirian terhadap musuh mereka.
5. Penubuhan masyarakat di atas sistem yang terbaik dan teguh.
6. Membenteras pemberontak negara dan pengganggu gugat sistem awam di samping kewajipan agar tidak membantu mereka.
7. Hak perlindungan kepada sesiapa yang ingin hidup bersama orang Islam apabila dia menjalin hubungan baik, bekerjasama, tidak menzalimi dan mencero bohi hak orang Islam.
8. Bukan Islam mempunyai hak dalam agama dan harta mereka. Mereka tidak dipaksa memeluk agama Islam dan harta mereka tidak boleh dirampas.
9. Bukan Islam mestilah memberi sumbangan kepada pembiayaan negara sebagaimana orang Islam memberi sumbangan.
10. Bukan Islam mestilah bekerjasama dengan orang Islam untuk menghalang bahaya yang menggugat entiti negara melalui penentangan terhadap setiap pencerobohan.
11. Bukan Islam juga mestilah turut serta menanggung kos peperungan selagi mana negara berada dalam keadaan perang.
12. Negara mestilah membantu bukan Islam yang dizalimi sebagaimana ia menolong setiap orang Islam yang dicero bohi.
13. Orang Islam dan bukan Islam tidak boleh sama sekali melindungi musuh-musuh negara

dan konco-konco mereka.

14. Sekiranya kemaslahatan umat terletak pada per-damaian, semua warga wajib menerima perdamaian. Sama ada orang Islam mahupun bukan Islam.
15. Seseorang tidak dihukum dengan sebab dosa atau kesalahan orang lain. Seorang penjenayah sebenarnya melakukan jenayah terhadap diri dan keluarganya sendiri.
16. Kebebasan bergerak dalam negara dan kebebasan untuk keluar negara adalah terpelihara di bawah perlindungan negara.
17. Tiada perlindungan kepada orang yang berdosa dan orang yang zalim.
18. Masyarakat ditegakkan di atas dasar kerjasama dalam kebajikan dan taqwa, bukan dalam dosa dan permusuhan.
19. Prinsip-prinsip di atas diperlihara oleh dua kekuatan:

- *Kekuatan maknawi* (spiritual) iaitu: Keimanan rakyat kepada Allah, merasakan muraqabah-Nya (pemerhatian Allah) terhadap mereka dan penjagaan-Nya kepada sesiapa yang berbuat baik dan setia.

- *Kekuatan maddiyyah* (material) iaitu: Kepimpinan negara yang diwakili oleh Nabi Muhammad s.a.w..

## **B) Pengajaran dan Pedoman**

1. Jika seorang mukmin yakin dengan kekuatannya, dia tidak diminta menyembunyikan tindakannya. Bahkan dia hendaklah menyatakan secara lantang tanpa menghiraukan musuh-musuh dakwahnya selagi mana dia percaya boleh menewaskan mereka. Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Umar r.a. ketika beliau ingin berhijrah. Peristiwa ini juga membuktikan bahawa pendirian yang tegas akan menggerunkan musuh-musuh Allah dan mencampakkan rasa takut ke dalam diri mereka. Tidak diragukan, sekiranya mereka mahu berkumpul untuk membunuh Umar, mereka mampu melakukan. Namun, pendirian Umar yang berani telah mencampakkan rasa kecut ke dalam diri setiap mereka. Mereka bimbang sekiranya Umar dihalang, ibunya akan kehilangannya. Pendukung kejahatan amat kedekut (tak sanggup kehilangan) nyawa dan amat mencintainya.

2. Ketika golongan batil berputus asa untuk menyekat dakwah kebenaran dan islah; Dan ketika orang-orang mukmin terlepas daripada genggaman dan berada di tempat yang selamat, mereka akan mengambil tindakan terakhir dengan membunuh pendakwah yang melakukan pengislahan tersebut. Mereka menyangka jika mereka membunuhnya, mereka bebas daripada gangguan dan dakwahnya terkubur. Demikian cara fikir golongan jahat dan musuh pengislahan pada setiap zaman. Kami telah saksikan dan lihat kejadian seperti ini dalam hidup kami.

3. Seorang kader yang jujur dan ikhlas kepada dakwah islah sanggup mengorbankan nyawanya untuk pemimpinnya. Kerana keselamatan dakwah bergantung kepada keselamatan pemimpin. Dan jika pemimpin terkorban, dakwah akan terbiar dan lemah. Tindakan Ali r.a. tidur di tempat tidur Rasul s.a.w. pada malam Hijrah merupakan pengorbanan nyawa untuk menyelamatkan nyawa Rasulullah s.a.w.. Ini kerana ada kemungkinan pedang pemuda-pemuda Quraisy akan dihayunkan ke kepala Ali r.a. sebagai membalas dendam, ekoran beliau yang memudahkan Rasulullah s.a.w. menyelamatkan diri. Namun Ali r.a. tidak menghiraukan perkara tersebut. Cukuplah bagi beliau, jika Rasulullah s.a.w., Nabi umat dan pemimpin dakwah terselamat.

4. Orang musyrik menyerahkan barang milik mereka untuk disimpan oleh Rasulullah

s.a.w., sedangkan pada ketika yang sama mereka memerangi dan bertekad untuk membunuh Baginda. Tindakan ini menjadi bukti bahawa dalam diri musuh-musuh islah terdapat keyakinan terhadap kejujuran, amanah dan ketulusan jiwa pendakwah. Mereka juga yakin perjalanan hidup pendakwah lebih baik berbanding mereka. Pendakwah mempunyai sanubari yang lebih murni. Namun buta hati, sikap keras kepala dan pendirian konservatif untuk terus berpegang dengan adat resam dan aqidah sesat telah mendorong mereka memerangi dan memasang tipu daya. Bahkan jika berkesempatan, mereka melakukan komplot untuk membunuhnya.

5. Pemimpin dakwah, ketua negara atau ketua gerakan islah tidak dianggap pengecut atau lari daripada mati jika berfikir untuk menyelamatkan diri daripada konspirasi pihak yang menunggu-nunggu saat untuk membunuhnya. Mereka juga bukan kedekut untuk mengorbankan nyawa dan roh. Mereka bertindak sedemikian lantaran untuk menjayakan semula gerakan islah dengan lebih agresif dan aktif di medan yang lain.

6. Peranan yang dipikul oleh Abdullah bin Abu Bakar membuktikan pengaruh pemuda terhadap kejayaan dakwah. Mereka merupakan tiang kepada dakwah islah. Kesan keberanian mereka untuk berkorban dan menggadaikan diri menyebabkan dakwah mara dengan laju ke arah kemenangan. Kita dapati semua orang mukmin pada awal Islam adalah pemuda. Rasulullah s.a.w. berusia 40 tahun ketika diutuskan sebagai Rasul. Abu Bakar r.a. pula lebih muda tiga tahun daripada Baginda. Sementara Umar lebih muda daripada mereka berdua. Ali r.a. pula paling muda antara mereka semua. Manakala Othman r.a. juga lebih muda daripada Rasulullah s.a.w.. Demikian juga Abdullah bin Masud, Abdul Rahman bin Auf, al-Arqam bin Abi al-Arqam, Said bin Zaid, Bilal bin Rabah, Ammar bin Yasir r.a. dan lain-lain lagi. Semuanya adalah pemuda. Mereka memikul beban dakwah di atas pundak mereka. Mereka sanggup menanggung pelbagai pengorbanan di jalannya, merasa riang dengan siksaan, kesakitan dan kematian demi kerananya. Melalui mereka, Islam telah menang. Di atas usaha mereka dan saudara-saudara mereka, negara Khulafa ar-Rasyidin tertegak dan berlaku pembukaan Islam yang indah. Dengan jasa mereka, Islam telah sampai kepada kita dan Allah telah membebaskan kita daripada kejahilan, kesesatan, keberhalaan, kekufuran dan kefasikan.

7. Peranan Aishah dan Asma r.ha. ketika Hijrah Rasul s.a.w. membuktikan wanita diperlukan dalam dakwah islah. Emosi mereka lebih halus dan lebih kuat desakannya. Jiwa mereka lebih toleransi dan hati mereka lebih baik. Apabila wanita beriman dengan sesuatu perkara, mereka tidak lagi menghiraukan segala kesusahan untuk menyebarkan keimanannya. Mereka berusaha meyakinkan suami, adik beradik dan anak-anak tentang perkara tersebut. Jihad wanita untuk Islam pada zaman Rasul s.a.w. merupakan lembaran-lembaran putih berseri. Ini menegaskan kepada kita hari ini, gerakan pengislahan Islam akan terus melangkah perlahan dan kurang efektif dalam masyarakat sehinggalah wanita menyertainya. Mereka membina generasi pemudi di atas asas iman, akhlak, kesucian dan kemurnian. Selain menjadi isteri dan ibu, mereka lebih mampu menyebarkan nilai-nilai yang diperlukan oleh masyarakat kita hari ini di kalangan wanita berbanding lelaki. Wanita Islam berjasa besar dalam mendidik generasi sahabat yang masih kanak-kanak, begitu juga generasi tabiun. Wanita Islamlah yang telah berperanan membentuk generasi-generasi ini di atas dasar akhlak dan adab Islam. Mereka juga berperanan membina generasi-generasi ini atas asas kecintaan kepada Islam dan Rasulhaya. Generasi tersebut merupakan generasi yang paling agung diketahui oleh sejarah dari segi tekad, juga kemurnian perjalanan hidup serta kebaikan agama dan dunia.

Hari ini kita wajib memahami hakikat ini. Lantas kita berusaha agar para pemudi dan para isteri membawa panji-panji dakwah islah ke tengah-tengah masyarakat wanita. Mereka melebihi separuh daripada umat. Justeru itu kita dituntut memberi perangsang kepada anak-

anak dan adik-beradik perempuan kita untuk mempelajari syariah di sekolah-sekolah yang dipercayai pengajaran Islamnya, seperti Kuliah Syariah di universiti kita.

Roda pengislaman Islam mampu kita tolak ke depan lebih kuat setiap kali bertambah bilangan pemuda-pemudi yang alim tentang agama, faqih tentang syariat, mahir dengan sejarah Islam, mengasihi Rasulullah s.a.w., berakhlak dengan akhlak Baginda dan akhlak Ummahat al-Mukminin. Kita juga semakin menghampiri hari masyarakat Islam akan tunduk kepada hukum hakam Islam dan syariatnya. Perkara ini akan menjadi realiti, insya Allah.

8. Penglihatan orang musyrik telah disekat daripada melihat Rasulullah s.a.w. dan sahabat Baginda (Abu Bakar) di Gua Thur. Sedangkan mereka berada di situ. Terdapat juga riwayat-riwayat yang menceritakan tentang sarang labah-labah dan anak-anak burung menetas di mulut gua tersebut. Semua kejadian ini adalah antara contoh yang menjadikan hati-hati merasa tunduk khusyuk terhadap penjagaan Tuhan kepada para rasul, para pendakwah dan kekasih-Nya. Allah yang merahmati hamba-Nya tidak akan mengizinkan Rasul s.a.w. jatuh ke dalam genggaman orang musyrik, kemudian mereka menghapuskan Baginda dan dakwahnya. Dia mengutuskan Baginda sebagai rahmat untuk seluruh alam. Demikianlah Allah bersikap belas kepada hamba-hamba-Nya yang berdakwah dan ikhlas pada saat-saat genting. Dia juga menyelamatkan mereka daripada situasi yang kritikal. (Dalam banyak kejadian), Allah menutup pandangan golongan yang mahu melakukan kejahatan dan pengkhianatan terhadap para pendakwah. Peristiwa Rasul dan Abu Bakar terselamat selepas orang musyrik mengepung mereka berdua di Gua Thur membenarkan firman Allah Tabarak wa Taala;

إِنَّا لَنَنْصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ الْأَشْهُدُ

*Sesungguhnya Kami tetap membela serta mempertahankan Rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman - dalam kehidupan dunia ini dan pada saat bangkitnya saksi-saksi (pada hari kiamat). (Ghafir: 51)*

Dan firman Allah Tabaraka wa Taala:

إِنَّ اللَّهَ يُدْفِعُ عَنِ الَّذِينَ ءَامَنُوا

*Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman. (Al-Hajj: 38)*

9. Semasa di Gua Thur, Abu Bakar takut kalau-kalau orang musyrik melihat beliau dan Rasul s.a.w.. Ia menjadi sikap yang patut dimiliki oleh kader dakwah yang jujur bersama pemimpinnya yang amanah pada saat bahaya mengeli-linginya. Beliau merasa bimbang dan simpati terhadap keselamatan nyawa pemimpinnya. Abu Bakar pada ketika itu tidak bimbangkan keselamatan dirinya sendiri. Jika beliau bimbangkan keselamatan dirinya, nescaya beliau tidak akan menemani Rasulullah s.a.w. dalam hijrah yang bahaya itu. Beliau mengetahui balasan paling minima adalah bunuh jika orang musyrik dapat menangkapnya bersama Rasulullah s.a.w.. Namun beliau bimbangkan nyawa Rasul yang mulia dan masa depan Islam sekiranya Rasul s.a.w. jatuh ke dalam genggaman orang musyrik.

10. Dalam jawapan Rasul s.a.w. kepada Abu Bakar untuk meredakan kebimbangannya:

*"Wahai Abu Bakar, kamu sangka (kita) berdua, sedangkan Allah adalah yang ketiga"*

Ini menjadi contoh keyakinan benar terhadap Allah, rasa tenang dengan pertolongan-Nya dan bertawakkal kepada-Nya ketika susah. Ia juga menjadi bukti jelas tentang kebenaran

dakwaan Rasul s.a.w. sebagai Nabi. Walaupun Baginda berada dalam situasi paling gawat, namun jelas tanda-tanda ketenangan pada diri Baginda. Baginda s.a.w. yakin bahawa Allah yang mengutuskan nya membawa petunjuk dan rahmat kepada manusia paeti tidak akan membiarkannya pada saat-saat itu. Adakah kamu lihat ketenangan seperti ini terbit daripada orang yang berlagak sebagai nabi dan meniru sifat kerasulan? Pada situasi-situasi sebegini, akan tampak perbezaan jelas antara pendakwah islah dengan orang yang sekadar mendakwa dan menyamar. Hati-hati pendokong dakwah ini sentiasa dan selama-lamanya melimpahkan rasa redha dengan Allah dan yakin dengan pertolongan-Nya. Sementara mereka yang hanya berlagak, keberaniannya akan luntur ketika berhadapan dengan perkara yang menakutkan dan kecundang ketika susah. Mereka juga tidak mendapati Allah sebagai pelindung mahupun pembantu.

11. Jelas kepada kita, peristiwa Suraqah menemui Rasul s.a.w., namun tidak berupaya menangkap Baginda menjadi satu bukti kenabian Rasul s.a.w.. Kaki kudanya telah terbenam ke dalam tanah ketika ia menuju ke arah Rasul s.a.w. Apabila Suraqah turun dan menghalakannya ke arah Makkah, kuda itu kembali bangun daripada tersungkur. Apabila dia ingin menghalakan kembali ke arah Rasul s.a.w., kudanya kembali lemah dan tidak bermaya. Pada pandangan kamu adakah perkara ini berlaku kepada sesiapa sahaja? Atau ia hanya berlaku pada nabi yang diutus dan disokong oleh Allah dengan kemenangan dan pertolongan? Sekali-kali tidak. Inilah yang difahami oleh Suraqah. Lantas dia memanggil Rasul s.a.w. untuk meminta keamanan. Dia mengetahui Rasul s.a.w. mempunyai penjagaan Tuhan yang tidak mampu diketahui oleh keupayaan manusia. Oleh itu, dia rela menanggung kerugian terlepas habuan hadiah daripada Quraisy, sebaliknya memenangi janji Rasulullah s.a.w. untuknya.

12. Janji Rasul s.a.w. kepada Suraqah untuk memberikan dua gelang Kisra kepadanya merupakan satu lagi mukjizat. Manusia yang kelihatan lari daripada kaumnya tidak akan memberi harapan untuk membuka Parsi dan menguasai harta perbendaharaan Kisra kecuali dia seorang nabi yang diutuskan. Janji Rasulullah s.a.w. kepada Suraqah ini benar-benar terjadi. Suraqah meminta Umar bin al-Khattab untuk menunaikan janji Rasul s.a.w. kepadanya apabila dia terlihat kedua-dua gelang Kisra adalah antara harta rampasan perang. Oleh itu, Umar memakaikannya kepada Suraqah di hadapan sekumpulan sahabat, seraya berkata: "Segala puji bagi Allah yang merampas gelang daripada Kisra dan memakaikannya kepada Suraqah bin Jasyam al-Arabi."

Demikianlah mukjizat berlaku berturut-turut dalam hijrah ini. Kejadian demi kejadian adalah untuk menambahkan keimanan orang-orang mukmin. Ia juga bertujuan agar menimbulkan keyakinan kepada ahli Kitab yang ragu atau ingkar bahawa Baginda adalah rasul daripada Tuhan sekalian alam.

13. Penduduk Yathrib yang beriman di kalangan Ansor dan Muhajirin merasa gembira kerana Rasulullah s.a.w. tiba dengan selamat. Kegembiraan ini telah menyebabkan kaum wanita dan kanak-kanak turut keluar dari rumah-rumah mereka. Manakala kaum lelaki pula meninggalkan kerja-kerja mereka. Secara zahir, Yahudi juga turut mengambil sikap menyertai penduduk Madinah meraikan kegembiraan mereka. Namun batin, mereka merasa sakit hati ekoran wujud persaingan kepimpinan baru. Kegembiraan orang-orang mukmin bertemu dengan Rasul mereka tidak pelik. Lantaran Bagindalah (dengan izin Tuhan) yang menyelamatkan mereka daripada kegelapan kesesatan kepada cahaya kebenaran dan menuju jalan Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji. Sementara sikap Yahudi juga tiada keganjilan. Mereka memang dikenali dengan sikap mengampu (bermulut manis) dan nifaq (bermuka-muka) kepada masyarakat yang sudah hilang penguasaan mereka. Mereka juga terkenal dengan sikap marah dan dengki terhadap sesiapa yang merampas hak ketuanan

mereka ke atas bangsa lain. Begitu juga kepada sesiapa yang menghalang mereka daripada merampas harta orang di atas nama hutang (melalui amalan riba), atau menghalang mereka menumpahkan darah orang di atas nama nasihat dan cadangan pendapat. Yahudi masih terus berdendam terhadap setiap orang yang membebaskan bangsa lain daripada penguasaan mereka. Dendam ini diakhiri dengan tipu daya dan konspirasi, seterusnya pembunuhan jika mereka mampu. Inilah perangai dan sifat semulajadi mereka. Mereka telah melakukan tindakan seperti itu terhadap Rasulullah s.a.w. setelah Baginda menetap di Madinah. Sekalipun piagam yang dibuat antara Baginda dengan mereka bertujuan untuk bekerjasama dan saling hidup dengan aman, namun Yahudi merupakan satu kaum yang sentiasa dan selama-lamanya menyalakan api peperangan:

كُلَّمَا أَوْقَدُوا نَارًا لِلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا اللَّهُ

*Tiap kali mereka menyalakan api peperangan, Allah memadamkannya. (Al-Maidah: 64)*

14. Daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika Hijrah ke Madinah, jelas kepada kita Nabi s.a.w. tidak singgah di satu-satu tempat melainkan perkara pertama yang dilakukan ialah membina masjid sebagai tempat orang-orang mukmin berhimpun. Baginda telah membina Masjid Quba ketika bermukim di situ selama empat hari. Baginda juga telah membina sebuah masjid di pertengahan jalan antara Quba dan Madinah, apabila tiba waktu solat Jumaat di perkampungan Bani Salim bin Auf di tengah-tengah wadi tersebut, Wadi Ranuna.

Apabila Baginda sampai ke Madinah, kerja pertama yang dilakukan ialah membina masjid di situ.

Ini menunjukkan kepada kita, kepentingan masjid dalam Islam. Semua ibadat dalam Islam berperanan membersihkan jiwa, menyucikan akhlak dan menguatkan ikatan tolong-menolong sesama orang Islam. Solat berjamaah, solat Jumaat dan solat dua Hari Raya merupakan lambang zahir yang cukup kuat kepada perpaduan orang Islam. Ia menjadi lambang kesatuan perjuangan dan matlamat, juga lambang kerjasama dalam kebajikan dan taqwa. Tidak ragu lagi, masjid membawa mesej kemasyarakatan dan kerohanian yang agung kedudukannya dalam kehidupan orang Islam. Ia berperanan menyatukan saf-saf, mendidik jiwa, menyedarkan hati dan akal, menyelesaikan masalah serta mempamerkan kekuatan dan kekukuhan mereka.

Sejarah masjid dalam Islam membuktikan ketumbukan-ketumbukan tentera Islam dilancarkan dari masjid untuk meliputi muka bumi dengan hidayah Allah. Dari masjid juga terpancar sinaran cahaya kebenaran dan hidayah kepada orang Islam dan bukan orang Islam. Di dalamnya juga benih-benih tamadun Islam tumbuh subur dan berkembang. Bukankah Abu Bakar, Umar, Othman, Ali, Khalid, Saad, Abu Ubaidah dan tokoh-tokoh besar dalam sejarah Islam yang lain merupakan anak-anak murid sekolah Muhammad yang berpusat di Masjid an-Nabawi?!

Keistimewaan lain bagi masjid dalam Islam ialah, pada setiap minggu akan berkumandang dan bergenia kalimah kebenaran melalui lidah khatibnya. Khatib-khatib berkhotbah mengingkari kemungkar, menyuruh makruf, menyedarkan kelalaian, menyeru agar bersatu, menentang si zalim, atau memberi amaran kepada thaghut. Kami dapat saksikan semasa zaman kanak-kanak, bagaimana masjid menjadi pusat pelancaran gerakan-gerakan nasionalis melawan penjajah Perancis. Para pemimpin jihad juga berpaut pada masjid untuk menentang penjajahan dan Zionis. Pada hari ini kita lihat masjid tergendala daripada



melaksanakan tugas terbesarnya. Fenomena ini tidak lain merupakan dosa sesetengah khatib di kalangan pegawai-pegawai upahan atau orang-orang jahil yang alpa. Pada hari para pendakwah yang tegas berpegang dengan kebenaran, alim dengan syariat, ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya, penasihat kepada pemimpin-pemimpin orang Islam dan rakyatnya menaiki mimbar masjid dan mengimamkan pengunjunya, masjid akan kembali ke tempat kepimpinan dalam organisasi kemasyarakatan kita. Pada ketika itu masjid kembali berperanan mendidik ramai tokoh, mengeluarkan sebilangan wira, mengislah kefasadan, memerangi mungkar juga membina masyarakat di atas asas ketaqwaan kepada Allah dan mengejar keredhaan-Nya.

Kami berharap masjid dapat berfungsi sedemikian (insya Allah) apabila golongan perintis yang suci murni menduduki mimbar-mimbar dan seluruh ruangnya. Mereka dari kalangan pemuda-pemuda yang beriman, berpengetahuan tentang agama Allah dan berakhlak dengan akhlak Rasulullah s.a.w..

15. Proses persaudaraan antara Muhajirin dan Ansor yang dilakukan oleh Rasul s.a.w. merupakan tanda-tanda zahir paling jelas tentang keadilan kemanusiaan dan akhlak membina dalam Islam. Muhajirin merupakan golongan yang meninggalkan harta dan tanah mereka demi jalan Allah. Mereka datang ke Madinah tanpa memiliki apa-apa saki baki dunia. Ansor pula merupakan kaum yang kaya dengan hasil tanaman, harta dan perusahaan mereka. Oleh itu, seseorang saudara perlu menanggung saudaranya. Dia berkongsi dengan saudaranya kesenangan dan kesusahan hidup. Dia juga menempatkan saudaranya di rumahnya selagimana rumahnya lapang untuk mereka berdua. Dia memberi separuh hartanya kepada saudaranya selagi mana dia tidak memerlukannya dan serba eukup. Apakah ada keadilan sosial di dunia ini yang menyamai kedudukan persaudaraan ini?!

Mereka yang tidak mengakui dalam Islam ada keadilan sosial, merupakan golongan yang tidak mahu cahaya Islam mengejutkan pandangan orang ramai dan menguasai hati mereka. Boleh jadi mereka merupakan golongan yang berpemikiran rigid dan membenci setiap perkataan baru walaupun ia disukai oleh manusia. Dalam Islam terdapat bukti keadilan sosial ini. Bagaimana keadilan sosial dalam Islam dapat dinalikan sedangkan peristiwa persaudaraan yang unik ini terdapat dalam lipatan sejarah? Persaudaraan ini dilakukan oleh pendokong syariah, nabi Muhammad s.a.w. sendiri. Baginda sendiri yang menyelia persaudaraan tersebut. Di atas asas-asas persaudaraan inilah Baginda menegakkan masyarakat dan negara Islam pertama. Maha suci, ya Allah. Penafian hakikat ini adalah penipuan yang besar!

16. Dalam piagam bertulis yang dimaterai oleh Rasul s.a.w., terkandung dasar persaudaraan antara Muhajirin dan Ansor. Terdapat juga dasar kerjasama antara orang Islam dan bukan orang Islam. Ini merupakan bukti yang tidak boleh disangkal. Bukti bahawa dasar keadilan sosial adalah asas tertegaknya negara Islam. Sementara asas hubungan orang Islam dengan bukan Islam adalah hidup aman damai selagi mana mereka berbaik-baik dan tidak mengancam ketenteraman negara. Prinsip kebenaran, keadilan, kerjasama dalam kebajikan dan taqwa, bekerja untuk kebaikan manusia serta menolak penindasan golongan jahat daripada masyarakat pula merupakan slogan-slogan yang paling terfonjol dilaungkan oleh negara Islam. Demikianlah prinsip negara Islam di mana sahaja ia tertegak, juga pada manamana zaman ia terbentuk. Ia tertegak di atas prinsip-prinsip paling unggul dan paling adil. Pada hari ini, prinsip-prinsip tersebut bertepatan dengan prinsip paling mulia yang membentuk negara juga menaungi manusia. Pada zaman kita ini, usaha untuk menegakkan negara dalam masyarakat Islam yang berpandu-kan prinsip-prinsip Islam merupakan usaha yang seiring dengan perkembangan pemikiran manusia berkenaan definisi negara. Selain itu umat Islam akan berjaya merealisasikan pembinaan masyarakat yang paling kuat, paling

sempurna, paling bahagia dan paling progresif.

Walau apapun situasi yang berlaku, adalah menjadi masalah kepada kita untuk memastikan negara dibina di atas asas-asas Islam. Mengabaikan kemaslahatan ini bererti kita berhadapan dengan kerosakan dan kebinasaan. Islam tidak menyakiti orang bukan Islam dalam negara Islam. Ia tidak menindas akidah mereka, juga tidak mengurangkan hak-hak mereka, Kenapakah wujud kebimbangan jika ada negara Islam ingin melaksanakan syariat Islam dan menegakkan hukum hakamnya, padahal keseluruhan syariat dan hukum hakam Islam mengandungi keadilan, kebenaran, kekuatan, persaudaraan dan jaminan sosial yang menyeluruh di atas asas persaudaraan, kasih sayang dan kerjasama yang mulia? Kita tidak akan dapat membebaskan diri daripada penjajahan melainkan dengan seruan Islam. Oleh itu, orang-orang yang berjuang hendaklah berjuang di atas jalan ini:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا  
فَأَخَذْنَا مِنْهُم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

*Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. (Al-Araf: 96)*

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ  
وَصَدَّكُمْ بِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

*Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurut-nya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. (Al-An'am: 153)*

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَىٰ عَدْلٍ مِّنكُمْ  
وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِ ۚ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ  
يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢١٦﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ  
بَلِّغُ أَمْرِهِ ۚ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٢٢٠﴾

*Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamat-kannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu. (At-Tolaq: 2-3)*

وَأَلَّتِي يَيْسَّرَنَّ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَالَّتِي لَمْ تَحِضْ  
وَأُولَتْ الْأَحْمَالِ أَجْلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

*Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya. (At-Tolaq: 4)*

ذَلِكَ أَمْرُ اللَّهِ أَنْزَلَهُ إِلَيْكُمْ ۚ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَكْفِرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ ۚ وَيُعْظِمْ لَهُ أَجْرًا ﴿٥﴾

*Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya, dan akan membesarkan pahala balasannya. (At-Tolaq: 5)*

## Bahagian 5

### PEPERANGAN RASUL S.A.W.

#### A) Peristiwa-peristiwa Sejarah

Nabi s.a.w. hampir-hampir tidak sempat menetap selesa di Madinah apabila siri peperangan antara Baginda dengan Quraisy dan kabilah-kabilah Arab yang menyokong mereka bermula. Ahli-ahli sejarah Islam meletakkan beberapa istilah bagi siri peperangan ini. Mereka menamakan peperangan antara orang Islam dan orang musyrik yang disertai oleh Nabi s.a.w. sebagai Ghazwah. Sementara pertempuran kecil yang berlaku antara kedua pihak dan tidak disertai oleh Rasul s.a.w. dinamakan sebagai Sariyyah. Bilangan ghazwah sebanyak 26 ghazwah sementara bilangan sariyyah pula sebanyak 38 sariyyah. Namun dalam perbincangan tergesa-gesa ini, kami hanya menyebut ghazwah yang terkenal sahaja, iaitu sebanyak 11 ghazwah:

#### 1. Ghazwah Badar al-Kubra

Ia berlaku pada 17 Ramadhan tahun ke-2 hijrah. Ia bermula apabila Nabi s.a.w. mempelawa para sahabat Baginda untuk menyekat kafilah dagang Quraisy yang pulang dari Syam ke Makkah. Misi asal sekatan itu bukannya dengan tujuan peperangan. Walau bagaimanapun kafilah yang diketuai oleh Abu Suffian tersebut telah terselamat daripada sekatan orang Islam. Namun Abu Suffian sebelum itu telah mengutuskan utusan kepada Quraisy untuk keluar melindungi kafilahnya. Rentetan permintaan tersebut, Quraisy telah keluar dengan bilangan kira-kira 1000 orang tentera. Antaranya 600 orang tentera berbaju perisai, 100 ekor kuda yang dipakaikan 100 baju perisai. Ini tidak termasuk baju perisai tentera pejalan kaki dan 700 ekor unta. Mereka turut membawa penyanyi-penyanyi perempuan yang memukul gendang dan menyanyi mengutuk orang Islam.

Sementara itu, bilangan orang Islam pula seramai 313 atau 314 orang. Kebanyakan mereka daripada golongan Ansor. Mereka membawa 70 ekor unta dan dua atau tiga ekor kuda sahaja. Mereka bergilir-gilir dalam kumpulan-kumpulan kecil menaiki unta tersebut dari satu masa ke satu masa. Sebelum Nabi s.a.w. memasuki pertempuran, Baginda ingin mengambil pandangan para sahabatnya, khususnya kaum Ansor. Baginda ingin mengambil pandangan mereka untuk terlibat dalam peperangan. Kaum Muhajirin telah mencadangkan kepada Baginda untuk terlibat dalam peperangan itu. Mereka telah berucap dengan baik. Kemudian Ansor menyedari Baginda mahukan pandangan mereka. Lantaran itu, Saad bin Muaz, ketua Ansor, berkata kepada Baginda: "Wahai Rasulullah, kami telah beriman dengan kamu, membenarkan risalahmu. Kami menyaksikan apa yang kamu bawa adalah benar dan kami telah berikan janji juga ikrar untuk mendengar arahan dan taat kepadamu. Oleh itu, teruskan wahai Rasulullah, apa yang kamu mahu. Kami tetap akan bersama kamu. Demi Tuhan yang mengutuskan kamu membawa kebenaran, kalau kamu bentangkan kepada kami laut ini, nescaya kami akan meng-harunginya bersama kamu. Tiada seorang pun daripada kami yang tercicir. Kami tidak benci untuk bertemu dengan musuh kami besok. Kami kaum yang sabar ketika perang dan jujur (tidak belot) ketika bertemu musuh. Semoga Allah membuatkan sesuatu berlaku kepada kalangan kami yang menggembirakan kamu. Berangkatlah bersama kami dengan berkat Allah."

Sahabat yang lain juga berucap seumpama itu. Rasul s.a.w. merasa gembira dengan jawapan itu, seraya bersabda:

*"Berangkatlah kamu dengan berkat Allah. Bergembiralah. Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kepadaku untuk berhadapan dengan salah satu kumpulan; sama ada kafilah dagang ataupun angkatan tentera."*

Kemudian Rasul s.a.w. berjalan sehingga sampai ke perigi Badar yang paling hampir lalu Baginda berhenti di situ. Lantas al-Hubab bin al-Munzir bertanya: "Wahai Rasulullah! Adakah tempat ini ditetapkan oleh Allah Taala kepada kamu; di mana kamu tidak boleh terke depan mahupun terke belakang. Atau ia merupakan buah fikiran, strategi perang dan tipu helah?"

Rasul s.a.w. menjawab:

*"Bahkan ia berdasarkan buah fikiran, strategi perang dan tipu helah".*

Maka al-Hubab bin al-Munzir mencadangkan kepada Baginda agar berpindah ke tempat lain yang lebih strategik dan membolehkan orang Islam menyekat air Badar sampai kepada orang musyrik. Oleh itu, Rasul s.a. w. dan para sahabat Baginda berangkat sehingga mereka sampai ke tempat yang dicadangkan oleh al-Hubab. Mereka kemudiannya berhenti di situ. Seterusnya Saad bin Muaz mencadangkan agar dibina sebuah khemah untuk Rasul s.a.w. di belakang barisan tentera Islam. Sekiranya Allah memuliakan mereka dengan kemenangan, itulah yang mereka sukai. Jika tewas, Baginda boleh menaiki tunggangannya dan kembali menyertai orang Islam di Madinah. Saad berkata kepada Baginda: "Sebahagian orang Islam tidak hadir bersama kita, wahai Nabi Allah. Ini bukanlah bererti cinta kami terhadapmu lebih hebat berbanding mereka. Jika mereka tahu kamu akan berperang, nescaya mereka tidak tercicir untuk turut serta bersamamu."

Oleh itu, Nabi s.a.w. mendoakan kebaikan untuk Saad bin Muaz. Baginda memerintahkan agar dibina sebuah khemah untuk Baginda. Apabila kedua-dua kumpulan (orang Islam dan orang musyrik) bersemuka, Rasul s.a.w. meluruskan barisan orang Islam, membakar semangat mereka untuk berperang dan memotivasi mereka untuk mati syahid. Baginda bersabda:

والذي نفسي بيده، لا يفاتلهم اليوم رجل فيقتل صابرا محتسبا مقبلا غير مدبر إلا أدخله الله الجنة

*"Demi Tuhan yang jiwaku di dalam genggamannya, sesiapa yang memerangi mereka (tentera orang musyrik) pada hari ini, kemudian dia terbunuh dalam keadaan penuh kesabaran dan ikhlas, terus maju dan tidak lari dari medan pertempuran, pasti Allah akan memasukkannya ke dalam syurga."*

Setelah itu Baginda pulang ke khemah bersama Abu Bakar dengan dikawal oleh Saad bin Muaz yang siap menghunuskan pedangnya. Rasul s.a.w. mula berdoa. Antara doa Baginda:

اللهم أني آنتشدك عهدك ووعدك اللهم أن تهلك هذه العصابة من أهل الاسلام (المؤمنون المحاربون) لا تعبد في الأرض

*"Ya Allah, aku menagih janji dan jaminan-Mu. Ya Allah, jika Kamu binasakan kelompok ini (pejuang-pejuang mukmin), Kamu tidak akan disembah lagi di muka bumi."*

Baginda memanjangkan sujudnya, sehingga Abu Bakar berkata: "Cukuplah. Sesungguhnya Allah akan melaksanakan janji-Nya untukmu."

Kemudian peperangan meletus dan berakhir dengan kemenangan orang Islam. Kira-kira 70 orang musyrik telah terbunuh termasuk ketua mereka yang paling tegar dengan kesyirikannya, Abu Jahal. Turut terbunuh sebahagian pemimpin mereka. Mereka yang ditawan pula kira-kira 70 orang. Baginda telah memerintahkan agar semua yang terbunuh dikebumikan. Baginda pulang ke Madinah dan melakukan syura dengan para sahabat Baginda tentang urusan tawanan perang. Umar mencadangkan supaya mereka dibunuh. Abu

Bakar pula mencadangkan supaya mereka menebus diri mereka. Rasul s.a.w. menerima cadangan Abu Bakar. Oleh itu, orang musyrik telah menebus tawanan mereka dengan harta.

Terdapat beberapa ayat al-Quran al-Karim telah turun berkenaan Ghazwah Badar ini. Allah Taala berfirman dalam surah Ali Imran:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾ إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمَدِّدَ كُمْ رَبُّكُمْ بِثَلَاثَةِ آَلْفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُزِيلِينَ ﴿١٢٤﴾ بَلَىٰ ۚ إِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُمْ مِّنْ فَوْرِهِمْ هَذَا يُمَدِّدْكُمْ رَبُّكُمْ بِخَمْسَةِ آَلْفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾ وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُم بِهِ ۗ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾ لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَوْ يَكْبِتَهُمْ فَيَنْقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٢٧﴾

*Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu). (Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): "Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan 3,000 tentera dari malaikat yang diturunkan?," Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, nescaya Allah membantu kamu dengan 5,000 malaikat yang bertanda masing-masing. Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan kerana memberi khabar gembira kepada kamu, dan supaya kamu tenteram dengan bantuan itu. Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah Yang Maha kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Kemenangan Badar itu) kerana Allah hendak membinasakan satu golongan dari orang-orang kafir atau menghina mereka (dengan kekalahan), supaya mereka kembali dengan hampa kecewa. (All Imran: 123-127)*

Al-Quran juga menegur Rasulullah s.a.w. kerana menerima tebusan harta bagi tawanan perang. Allah Taala berfirman:

مَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أَسْرَىٰ لَهُمْ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي الْأَرْضِ تُرِيدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٢٧﴾ لَوْلَا كَتَبْنَا مِنَ اللَّهِ سَبَقَ لِمَسَّكُمْ فِيمَا أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٢٨﴾

*Tidaklah patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang-orang tawanan sebelum ia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi. Kamu rnenghendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedang Allah rnenghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha*

*Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kalaulah tidak (kerana) adanya ketetapan dari Allah yang telah terdahulu, tentulah kamu ditimpa azab seksa yang besar disebabkan (penebus diri) yang kamu ambil (dari orang-orang tawanan) itu. (Al-Anfal: 67-68)*

## 2. Ghazwah Uhud

Ghazwah Uhud berlaku pada hari Sabtu, 15 Syawal, tahun ke-3 hijrah.

Sebab berlaku ghazwah ini Quraisy ingin menuntut bela terhadap kekalahan dalam Ghazwah Badar. Mereka membuat persiapan sehingga mereka benar-benar bersedia untuk memerangi Rasul s.a.w. di Madinah. Mereka keluar dalam angkatan tentera seramai 3,000 pejuang, tidak termasuk bilangan tentera Ahabisy.<sup>4</sup> Dalam angkatan ini terdapat 700 tentera berbaju perisai dan 200 pahlawan berkuda. Bersama mereka juga, 17 orang wanita termasuk Hindun binti 'Utbah, isteri Abu Suffian. Bapanya telah terbunuh dalam Ghazwah Badar. Quraisy bergerak sehingga sampai ke tengah-tengah wadi menghala ke Uhud (sebuah bukit tinggi yang terletak dua batu di utara Madinah) bertentangan dengan Madinah. Mengikut pendapat Rasul s.a.w. dan beberapa orang sahabat, orang Islam tidak perlu keluar menghadapi mereka. Bahkan orang Islam hendaklah bertahan di dalam kota Madinah. Sekiranya orang musyrik menyerang mereka, orang Islam akan menghalang mereka. Namun sebahagian pemuda-pemuda Islam serta sesetengah Muhajirin dan Ansor bersemangat untuk keluar dari Madinah dan meiwani orang musyrik di tempat perhimpunan mereka. Khususnya mereka yang tidak turut serta dalam Ghazwah Badar dan tidak memperolehi kemuliaan berperang dalam ghazwah tersebut.

Lantaran itu, Rasulullah s.a.w. telah beralah kepada pendapat mereka. Baginda masuk ke dalam rumah, memakai baju perisai, seraya meletakkan dinding perisai di belakang tubuhnya dan memegang tombak di tangan. Kemudian Baginda keluar menemui orang Islam dengan menggantung pedangnya di leher. Mereka yang mencadangkan kepada Baginda untuk keluar berperang di luar Madinah telah menyesal, kerana mereka menjadi sebab memaksa Baginda melakukan tindakan yang bertentangan dengan pendapat peribadi Baginda. Mereka berkata kepada Rasul s.a.w.: "Kami tidak seharusnya menyalahi pendapat kamu. Oleh itu, buatlah apa yang kamu mahu, atau kamu duduk di sini sekiranya kamu mahu."

Maka Rasul s.a.w. menjawab kepada mereka dengan sabda Baginda:

*"Tidak wajar bagi seorang nabi, apabila dia memakai baju perisainya untuk dia menanggalkannya semula, sehinggalah Allah memberikan hukuman antaranya dan musuhnya."*

Kemudian Baginda bersama kira-kira 1,000 orang Islam telah berangkat keluar Madinah termasuk 100 tentera berbaju perisai dan 2 pahlawan berkuda.

Ketika orang Islam berhimpun untuk keluar, Rasul s.a.w. melihat satu kumpulan Yahudi mahu turut keluar bersama Abdullah bin Ubai bin Salul, ketua orang munafik. Rasul s.a.w. bertanya: "Adakah mereka telah Islam?" Mereka berkata: "Tidak wahai Rasulullah." Baginda bersabda:

*"Suruh mereka pulang. Kita tidak meminta pertolongan orang musyrik untuk memerangi orang musyrik."*

Di pertengahan jalan, Abdullah bin Ubai bin Salul bersama 300 orang munafik

---

<sup>4</sup> Kaum yang dihubungkan kepada sebuah bukit di sebelah bawah Makkah yang dipanggil "Habisy". Mereka merupakan sekutu Quraisy.

menarik diri daripada turut serta membantu orang Islam berperang. Oleh itu, bilangan orang Islam hanya tinggal 700 orang. Kemudian Rasul s.a.w. meneruskan perjalanan sehingga sampai ke medan Uhud. Baginda menjadikan tenteranya membelakangi bukit Uhud dan menghadap tentera musyrik. Baginda telah membariskan tentera Islam, melantik seorang ketua bagi setiap pasukan. Baginda juga memilih 50 orang pemanah yang diketuai oleh Abdullah bin Jubair al-Ansori, untuk melindungi bahagian belakang orang Islam daripada serangan balas tentera musyrik dari arah belakang. Baginda berpesan kepada mereka:

*"Lindungi belakang kami supaya mereka tidak datang menyerang kita dari arah belakang. Hujani mereka dengan anak-anak panah. Kuda tidak dapat melawan panah. Kita akan terus menang selagimana kamu tetap tidak berganjak daripada tempat kamu. Ya Allah, aku bersaksikan Engkau dalam menghadapi mereka".*

Dalam riwayat lain, Baginda berpesan kepada mereka:

*"Jika kamu melihat kami dilanggar garuda (kiasan kepada kebinasaan yang cukup teruk), jangan kamu tinggalkan tempat kamu ini sehingga aku kirim utusan kepada kamu. Sekiranya kamu melihat kami mengalahkan kaum (musyrik) itu atau kami menewaskan mereka dan mereka terbunuh, jangan kamu tinggalkan tempat kamu sehingga aku hantar utusan kepada kamu."*

Kemudian, bermulalah peperangan. Allah telah membantu orang Islam menentang musuh-musuh mereka. Orang Islam telah membunuh sebilangan mereka. Pihak musuh kemudiannya melarikan diri. Oleh itu, orang Islam sibuk memungut harta rampasan perang yang mereka dapati di kem orang musyrik. Para pemanah di belakang mereka melihat perkara tersebut. Mereka berkata: "Apa yang kita akan buat sedangkan Allah telah memenangkan Rasul-Nya?" Mereka terfikir untuk meninggalkan posisi masing-masing untuk memperolehi habuan rampasan perang. Lantas, ketua mereka, Abdullah bin Jubair memperingatkan mereka tentang pesanan Rasul s.a.w.. Namun, mereka menjawab bahawa peperangan telah tamat dan tidak perlu lagi untuk kekal di tempat mereka, Hanya Abdullah berserta 10 orang lain enggan meninggalkan posisi masing-masing. Khalid bin al-Walid (sebagai ketua sayap kanan angkatan orang musyrik ketika itu) melihat para pemanah telah meninggalkan posisi mereka di belakang tentera Islam, lantas berpatah balik menyerang hendap dari arah belakang.

Angkatan tentera Islam tidak menyedari serang hendap melainkan setelah pedang-pedang menyerang mereka di sana sini. Ikatan barisan mereka menjadi kacau bilau. Ketika itu juga, tersebar khabar angin bahawa Rasul s.a.w. telah terbunuh. Sebahagian mereka telah lari pulang ke Madinah. Orang musyrik dapat sampai kepada Rasul s.a.w.. Batu-batu yang mereka lontar mengenai Baginda sehingga Baginda jatuh pingsan, mukanya luka, kedua lututnya bercalar, bibir bawahnya berdarah dan topi di kepalanya pecah. Dua cincin rantai topi itu telah terbenam masuk ke pelipis Baginda. Orang musyrik bertambah ramai menyerang Rasul s.a.w. untuk membunuh Baginda. Baginda s.a.w. tetap bertahan bersama-sama sekumpulan orang mukmin, antara mereka ialah: Abu Dujanah yang bertindak menjadi perisai Rasulullah s.a.w.. Dia melindungi Baginda daripada anak-anak panah orang musyrik. Anak-anak panah itu telah menembusi belakang tubuhnya. Antara mereka lagi, Saad bin Abi Waqqas. Beliau telah memanah pada hari tersebut kira-kira 1,000 anak panah. Antaranya lagi, Nasibah Ummu 'Umarah al-Ansoriyyah. Dia meninggalkan tugas memberi minum tentera yang cedera, untuk bertempur menggunakan pedang dan memanah demi mempertahankan Rasulullah. Dia terus bertempur sehinggalah sebatang anak panah hinggap mengenai tengkuknya, menyebabkan luka yang dalam. Bersama-sama Nasibah juga, suami dan dua orang anaknya yang turut serta mempertahankan Rasulullah. Rasulullah s.a.w.



mendoakan untuk mereka:

*"Semoga Allah memberkati kamu sekeluarga."*

Lantas Nasibah berkata: "Doakan kepada Allah supaya kami menemani di syurga."

Lantas Baginda berdoa:

*"Ya Allah, jadikan mereka teman-temanku di syurga."*

Nasibah r.h.a. berkata selepas itu: *"Aku tidak mempedulikan lagi bencana yang menimpaku dalam urusan dunia."*

Baginda s.a.w. telah berkata berkenaan Nasibah:

*"Aku tidak menoleh ke kanan dan ke kiri pada hari Ghazwah Uhud, melainkan aku melihatnya berperang di hadapanku".*

Pada hari tersebut, Nasibah mendapat 12 luka, sama ada akibat tikaman tombak mahupun tetakan pedang.

Pada saat-saat genting itu, Ubai bin Khalaf telah cuba untuk sampai kepada Rasul s.a.w. bertujuan membunuh Baginda. Dia bersumpah tidak akan berpatah balik. Maka Nabi s.a.w. mengambil sebatang tombak daripada sahabat yang bersama Baginda, lalu merejamnya ke leher Ubai. Rejaman tersebut menyebabkan kematiannya. Ubai bin Khalaf juga merupakan satu-satunya orang yang dibunuh oleh Nabi s.a.w. dalam semua ghazwah Baginda.

Kemudian Baginda s.a.w. dapat berdiri dan bangun dipangku oleh Tolhah bin Ubaidillah. Baginda memandang ke arah orang musyrik dan ternampak sekumpulan daripada mereka berada di atas bukit. Lantas Baginda menghantar sahabat menghalau mereka turun seraya berkata:

*"Tidak sepatutnya mereka berada lebih tinggi daripada kita. Ya Allah, tiada kekuatan bagi kami metainkan dengan Kamu".*

Pertempuran telah berakhir. Abu Suffian menyatakan kelegaan hatinya dan hati orang musyrik yang lain, setelah berjaya menebus kekalahan mereka dalam Ghazwah Badar dengan kata-katanya: "Hari ini merupakan bayaran bagi hari Badar."

Di antara mereka yang terbunuh dalam peperangan ini ialah Hamzah, bapa saudara Rasul s.a.w.. Hindun, isteri Abu Suffian telah mengkelar-kelar mayatnya, membelah jantungnya dan mengunyahnya. Dia merasa kepahitan jantung itu, lalu memuntahkannya. Rasul s.a.w. merasa amat sedih melihat keadaan Hamzah, lantas berkata:

*"Sekiranya Allah memenangkan aku ke atas Quraisy di sesuatu tempat, aku akan kelar 30 orang lelaki daripada mereka."*

Namun selepas itu Allah melarang daripada mengelar mayat.

Bilangan orang Islam yang terbunuh dalam pertempuran ini ialah kira-kira 70 orang, sementara jumlah orang musyrik yang terbunuh ialah 23 orang.

Allah Taala telah menurunkan beberapa ayat berkenaan ghazwah ini bagi merawat kelukaan hati orang-orang mukmin dan menyedarkan mereka tentang punca-punca kekalahan yang menimpa mereka. Allah berfirman dalam surah Ali Imran:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٦٤﴾ إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ

أَلْقَوْمَ قَرَحٍ مِّثْلُهُ<sup>ج</sup> وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ<sup>ط</sup> وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾ وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَمْحَقَ الْكٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾ أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾

*Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman. Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka (tercedera), maka sesungguhnya kaum (musyrik yang mencerobohi kamu) itu telah (tercedera juga dan) mendapat lukayang sama (dalam peperangan Badar). Dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan), kami gilirkan dia antara sesama manusia, (supaya menjadi pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang tetap beriman (dan yang sebaliknya), dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu orang-orang yang mati Syahid. Dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim. Dan juga supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir. Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk Syurgapadahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang-orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang-orang yang sabar (tabah dan cekal had dalam perjuangan)? (Maksud Ali Imran: 139-142)*

Selang beberapa ayat selepas itu, Allah berfirman lagi:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحُسُونَهُمْ بِإِذْنِهِ<sup>ط</sup> حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَّعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِمَّنْ بَعْدَ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ مَا تُحِبُّونَ<sup>ج</sup> مِنْكُمْ مَّنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّنْ يُرِيدُ الْآخِرَةَ<sup>ج</sup> ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ<sup>ط</sup> وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ<sup>ط</sup> وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

﴿ إِذْ تَصْعَدُونَ وَلَا تَلْوُونَ عَلَى أَحَدٍ وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أُخْرٰكُمْ فَأَثْبَكُمْ غَمًّا بِغَمِّ لِكَيْلَا تَحْزَنُوا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَبَكُمْ<sup>ط</sup> وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٣﴾

*Dan demi sesungguhnya, Allah telah menepati janji-Nya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu (berjaya) membunuh mereka (beramai-ramai) dengan izin-Nya, sehingga ke masa kamu lemah (hilang semangat untuk meneruskan perjuangan) dan kamu berbalah dalam urusan (perang) itu, serta kamu pula menderhaka (melanggar perintah Rasulullah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai (kemenangan dan harta rampasan perang). Di antara kamu ada yang*

*menghendaki keuntungan dunia semata-mata, dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu daripada menewaskan mereka untuk menguji (iman dan kesabaran) kamu; dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu, (semata-mata dengan limpah kurnia-Nya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melimpahkan kurnia-Nya kepada orang-orang yang beriman. (Ingatlah) ketika kamu berundur lari dan tidak menoleh kepada sesiapa pun, sedang Rasulullah (yang masih berjuang dengan gagahnya) memanggil kamu dari kumpulan yang tinggal di belakang kamu (untuk berjuang terus tetapi kamu tidak mematuhi). Oleh sebab itu Allah mem-balas kamu (dengan peristiwa) yang mendukacitakan (kekalahan), dengan sebab perbuatan (kamu menderhaka) yang mendukacitakan (Rasulullah) itu, supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput dari kamu, dan tidak (pula bersedih) akan apa yang menimpa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan. (Maksud Ali Imran: 152-153)*

### **3. Ghazwah Bani Nadhir**

Bani Nadhir merupakan salah satu ras Yahudi yang tinggal berjiran dengan kota Madinah. Mereka juga merupakan sekutu Khazraj. Mereka telah memetarai perjanjian dengan orang Islam sebagaimana yang terdapat dalam perjanjian keamanan dan kerjasama yang telah kami sebut sebelum ini. Namun tabiat jahat dan khianat yang berakar umbi dalam jiwa Yahudi mendorong mereka untuk melanggar perjanjian mereka. Ketika Rasul s.a.w. dan beberapa orang sahabat Baginda berada di perkampungan Bani Nadhir, Baginda telah bersandar ke dinding rumah kaum itu. Tiba-tiba mereka melakukan komplot jahat untuk membunuh Baginda dengan cara melontarkan batu dari atas rumah ke arah Baginda. Baginda s.a.w. mengetahuinya, lantas bingkas bangun dengan segera seolah-olah mempunyai sesuatu keperluan. Baginda menuju ke Madinah diikuti oleh para sahabatnya. Kemudian Baginda mengutuskan Muhammad bin Maslamah kepada Bani Nadhir memberitahu: "Kamu hendaklah keluar daripada negaraku. Jangan kamu tinggal bersama-samaku di sini. Kamu telah cuba belot." Kemudian Baginda s.a.w. memberi tempoh 10 hari kepada mereka untuk keluar dari kampung tersebut.

Bani Nadhir bersiap-siap untuk keluar dari kampung mereka ekoran amaran itu. Namun Abdullah bin Ubai, ketua golongan munafik mengutuskan utusannya kepada mereka. Melalui utusannya, beliau melarang mereka keluar dan berjanji untuk menghantar 2,000 orang daripada kaumnya untuk mempertahankan mereka. Justeru itu, mereka mengubah fikiran daripada keluar meninggalkan kampung halaman kepada bertahan di dalam kubu mereka. Mereka menghantar utusan kepada Rasulullah s.a.w. menyatakan: "Kami tidak akan keluar daripada kampung halaman kami. Buatlah apa yang kamu mahu." Oleh itu, Baginda s.a.w. bersama sahabatnya keluar untuk memerangi mereka. Panji-panji Baginda telah dibawa oleh Ali bin Abi Tolib. Apabila Yahudi melihat tentera Rasulullah, mereka merejam anak panah dan batu ke arah tentera Islam. Bantuan yang dijanjikan kepada mereka oleh ketua munafik tidak sampai. Baginda s.a.w. mengepung mereka, namun mereka tetap sabar bertahan. Lantaran itu, Baginda terpaksa menebang pokok-pokok kurma mereka. Pada ketika itu, mereka berkata: "Kami akan keluar dari negeri kamu." Baginda s.a.w. mengenakan syarat kepada mereka agar keluar tanpa membawa senjata. Mereka hanya dibenarkan keluar bersama harta mereka yang mampu dibawa oleh seekor unta. Baginda juga menjamin darah mereka akan terpelihara, tidak akan ditumpahkan walau setitik. Apabila mereka ingin keluar dari kampung halaman mereka, mereka mengambil segala benda yang boleh dibawa dan meruntuhkan rumah-rumah mereka. Agar orang Islam tidak dapat menggunakannya. Mereka berangkat keluar, sebahagian mereka berhenti menetap di Khaibar, 100 batu dari Madinah.

Sementara sebahagian yang lain berhenti menetap di Jarsh, selatan Syam. Namun hanya dua orang sahaja daripada mereka yang selamat.

Surah al-Hasyr telah diturunkan berkenaan peperangan ini. Antaranya firman Allah Taala:

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَنْتُمْ أَنْ تَخْرُجُوا  
وَوَظَنُوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَتْهُمْ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ تَحْتَسِبُوا وَقَدَفَ فِي قُلُوبِهِمْ  
الرُّعْبَ تَخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿٢٠﴾ وَلَوْلَا أَنْ  
كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَاءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ ﴿٢١﴾ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ  
شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ﴿٢٢﴾ وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٣﴾

*Dia-lah yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di antara Ahli Kitab - dari kampung halaman mereka pada julung-julung kali mereka berhimpun hendak memerangi Rasulullah. Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar (disebabkan bilangannya yang ramai dan pertahanannya yang kuat), dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan serta memberi pertindungan kepada mereka (dari azab) Allah. Maka Allah menimpakan (azab-Nya) kepada mereka dari arah yang tidak terlintas dalam fikiran mereka, serta dilemparkan-Nya perasaan cemas takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri (dari dalam) sambil tangan orang-orang yang beriman (yang mengepung mereka berbuat demikian dari luar). Maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya. Dan kalaulah tidak kerana Allah telah menetap-kan pengusiran (yang demikian buruknya) terhadap mereka, tentulah Dia akan menyiksa mereka di dunia; dan mereka pula akan beroleh azab seksa nerakapada hari akhirat kelak. (Mereka ditimpakan azab) yang demikian, kerana mereka menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya. Dan (ingatlah), sesiapa yang menentang (perintah) Allah, maka sesungguhnya Allah amat-lah berat azab seksa-Nya. (Maksud Al-Hasyr: 2-4)*

#### 4. Ghazwah al-Ahzab

Ghazwah al-Ahzab dinamakan juga dengan Ghazwah Khandak. Ia berlaku pada Syawal, tahun ke-5 hijrah.

*Sebabnya*, apabila Bani Nadhir selesai diusir, beberapa orang ketua mereka datang ke Makkah mengajak dan mengapi-apikan Quraisy untuk memerangi Rasul s.a.w.. Quraisy telah menyahut ajakan itu. Seterusnya pemimpin-pemimpin Yahudi pergi ke Ghatfan. Di sana, Bani Fazzarah, Bani Murrah dan Asyjak telah menerima ajakan mereka dan berangkat menuju ke Madinah. Apabila Baginda s.a.w. mendengar kedatangan angkatan mereka, Baginda bermesyuarat dengan para sahabat. Salman telah mencadangkan kepada Baginda supaya digali parit di sekeliling Madinah. Lalu Rasul s.a.w. memerintahkan agar digali parit. Baginda sendiri turut terlibat menggali parit-parit itu. Apabila Quraisy dan sekutu mereka

sampai, mereka merasa terpegun dengan parit-parit yang mereka saksikan. Ini kerana Arab tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam penggalian parit seperti ini. Bilangan tentera bersekutu Quraisy sejumlah 10,000 orang sementara bilangan orang Islam hanya 3,000 orang. Huyai bin Akhtob salah seorang Yahudi yang berperanan menyemarakkan semangat Quraisy dan sekutu-sekutunya menentang orang Islam, telah pergi menemui Kaab bin Asad, penghulu Bani Quraizoh. Dia meminta beliau melanggar perjanjian damai antara Bani Quraizoh dengan orang Islam. Nabi s.a.w. terfikir untuk melakukan perdamaian dengan Bani Quraizoh dengan cara membayar satu pertiga hasil buah-buahan Madinah kepada mereka. Namun kaum Ansor dengan rasa megah terhadap agama mereka, menolak untuk tunduk kepada pihak Bani Quraizoh yang telah belot kepada perjanjian dan pakatan.

Peperangan bermula apabila beberapa pahlawan berkuda musyrik berjaya melepasi parit tersebut di salah satu bahagiannya yang sempit. Orang Islampun bertempur dengan mereka. Selanjutnya, Nu'aim bin Mas'ud bin 'Amir datang bertemu Rasul s.a.w. memberitahu Baginda bahawa dia telah memeluk Islam, sedangkan kaumnya tidak mengetahui keislamannya. Beliau juga merupakan kawan kepada Bani Quraizoh. Mereka mempercayai dan meyakinkannya. Beliau berkata kepada Rasul s.a.w.: "Arahkan aku apa yang kamu mahu." Maka Rasul s.a.w. bersabda kepadanya:

*"Di kalangan kita, kamu hanyalah seorang sahaja. Oleh itu, sekiranya kamu dapat, lakukanlah sesuatu untuk mengalahkan musuh. Sesungguhnya perang adalah tipudaya".*

Justeru itu, Nu'aim menggunakan kelicikannya sehingga berjaya memecahbelahkan pakatan Quraisy dan sekutunya dengan Bani Quraizoh. Dia menimbulkan prasangka dalam hati setiap kumpulan terhadap kumpulan lain. Allah telah menghantar angin kencang ke atas tentera bersekutu pada suatu malam yang amat sejuk, sehingga periuk-periuk bertaburan dan khemah-khemah mereka terkoyak. Jiwa tentera bersekutu diselubungi rasa takut, lalu mereka berangkat pulang pada malam itu juga. Apabila pagi, orang Islam tidak men-dapati seorang pun orang musyrik yang masih berada di situ.

Dalam peperangan ini, Allah menurunkan beberapa ayat dalam kitab-Nya yang mulia:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اذْكُرُوْا نِعْمَةَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْۙ اِذْ جَآءَتْكُمْ جُنُوْدٌ فَاَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيْحًا وَّجُنُوْدًا لَّمْ تَرَوْهَا ۗ وَكَانَ اللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرًا ﴿١١﴾ اِذْ جَآءُوْكُمْ مِّنْ فَوْقِكُمْ وَمِنْ اَسْفَلَ مِنكُمْۙ وَاِذْ زَاغَتِ الْاَبْصَارُ وَبَلَغَتِ الْقُلُوْبُ الْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّوْنَ بِاللّٰهِ الظُّنُوْنَ ﴿١٢﴾ هُنَالِكَ ابْتُلِيَ الْمُؤْمِنُوْنَ وَزُلْزِلُوْا زِلْزَالًا شَدِيْدًا ﴿١٣﴾

*Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (Al-Ahzab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) serta angkatan tentera (dari malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan. Masa itu ialah masa tentera musuh datang melanggar kamu dari sebelah hulu dan dari sebelah hilir (tempat pertahanan) kamu; dan masa itu ialah masa pemandangan mata kamu tidak berketentuan arah (kerana gempar dan*

*bingung) serta hati pun resah gelisah (kerana cemas takut), dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah dengan berbagai-bagai sangkaan. Pada saat itulah diuji orang-orang yang beriman, dan digoncangkan perasaan dan pendiriannya dengan goncangan yang amat dahsyat. (Maksud Al-Ahzab: 9-11)*

Kemudian Allah menjelaskan pendirian golongan munafik, sikap mereka yang tidak membantu dan tindakan mereka yang menarik diri dari medan pertempuran. Seterusnya Allah menerangkan pula perihal orang-orang mukmin:

*Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera Al-Ahzab, berkatalah mereka:" Inilah yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kami dan benarlah (apa yang telah dijanjikan) Allah dan Rasul-Nya". Dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah. Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka, pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun. (Berlakunya yang demikian) supaya Allah membalas orang-orang yang benar disebabkan kebenaran mereka, dan menyiksa orang-orang yang munafik jika Dia kehendaki, atau Dia menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan Allah telah menghalau kembali (angkatan tentera) orang-orang yang kafir itu (ke tempat masing-masing) dengan keadaan mereka geram marah (kerana gagal dan hampa), mereka tidak mendapat sebarang keuntungan. Dan Allah selamatkan orang-orang yang beriman dari bencana menghadapi peperangan itu. Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuat lagi Maha Kuasa.(Maksud Al-Ahzab': 22-25)*

## **5. Ghazwah Bani Quraizoh**

Ghazwah Bani Quraizoh. berlaku pada tahun ke-5 hijrah sebaik sahaja selepas Ghazwah Ahzab. Ini kerana beberapa sebab. Antaranya, Rasulullah telah menyaksikan bagaimana isi hati Yahudi Bani Quraizoh yang keji, belot serta berpihak kepada Quraisy dan sekutu-sekutunya. Pada saat-saat genting pertempuran Ahzab, mereka mengisytiharkan pembatalan perjanjian dengan Baginda s.a.w.. Mereka juga berniat melakukan jenayah berat yang boleh melenyapkan semua orang Islam. Padahal mereka tinggal bersama Rasul s.a.w. di Madinah. Niat dan rancangan jahat mereka gagal apabila Ghazwah Ahzab telah tamat sebagaimana yang berlaku (tentera bersekutu Quraisy meninggalkan Madinah tanpa dapat mengalahkan orang Islam). Oleh ini, Rasulullah s.a.w. berpandangan untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas pengkhianat dan pembelot ini. Baginda juga memutuskan untuk membersihkan Madinah selaku pusat jihad dan dakwah daripada mereka. Tujuannya agar tidak berlaku lagi situasi-situasi yang membuka ruang kepada mereka untuk sekali lagi membantai dan membinasakan orang Islam. Jelas sikap mereka sebagaimana kebiasaan sikap belot Yahudi yang keji.

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Aishah r.ha., bahawa apabila Rasulullah s.a.w. pulang pada hari Ghazwah Khandaq, Baginda telah meletakkan senjata dan mandi. Tatkala itu, Jibril datang menemui Baginda dalam keadaan kepalanya dilitupi debu-debu, seraya berkata: "Kamu telah meletakkan senjata? Demi Allah, aku belum meletakkannya." Baginda bertanya: "Di mana?" Jibril berkata: "Di sana." Seraya menunjuk ke arah Bani Quraizoh.

Aishah berkata: "Maka Rasulullah s.a.w. keluar memerangi mereka."

Rasul s.a.w. mengarahkan seorang sahabat menyeru orang ramai supaya tiada seorang pun daripadamereka bersembahyang Asar melainkan di perkampungan Bani Quraizoh. Kemudian Baginda keluar bersama mereka. Panji-panji Baginda telah dibawa oleh Ali r.a.. Orang Islam yang terkumpul seramai 3,000 orang, sementara kuda pula sebanyak 36 ekor. Apabila Ali menghampiri kubu Bani Quraizoh, dia telah mendengar ucapan yang buruk tentang Rasulullah s.a.w. dan isteri-isteri Baginda. Beliau telah memberitahu perkara tersebut kepada Nabi s.a.w. dan meminta Baginda agar tidak menghampiri Bani Quraizoh yang keji itu. Baginda s.a.w. menjawab, apabila mereka melihat Baginda, mereka tidak akan memperkata sesuatu yang buruk. Ini kerana Baginda tahu sikap berpura-pura dan mengampu mereka. Jika mereka melihat Baginda, mereka bersikap lembut dengannya sebagaimana yang dijangka oleh Baginda s.a.w.. Orang Islam telah mengepung mereka selama 25 malam. Setelah mereka tersepit dengan keadaan itu, mereka tunduk kepada hukuman Rasul s.a.w.. Mereka telah dihakimi oleh Saad bin Muaz, penghulu kaum Aus. Bani Quraizoh merupakan sekutu kepada kaum Aus. Saad telah menghukum pejuang-pejuang meruku dibunuh, zuriat mereka dijadikan tawanan dan harta-harta mereka dibahagi-bahagikan. Rasul s.a.w. melaksanakan hukuman beliau itu. Dengan itu, konspirasi, adu domba dan komplot Yahudi di Madinah dan sekitarnya ke atas Rasulullah s.a.w. dan dakwahnya telah habis dihapuskan.

Dalam peperangan ini, turun ayat-ayat al-Quran al-Karim yang menjelaskan pembelotan Yahudi, pelanggaran mereka terhadap perjanjian dan sikap mereka yang tidak menolong orang Islam dalam Ghazwah Ahzab:

وَإِذْ قَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ يَا أَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَارْجِعُوا وَيَسْتَعِذْنَ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ النَّبِيَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾ وَلَوْ دَخَلَتْ عَلَيْهِمْ مِّنْ أَقْطَارِهَا ثُمَّ سَأَلُوا الْفِتْنَةَ لَأْتَوْهَا وَمَا تَلَبَّثُوا فِيهَا إِلَّا بَسِيرًا ﴿١٤﴾ وَلَقَدْ كَانُوا عَاهَدُوا اللَّهَ مِنْ قَبْلُ لَا يُولُونَ إِلَّا الْأَذْبَرَ وَكَانَ عَهْدُ اللَّهِ مَسْئُولًا ﴿١٥﴾ قُلْ لَنْ يَنْفَعَكُمْ الْفِرَارُ إِن فَرَرْتُمْ مِّنَ الْمَوْتِ أَوِ الْقَتْلِ وَإِذًا لَا تُمَتِّعُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾

*Dan juga masa itu ialah masa segolongan di antara mereka berkata: "Wahai penduduk Yathrib, tempat ini bukan tempat bagi kamu (untuk berjuang di sini), oleh itu baliklah". Dan sebahagian dari mereka pula meminta izin kepada Nabi (hendak balik) sambil berkata: "Sesungguhnya rumah-rumah kami memerlukan perlindungan", pada hal ia tidak memerlukan perlindungan. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri (dari berjuang menegakkan Islam). Dan kalaulah tempat-tempat kediaman mereka itu diserang oleh musuh dari segala penjurunya, kemudian mereka diajak berpaling tadah menentang Islam, sudah tentu mereka akan melakukannya, dan mereka tidak bertanggung lagi tentang itu melainkan sebentar sahaja. Pada hal sesungguhnya mereka telahpun mengikat janji dengan Allah sebelum itu, iaitu mereka tidak akan berpaling undur (dari medan perang yang mereka hadiri). Dan (ingatlah)janji setia dengan Allah itu akan ditanya kelak (tentang penyempurnaannya). Katakanlah (wahai Muhammad):*

"Kalaulah kamu melarikan diri dari kematian atau dari pembunuhan maka perbuatan melarikan diri itu tidak sekali-kali mendatangkan faedah kepada kamu; dan kalaulah kamu pada hari ini terlepas sekalipun, maka kamu tidak juga akan menikmati kesenangan hidup melainkan sedikit masa sahaja".  
(Maksud Al-Ahzab: 13-16)

وَأَنْزَلَ الَّذِينَ ظَاهَرُوهُمْ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ فَرِيقًا تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٦١﴾ وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَدِيَارَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ وَأَرْضًا لَّمْ تَطُوعُوهَا ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٦٢﴾

Dan Dia menurunkan golongan Ahli Kitab (kaum Yahudi) yang membantu tentera musuh itu, dari benteng-benteng mereka (menyerah diri), setelah diisikan-Nya hati mereka dengan perasaan gerun. (Lalu mereka diadili dan dijatuhkan (fiukuman); sebahagian di antara-nya kamu bunuh, dan sebahagian lagi kamu tawan. Dan Dia menjadikan kamu mewarisi tanah-tanah dan rumah-rumah serta harta benda mereka, dan juga tanah-tanah (di negeri-negeri lain) yang belum kamu men-jejaknya. Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (Maksud Al-Ahzab: 26-27)

## 6. Ghazwah al-Hudaibiyah

Ghazwah al-Hudaibiyah berlaku pada bulan Zulkaedah, tahun ke-6 hijrah.

Antara latar belakang peristiwa ini, Rasulullah s.a.w. telah bermimpi bahawa Baginda memasuki Baitullah al-Haram bersama para sahabatnya dalam keadaan aman dan bercukur kepala atau memotong rambut. Mereka tidak merasa takut kepada sesuatu. Maka Baginda memerintah orang ramai bersiap keluar ke Makkah bagi mengerjakan umrah dan bukan untuk berperang dengan Quraisy. Muhajirin dan Ansor telah keluar bersama Baginda didorong oleh rasa rindu untuk melihat Baitullah al-Haram setelah dihalang berbuat demikian selama enam tahun. Rombongan tersebut turut disertai oleh Arab Badwi. Baginda s.a.w. meletakkan di hadapannya "Hadyu" iaitu unta dan binatang ternakan korban yang dibawa ke Baitullah al-Haram sebagai mengagung dan memuliakannya. Baginda telah berihram di satu tempat bernama Zul Hulaifah agar orang ramai khususnya Quraisy mengetahui bahawa Baginda bukan mahu berperang.

Bilangan mereka yang keluar bersama Baginda kira-kira 1,500 orang. Mereka tidak keluar membawa senjata kecuali senjata bagi para pengembara pada zaman tersebut iaitu pedang yang bersarung. Baginda berjalan sehingga tiumpai di Usfan. Seorang lelaki datang yang memberitahu Baginda:

"Quraisy telah mendengar kedatanganmu. Oleh itu, mereka telah keluar dengan memakai (kulit harimau seraya bersumpah dengan nama Allah, bahawa kamu tidak akan sekali-kali masuk ke Makkah". Maka Baginda s.a.w. bersabda:

"Hai kasihannya Quraisy, mereka mabuk perang! Apa yang akan menimpa mereka, jika mereka membiarkan aku berurusan dengan semua orang Arab?! Sekiranya bangsa Arab mencederakan aku, itulah yang mereka mahukan. Sekiranya Allah memenangkan aku ke atas bangsa Arab, mereka boleh



*memasuki Islam beramai-ramai. Kalau Quraisy tidak mahu berbuat demikian, mereka boleh berperang. Mereka mempunyai kekuatan. Apa yang Quraisy sangkakan? Demi Allah, aku akan terus berjuang demi agama yang Allah utuskan aku, sehingga Dia memenangkannya, atau urat tengkuk ini bercerai (aku mati)".*

Apabila Baginda sampai di Hudaibiyyah (satu tempat berhampiran Makkah dan sekarang ini terletak antara kota itu dengan jalan Jeddah), beberapa orang lelaki daripada bani Khuzaah datang menemui Baginda bertanya sebab kedatangan. Baginda memberitahu bahawa Baginda hanya datang untuk menziarahi Baitullah dan mengerjakan umrah. Lalu mereka pulang dan memberitahu Quraisy: "Kamu tergopoh-gapah terhadap Muhammad. Dia tidak datang untuk berperang, bahkan datang hanya untuk menziarahi Baitullah ini." Quraisy berkata: "Tidak. Demi Allah (kami tidak akan benar) dia memasuki Makkah untuk menguasai kami secara kekerasan buat selama-lamanya. Dan orang Arab tidak menuduh sedemikian terhadap kami."

Kemudian Quraisy menghantar Urwah bin Mas'ud at-Thaqafi untuk berunding dengan Rasul s.a.w. tentang perkara tersebut. Selepas perbincangan, dan selepas berlaku beberapa peristiwa antara Urwah dengan sebahagian sahabat, dia pulang menemui Quraisy lalu menceritakan apa yang dilihat. Dia menceritakan bagaimana kecintaan para sahabat kepada Rasulullah s.a.w.. Mereka begitu hormat kepada Baginda dan cenderung untuk melakukan perdamaian. Namun Quraisy enggan menerimanya. Kemudian Rasul s.a.w. mengutus Othman bin Affan menemui penduduk Makkah untuk menegaskan kepada mereka tujuan kedatangan Baginda s.a.w. dan para sahabat. Othman terlewat pulang lalu tersebar berita di kalangan orang Islam bahawa beliau telah dibunuh. Ketika itu, Rasul s.a.w. berkata:

*"Kita tidak akan berganjak sehingga kita memerangi kaum tersebut."*

Baginda mengajak orang Islam berbaiah untuk berjihad dan mati syahid di jalan Allah. Mereka telah berbaiah dengan Baginda di bawah sebatang pokok "Tolh" (pokok acacia). Mereka berjanji tidak lari dari medan; penentuannya sama ada diadakan perdamaian ataupun mati syahid.

Apabila Quraisy mengetahui berita baiah tersebut, mereka merasa takut. Pada pandangan mereka, perdamaian bersyarat dengan Baginda perlu dilakukan. Baginda dikehendaki pulang ke Madinah pada tahun itu dan datang kembali pada tahun depan. Baginda hanya dibenarkan bermukim selama tiga hari di Makkah dengan hanya membawa senjata biasa seperti tombak dan pedang yang tersarung. Untuk itu, Quraisy mengutuskan Suhail bin 'Amru bagi menyempurnakan perdamaian tersebut. Akhirnya perdamaian dimeterai mengikut kemahuan Quraisy. Berlaku gencatan senjata di antara kedua-dua pihak selama 10 tahun. Perdamaian Hudaibiyyah juga memutuskan, sesiapa yang datang daripada pihak Muhammad ke Makkah, mereka tidak memulangkannya, sementara sesiapa yang datang kepada Muhammad dari Makkah, mereka perlu memulangkannya. Perkara tersebut begitu sukar diterima oleh orang Islam. Sebahagian mereka berbahas dengan Nabi s.a.w. berkenaan syarat-syarat tersebut. Antara mereka yang paling keras menentang ialah Umar, Sehingga Rasulullah s.a.w. bersabda:

*"Aku adalah hamba Allah. Dia tidak akan mempersia-siakan aku".*

Kemudian Rasul memerintahkan para sahabat melakukan tahallul (langkah-langkah keluar daripada ikatan ihram) umrah. Namun, mereka tidak melakukannya ekoran terlalu kesal, setelah dihalang memasuki Makkah. Mereka juga sukar untuk menerima syarat-syarat perdamaian tersebut. Oleh itu, Baginda s.a. w. mengambil inisiatif memulakannya sendiri. Lalu Baginda bertahallul daripada umrah. Lantas tindakan Baginda itu diikuti oleh semua

orang Islam. Namun selepas itu, syarat-syarat yang sukar diterima oleh orang Islam tetapi diredhai oleh Rasul s.a.w. ternyata memberi faedah besar. Ini tercapai kerana Baginda berpandangan jauh, berfikiran tajam dan mendapat bantuan wahyu sehingga membolehkan Baginda berfikir dan bertindak dengan tepat.

Lantaran pulangan faedah yang banyak ini, Allah telah menamakan peperangan ini sebagai kemenangan yang nyata. Allah berfirman:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾ لِيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ  
عَلَيْكَ وَيَهْدِيكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿٢﴾ وَيَنْصُرَكَ اللَّهُ نَصْرًا عَزِيمًا ﴿٣﴾

*Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata. Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya). Dan dengan sebabnya Allah memberikanmu pertolongan (untuk mencapai kejayaan) dengan sepenuh-penuh dan sehandal-handal pertolongan (yang tidak ada bandingannya). (Maksud Al-Fath: 1-3)*

Kemudian Allah memperkatakan tentang perjanjian baiah dengan Rasul s.a.w. melalui firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۖ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ  
نَفْسِهِ ۗ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَمَا لِيُبَدِّلَ أَعْرَاجًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

*Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia (baiah) kepadamu (wahai Muhammad – untuk berjuang menentang musuh), mereka hanya-sanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanji-kannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar. (Maksud Al-Fath: 10)*

Allah telah meredhai mereka yang terlibat dalam Baiah ar-Ridhwan yang berlangsung di bawah sebatang pokok. Firman-Nya:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ  
السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

*Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di*

bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui-Nya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya. (Maksud Al-Fath: 18)

Allah memperkatakan tentang mimpi Rasulullah yang menjadi sebab berlakunya Ghazwah Hudaibiyah:

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ لَتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ  
مُحَلِّقِينَ رُءُوسِكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا

قَرِيبًا

*Demi sesungguhnya! Allah tetap menyatakan benar Rasul-Nya dalam perkara mimpi itu dengan kenyataan yang sebenar; iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid Al-Haram - insya Allah (pada masa yang ditentukan-Nya) - dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidakpun) menggunting sedikit rambutnya, serta kamu tidak merasa takut (akan peng-khianatan musuh sehingga kamu keluar balik dari situ). (Allah menanggungkan berlakunya kenyataan itu) kerana Dia mengetahui (adanya feadah dalam penanggunghan itu) yang kamu tidak mengetahuinya; maka Dia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu, satu kemenangan yang dekat (masa berlakunya). (Maksud Al-Fath: 27)*

Moga-moga ini merupakan isyarat kepada pembukaan Makkah yang merupakan hasil daripada perdamaian Hudaibiyah. Ini akan kami sebutkan dalam pengajaran dan pedoman, insya Allah. Kemudian Allah menegaskan tentang penguasaan agama ini dan kemenangannya. Firman-Nya:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ ۗ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

*(Allah yang menyatakan itu) Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad, s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi Saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh Rasul-Nya itu). (Al-Fath: 28)*

## 7. Ghazwah Khaibar

Ghazwah Khaibar berlaku pada akhir Muharram, tahun ke-7 hijrah. Khaibar "merupakan sebuah oasis besar yang didiami oleh Yahudi. Terletak 100 batu di utara Madinah menghala ke Syam.

*Sebab berlaku peperangan ini:* Setelah Nabi s.a.w. memperolehi keamanan daripada pihak Quraisy hasil perdamaian yang dicapai di Hudaibiyah, Baginda memutuskan untuk membersihkan saki baki Yahudi di sekeliling Madinah. Tindakan ini diambil setelah Yahudi

dibersihkan daripada Kota Madinah. Yahudi di Khaibar mempunyai kubu-kubu yang kukuh. Di dalamnya terdapat kira-kira 10,000 orang pejuang. Mereka juga mempunyai kemampuan senjata dan peralatan yang besar di samping terkenal sebagai pakar muslihat, permainan kotor dan tipudaya. Oleh itu, masalah ini perlu dibersihkan segera sebelum mereka menjadi punca kekacauan dan kebimbangan orang Islam di ibukota mereka, Madinah. Dengan ini, Rasul s.a.w. bersepakat untuk keluar memerangi mereka pada akhir Muharram. Baginda keluar memerangi mereka dalam satu angkatan seramai 1,600 orang pejuang termasuk 200 orang pahlawan berkuda. Baginda telah mengumumkan panggilan perang kepada para sahabat yang menyertai Baginda dalam Ghazwah Hudaibiyah sebelum ini. Baginda berjalan sehingga tiba di pinggir Khaibar lalu berkata kepada para sahabat: "Berhenti!". Kemudian Baginda berdoa:

اللهم رب السموات السبع وما أظللن ورب الأرضين السبع وما أقللن، ورب الشياطين وما أضللن،  
ورب الرياح وما ذرين، أنا نسالك خير هذه القرية وخير أهلها وخير ما فيها، ونعوذ بك من شرها وشر  
أهلها وشر ما فيها، اقدموا باسم الله

*“Ya Allah, Tuhan seluruh langit dan apa yang dinaunginya, Tuhan seluruh bumi dan apa yang ditanggungnya, Tuhan seluruh syaitan dan apa yang disesatkan mereka, Tuhan seluruh angin dan apa yang diterbangkannya. Kami memohon kepada Kamu kebaikan kampung ini, kebaikan penduduknya dan kebaikan apa yang ada di dalamnya. Kami berlindung dengan Kamu daripada kejahatannya, kejahatan penduduknya dan kejahatan apa yang ada di dalamnya. Maralah kamu semua dengan nama Allah .”*

Apabila sampai di Khaibar, Nabi s.a.w. berpangkalan hampir dengan salah satu kubu Khaibar bernama Hisn an-Natoh. Yahudi telah menghimpunkan pejuang-pejuang mereka di dalamnya. Hubab bin al-Munzir mencadangkan agar angkatan tentera Islam berpindah tempat, kerana dia cukup kenal dengan penduduk an-Natoh. Mereka terkenal dengan panahan yang jauh dan tepat apatah lagi kedudukan mereka terletak lebih tinggi daripada kedudukan orang Islam. Oleh itu, anak-anak panah mereka lebih cepat meluncur turun mengenai barisan tentera Islam. Mereka juga boleh menyerang hendap orang Islam pada waktu malam dengan berselindung di celah-celah pokok-pokok kurma yang banyak. Oleh demikian, Rasul s.a.w. bersama tentera Islam mengambil langkah berpindah ke tempat yang lain. Pertempuran kemudiannya bermula dan orang Islam membuka satu demi satu kubu kecuali dua kubu terakhir. Penduduk kedua kubu tersebut mahu berdamai dengan syarat darah pejuang-pejuang mereka terpelihara dan zuriat mereka dilepaskan (tidak dijadikan tawanan). Mereka juga meletakkan syarat agar mereka dibenarkan keluar dari bumi Khaibar bersama-sama zuriat. Mereka setuju keluar dengan hanya sehelai sepinggang. Baginda s.a.w. berdamai dengan mereka dengan syarat-syarat tersebut. Sekiranya mereka menyembunyikan sesuatu ketika keluar dari kubu tersebut, perlindungan Allah dan rasul-Nya terbatal. Mereka kemudiannya meninggalkan kedua-dua kubu tersebut. Orang Islam mendapati di dalam kedua-dua kubu tersebut terdapat senjata yang banyak dan lembaran-lembaran Taurat. Yahudi telah datang menuntut kitab tersebut. Baginda mengarahkan agar ia dipulangkan kepada mereka. Bilangan Yahudi yang terbunuh dalam peperangan ini seramai 93 orang sementara orang Islam yang syahid seramai 15 orang.

## **8. Ghazwah Mu'tah**

Ghazwah Mu'tah berlaku pada Jamadil Awal, tahun ke-8 hijrah. Mu'tah merupakan sebuah kampung di pinggir Syam. Sekarang ia dinamakan dengan al-Karak. Letaknya di tenggara Laut Mati.

Sebab peperangan ini; Rasul s.a.w. telah mengutus al-Harith bin Umair al-Azdi.

Beliau membawa sepucuk surat kepada al-Harith bin Abi Syamir al-Ghassani, Raja Basrah yang menjadi wakil Herkules. Dalam surat itu, Baginda s.a.w. mengajaknya kepada Islam (ia merupakan antara surat yang diutuskan oleh Baginda s.a.w. kepada maharaja-maharaja dunia dan raja-raja Arab. Perutusan ini dilakukan selepas perdamaian Hudaibiyyah). Apabila utusan Baginda tiba di Mu'tah, salah seorang raja Arab Ghassan yang tunduk kepada Caesar Rom bertanya kepadanya: "Kamu mahu pergi ke mana? Boleh jadi kamu salah seorang utusan Muhammad?" Lantas utusan Baginda s.a.w. menjawab: "Ya." Lalu raja tersebut mengikat dan memenggal lehernya.

Berita pembunuhan tersebut sampai kepada Rasulullah s.a.w.. Baginda merasa amat sedih kerana tiada utusan Baginda yang dibunuh selain daripada beliau. Baginda mempersiapkan satu angkatan tentera Islam seramai 3,000 orang. Baginda melantik Zaid bin Harithah sebagai panglima mereka. Baginda berpesan, sekiranya Zaid mati syahid, mereka hendaklah melantik Jaafar bin Abi Tolib (sebagai penggantinya). Sekiranya Jaafar pula mati syahid, mereka hendaklah melantik Abdullah bin Rawwahah (sebagai pengganti seterusnya). Baginda mengarahkan Zaid mara ke tempat pembunuhan al-Harith bin Umair (di Mu'tah) dan menyeru penduduk di sana kepada Islam. Sekiranya mereka menolak seruan tersebut, tentera Islam hendaklah memohon pertolongan Allah dan memerangi mereka. Baginda berpesan kepada mereka dengan sabdanya:

*"Aku berpesan kepada kamu supaya bertaqwa kepada Allah dan berbuat baik kepada orang Islam yang bersama kamu. Perangilah sesiapa yang kufur kepada Allah dengan nama dan demi jalan Allah. Jangan kamu belot (jika diadakan perjanjian) atau mencuri rampasan perang (sebelum diagih-agihkan). Jangan kamu membunuh kanak-kanak, wanita, orang tua yang tak berdaya dan pendita yang memencilkan diri digereja. Jangan kamu memusnahkan pokok kurma, memotong pokok atau meruntuhkan binaan."*

Kemudian angkatan tentera Islam berangkat dengan mengharapkan keberkatan Allah. Rasul s.a.w. sendiri telah menghantar mereka berlepas (dari Madinah). Mereka terus berjalan sehingga sampai ke Ma'an<sup>5</sup>. Di sana, mereka mendapat berita bahawa Herkules telah menghimpunkan satu angkatan tentera yang besar. Angkatan tersebut telah berpangkalan di Maab, salah sebuah kampung al-Balqak (kawasan perkampungan yang dibangunkan oleh Damsyik. Kotanya dikenali dengan Amman). Mereka terdiri daripada bangsa Rom dan Arab yang menganut agama Nasrani. Bkoran itu, orang Islam telah bermesyuarat sesama mereka. Mereka berpandangan untuk meminta bantuan daripada Rasulullah s.a.w. atau Baginda memberi arahan lain untuk mereka lakukan. Namun Abdullah bin Rawwahah membangkang seraya berkata: "Demi Allah, peperangan yang kamu benci ini merupakan tujuan sebenar kamu keluar. Kamu mengejar mati syahid. Kita tidak memerangi manusia berdasarkan bilangan, kuantiti yang ramai mahupun kekuatan. Kita memerangi mereka hanya berbekalkan agama yang Allah muliakan kita dengannya. Sesungguhnya kesudahan perang ini hanya salah satu daripada dua kebaikan: sama ada kemenangan ataupun mati syahid."

Oleh itu, orang ramai bersetuju dengan beliau untuk memasuki kancah pertempuran.

Seterusnya, peperangan bermula. Zaid telah berperang sehingga syahid. Kemudian Jaafar bin Abi Tolib menerima panji-panji angkatan tentera Islam menggantikan beliau. Jaafar pada mulanya berperang di atas kudanya kemudian terpaksa turun dan berperang dengan berjalan kaki. Tangan kanannya telah terpotong, lantas dia memegang panji-panji Islam dengan tangan kirinya. Kemudiannya tangan kirinya pula terpotong. Lalu dia memeluk panji-panji itu sehingga akhirnya beliau r.a. turut syahid. Pada mayat beliau, terdapat lebih

---

<sup>5</sup> Sebahagian ulama memanggilnya Mu'an.

daripada 70 kesan luka antara tetapan pedang ataupun tikaman lembing. Kemudian Abdullah bin Rawwahah mengambil panji-panji tersebut dan berperang sehingga dia turut syahid. Setelah itu orang Islam bersepakat melantik Khalid bin al-Walid sebagai panglima tentera (ini adalah peperangan pertama yang beliau sertai setelah memeluk Islam). Beliau menggunakan kelicikan perangnya sehingga berjaya menyelamatkan angkatan tentera Islam daripada binasa. Dia pulang bersama-sama angkatan tentera Islam itu ke Madinah.

Pertempuran ini merupakan pertempuran pertama yang dilalui oleh orang Islam di luar semenanjung-tanah Arab untuk melawan Rom. Ia dinamakan sebagai Ghazwah sekalipun tidak dihadiri oleh Rasul s.a.w. kerana ramai bilangan pejuang yang terlibat dalam peperangan ini mencecah sehingga 3,000orang. Ini berbeza dengan bilangan tentera dalam sariyyah-sariyyah yang lain.

Rasulullah s.a.w. telah menggelarkan Khalid bin al-Walid dalam peperangan ini dengan gelaran "Saifullah" (Pedang Allah).

## 9. **Ghazwah al-Fath** ,

Ghazwah al-Fath merupakan peperangan membuka kota Makkah. Ia berlaku pada Ramadan, tahun ke-8 hijrah.

*Sebabnya*; perdamaian Hudaibiyah membolehkan mana-mana kabilah Arab melakukan pakatan dengan Rasulullah s.a.w.jika mereka mahu. Mereka juga bebas untuk melakukan pakatan dengan Quraisy. Bani Bakar telah bersetuju untuk melakukan pakatan dengan Quraisy, sementara Khuzaah bersetuju melakukan pakatan dengan Rasulullah s.a.w.. Pada tahun ke-8 hijrah, Bani Bakar melakukan pencerobohan ke atas Khuzaah. Mereka membunuh kira-kira 20 orang lelaki daripada Khuzaah. Quraisy turut terlibat membekalkan harta dan senjata kepada Bani Bakar. Apabila berita itu sampai kepada Rasul s.a.w., Baginda merasa amat marah, lantas mempersiapkan tentera Islam untuk memerangi Quraisy. Namun Baginda tidak mahu memberitahu orang ramai hala tuju tenteranya, supaya Quraisy tidak bersiap sedia. Jika Quraisy membuat persiapan menghadapi tentera Islam, ia akan mengakibatkan kehormatan Tanah Haram tercemar dan serata ceruknya akan dipenuhi cebisan-cebisan mayat (ramai nyawa yang terkorban).( Hatib bin Abi Baltaah al-Badariy telah mengutus surat secara rahsia ke Makkah, memberitahu penduduk Makkah berkenaan kedatangan Rasul untuk menyerang mereka. Namun, Allah telah memberitahu Rasul-Nya tentang surat tersebut. Baginda menghantar beberapa orang sahabatnya mengejar wanita yang membawa surat itu untuk memeriksanya. Mereka akhirnya menemui surat tersebut. Oleh itu, Rasul s.a.w. memanggil Hatib, seraya bersabda: "Apa yang mendorong kamu melakukan perbuatan ini?" Hatib menjawab: "Wahai Rasulullah, demi Allah, aku beriman dengan Allah dan Rasul-Nya. Aku tidak berubah atau menukar imanku. Namun, aku seorang lelaki yang tidak mempunyai asal-usul dan hubungan kekeluargaan dalam kaum itu (Quraisy). Sedangkan aku mempunyai anak dan keluarga yang tinggal dengan mereka. Oleh itu, aku berlagak baik dengan mereka untuk keselamatan kaum keluargaku."

Lantas Umar berkata: "Wahai Rasulullah, biarkan aku penggal lehernya. Sesungguhnya lelaki ini telah munafik." Rasulullah s.a.w. berkata kepada Umar: "Dia telah terlibat dalam Ghazwah Badar. Kamu tidak tahu boleh jadi Allah memerhati ahli-ahli Badar, lalu Dia berfirman: Lakukanlah apa yang kamu mahu. Sesungguhnya Aku telah mengampunkan kamu."

Rasul s.a.w. telah bertolak daripada Madinah pada 10 Ramadan. Dalam perjalanan tersebut Baginda telah berbuka puasa. Tindakan tersebut diikuti oleh orang ramai, ekoran kepenatan dan kesusahan yang mereka hadapi dalam perjalanan. Bilangan mereka ketika keluar dari Madinah seramai 10,000 orang. Dalam perjalanan beberapa kabilah Arab

bergabung dengan mereka. Ketika di Marr az-Zohron, pengawal-pengawal Rasulullah s.a. w. terserempak dengan Abu Suffian bersama dua orang temannya. Lalu para pengawal Baginda menahan dan membawa mereka mengadap Nabi s.a.w.. Kemudian Abu Suffian memeluk Islam.

Al-Abbas (Rasulullah telah menemuinya di pertengahan jalan. Al-Abbas ketika itu sedang menuju ke Madinah untuk berhijrah dan memeluk Islam) berkata: Abu Suffian seorang lelaki yang cintakan kemegahan. Anugerahkan kepadanya sesuatu yang boleh dibanggakannya. Maka Rasulullah bersabda:

*"Sesiapa yang masuk ke dalam rumah Abu Suffian, dia mendapat keamanan."*

Kemudian tentera Islam sampai di Makkah. Penyeru Rasulullah s.a.w. mengisytiharkan: "Sesiapa yang masuk ke rumahnya dan mengunci pintu, dia mendapat keamanan. Sesiapa yang memasuki masjid, dia mendapat keamanan. Sesiapa yang masuk ke dalam rumah Abu Suffian, dia juga mendapat keamanan." Namun, terdapat 15 orang lelaki yang melakukan jenayah besar terhadap Islam dan Rasulnya telah dikecualikan daripada jaminan keamanan tersebut.

Kemudian Rasulullah s.a.w. memasuki Makkah dengan menaiki tunggangannya. Baginda masuk Makkah dalam keadaan tunduk sehingga dahinya hampir-hampir menyentuh pelana tunggangannya, sebagai tanda bersyukur kepada Allah di atas kemenangan yang paling besar itu. Selepas itu Rasul s.a.w. tawaf di Baitullah dan menghapuskan berhala-berhala di sekelilingnya yang mencapai bilangan 360 buah. Kemudian Baginda memasuki Kaabah dan bersembahyang dua rakaat di dalamnya. Setelah selesai, Baginda berdiri di muka pintu Kaabah, sementara Quraisy mengintai-ngintai apakah yang akan diperbuat oleh Baginda kepada mereka. Antara kata-kata Baginda ketika itu ialah: "Wahai sekalian Quraisy, apakah yang kamu sangka aku akan lakukan kepada kamu?" Mereka menjawab: "Kebaikan. Kamu saudara yang mulia dan anak kepada saudara yang mulia." Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pada hari ini, aku katakan kepada kamu sebagaimana kata-kata saudaraku, Yusuf sebelum ini: "Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dia lah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani." (Yusuf: 92). Pergilah kamu. Kamu semua dibebaskan."

Kemudian orang ramai berhimpun di sekitar bukit Sofa untuk berbaiah dengan Rasulullah s.a.w. di atas nama Islam. Rasul s.a.w. duduk mengadap mereka di atas bukit Sofa. Baginda mengambil baiah dengan janji untuk mendengar dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya sedaya upaya mereka. Kaum lelaki telah melakukan baiah terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh wanita. Baginda tidak berjabat tangan dengan mana-mana wanita di kalangan mereka. Di antara wanita yang berbaiah ialah Hindun, isteri Abu Suffian. Hindun tergolong di kalangan orang yang telah diharamkan darahnya oleh Baginda pada hari pembukaan Makkah. Namun, apabila Baginda mengetahui beliau turut serta dalam baiah tersebut, Baginda memaafkan beliau disebabkan baiah yang dilakukannya itu.

Pada hari pembukaan Makkah tersebut, Rasulullah s.a.w. memerintahkan Bilal agar melaungkan azan solat Zohor di atas Kaabah. Quraisy yang hadir terkejut besar dengan perbuatan tersebut. Ketika itu mereka belum memeluk Islam lagi. Namun Rasulullah s.a.w. ingin perbuatan itu dilakukan dengan sengaja kerana ia mengandungi rahsia yang besar dan hikmah yang agung.

## **10. Ghazwah Hunain**

Ghazwah Hunain berlaku pada 10 Syawal tahun ke-8 hijrah, beberapa hari selepas pembukaan Makkah.

*Sebabnya*; apabila Allah membuka Makkah untuk Rasul-Nya, pemimpin-pemimpin Hawazin dan Thaqif menyangka setelah Rasulullah s.a.w. menyelesaikan masalah di Makkah, Baginda akan menghalakan serangan kepada mereka pula. Lantaran itu, mereka berazam untuk memulakan dahulu peperangan dengan Baginda. Mereka telah melantik Malik bin Auf sebagai ketua. Pada hari tersebut dia baru berusia 30 tahun. Malik telah memerintahkan mereka membawa segala harta, wanita-wanita, anak-anak dan binatang ternak bersama-sama ke medan perang. Dia mengarahkan demikian agar ia lebih mendorong mereka untuk terus berjuang. Bilangan pejuang mereka dalam pertempuran yang ditunggu-tunggu ini antara 20,000 hingga 30,000 orang.

Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w. mengisytiharkan kezaman Baginda untuk keluar memerangi mereka. Semua orang yang berada di Makkah turut keluar berperang. Mereka terdiri daripada para sahabat yang datang bersama Baginda dalam pembukaan Makkah dan orang-orang yang baru memeluk Islam. Rasulullah s.a.w. berjalan sebingga sampai ke Wadi Hunain, tiba-tiba Hawazin dan sekutu-sekutunya menyerang mereka dalam kesuraman subuh. Orang Islam telah menyerang balas menyebabkan musuh susut dan tewas. Kemudian orang Islam sibuk mengumpulkan harta rampasan perang. Oleh itu, orang musyrik kembali menyerang orang Islam dengan anak-anak panah sehingga ikatan barisan tentera Islam bercerai berai. Penduduk Makkah dan orang Islam yang baru memeluk Islam lari sedangkan Rasulullah s.a.w. tetap kekal bertahan di atas baghal Baginda, seraya bersabda:

*"Aku Nabi, tidak dusta. Aku keturunan Abdul Muttolib."*

Tersebar berita angin di kalangan orang Islam bahawa Nabi s.a.w. telah terbunuh. Kebanyakan mereka mencampak-kkan senjata lantaran berputus asa. Namun ada sekumpulan Muhajirin dan Ansor tetap berjuang di sekeliling Baginda. Al-Abbas (beliau seorang yang bersuara lantang) menyeru orang Islam: "Rasulullah masih hidup." Lalu orang Islam yang lari berpatah balik kepada Baginda. Bilangan mereka semakin ramai sehingga mereka mencapai kemenangan untuk kali kedua. Tentera Islam mengejar tentera musyrik, membunuh dan menawan mereka. Harta rampasan musuh amat banyak. Rasul s.a.w. terlebih dahulu membahagi-bahagikannya kepada golongan muallaf yang baru memeluk Islam, tanpa memberi apa-apa kepada Ansor berdasarkan keimanan dan kejujuran keislaman Ansor (yang tidak perlu lagi kepada balasan habuan keduniaan terhadap pengorbanan mereka).

Al-Quran telah turun berkenaan pertempuran ini:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ  
عَنكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾ ثُمَّ أَنْزَلَ  
اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ  
كَفَرُوا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦﴾

*Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan-medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri. Kemudian Allah menurunkan*



*semangat tenang tenteram kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah menurunkan tentera yang kamu tidak melihatnya, serta Dia menyiksa orang-orang kafir itu (dengan kekalahan yang membawa kehancuran); dan yang demikian itu ialah balasan bagi orang-orang yang kafir. (Maksud At-Taubah: 25-26)*

Peperangan ini adalah pertempuran penting yang terakhir berlaku antara Islam dan orang musyrik. Tak lama selepas itu, seluruh bangsa Arab telah memecahkan berhala-berhala dan memeluk agama Islam.

### **11. Ghazwah Tabuk**

Ghazwah Tabuk dinamakan juga dengan Ghazwah al-'Usrah (Peperangan yang Susah). Ia berlaku pada Rajab, tahun ke-9 hijrah. Tabuk ialah nama sebuah tempat yang terletak di antara Wadi al-Qura di bumi Hijaz dengan Syam.

Sebab peperangan ini ialah, Rom telah mengumpul angkatan tentera yang ramai di Syam termasuk daripada kabilah Lakhm, Juzam, Amilah dan Ghassan yang merupakan kaum Arab beragama Nasrani. Tujuan Maharaja Rom, Herkules mengumpulkan angkatan tentera tersebut adalah untuk menyerang Madinah dan menghapuskan negara yang baru terbina di semenanjung tanah Arab tersebut. Berita-berita tentang Madinah serta siri kemenangannya menimbulkan kebimbangan dan ketakutan kepada beliau.

Rasulullah s.a.w. mengajak orang ramai untuk keluar berperang. Waktu itu merupakan waktu amat susah dan panas. Orang-orang mukmin yang jujur menyahut seruan, tersebut dengan rela hati. Namun terdapat tiga orang yang tidak menyertai angkatan tersebut. Padahal mereka merupakan golongan beriman yang jujur. Rasul s.a.w. juga meminta golongan berada agar membiayai keperluan ketenteraan tersebut. Lantas mereka menyumbangkan harta benda yang banyak. Abu Bakar telah menyumbang seluruh hartanya, sejumlah 40,000 dirham. Umar pula menyumbang separuh hartanya. Sementara Othman turut menyumbang harta yang banyak. Beliau telah mempersiapkan satu pertiga keperluan tentera Islam, hinggakan Rasulullah s.a.w. mendoakan untuk beliau dengan sabdanya:

*"Selepas hari ini, apa-apa yang dilakukan Othman tidak akan memudaratkannya."*

Beberapa orang sahabat yang miskin datang bertemu Baginda lantaran mereka tidak mempunyai tunggangan yang boleh mereka naiki. Rasulullah s.a.w. bersabda:

*"Aku tidak dapat menyediakan tunggangan yang boleh membawa kamu."*

Oleh itu, mereka bersurai dengan air mata bergelincangan kesedihan lantaran tidak mempunyai apa-apa untuk disumbangkan. Manakala seramai lebih 80 orang munafik tidak menyertai peperangan ini. Terdapat juga segelintir Arab Badwi mengemukakan keuzuran kepada Baginda dengan alasan-alasan yang tidak benar. Walau bagaimanapun, Baginda tetap menerima alasan mereka itu.

Rasulullah s.a.w. berangkat dengan tenteranya seramai 30,000 orang pejuang dan 10,000 ekor kuda. Ia merupakan angkatan tentera paling besar yang pernah dilihat oleh Arab ketika itu. Baginda meneruskan perjalanannya sehingga sampai ke Tabuk. Baginda bermukim di situ selama kira-kira 20 malam tanpa menghadapi sebarang tipu daya daripada musuh, mahupun peperangan. Peperangan ini merupakan Ghazwah terakhir yang disertai oleh Rasulullah s.a.w.. Mengenai ghazwah ini, Allah Tabarak wa Taala berfirman:

لَقَدْ تَابَ اللَّهُ عَلَى النَّبِيِّ وَالْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ الْعُسْرَةِ مِنْ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبَ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ إِنَّهُ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾ وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خَلَفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوا أَن لَا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا ﴿١١٨﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٩﴾

*Sesungguhnya Allah telah menerima taubat Nabi dan orang-orang Muhajirin dan Ansar yang mengikutnya (berjuang) dalam masa kesukaran, sesudah hampir-hampir terpesong hati segolongan dari mereka (daripada menurut Nabi untuk berjuang); kemudian Allah menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah Amat Belas, lagi Maha Mengasihani terhadap mereka. Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditanggihkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan), dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepada-Nya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dia lah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani. (Maksud At-Taubah: 117-118)*

Turut diturunkan ayat-ayat yang menceritakan tentang sikap orang-orang munafik dan Arab Badwi yang meminta keuzuran agar tidak menyertai peperangan. Dalam ayat-ayat ini terdapat teguran Allah kepada Rasul-Nya yang menerima alasan mereka. Kamu akan menemui ayat-ayat ini dalam surah at-Taubah.

## **B) Pengajaran dan Pedoman**

Terlebih dahulu kita akan memperkatakan tentang pensyariatian perang dalam Islam, faktor-faktor dan kaedah-kaedah umumnya.

Rasul s.a.w. memulakan dakwah Baginda dengan seruan yang baik dan nasihat. Baginda membacakan kitab Allah kepada kaumnya. Di samping berbicara dengan mereka melalui hati dan akal, Baginda turut berbicara tentang perkara-perkara yang boleh mencelikkan mata mereka terhadap kepercayaan keberhalaan, khurafat, kesesatan dan kejahilan mereka. Namun kaumnya membalas seruan lembutnya itu dengan halangan dan ejekan. Kemudian dengan tuduhan yang direka-reka dan tindakan menyakiti (Baginda serta orang Islam). Akhirnya dengan komplot untuk membunuh Baginda. Sehingga Allah menyediakan satu tempat untuk dakwah Baginda yang membolehkan Baginda menetap dengan aman dan tenang. Namun begitu, di penempatan barunya itu, Baginda berhadapan pula dengan dua kekuatan yang menunggu-nunggu peluang untuk membinasakan Baginda:

a) Quraisy yang tidak lena tidur ekoran penghijrahan Nabi dan para sahabat Baginda ke Madinah. Apatah lagi penduduknya telah beriman dengan dakwah Baginda. Lantaran itu Baginda memperoleh kekuatan. Senario ini mengoyak-ngoyakkan lagi urat hempedu Quraisy (menaikkan lagi kemarahan mereka).

b) Yahudi. Sejak awal Nabi s.a.w. menetap di Madinah, Baginda bersungguh-sungguh untuk mengadakan hubungan damai dengan Yahudi. Namun Yahudi mempunyai perangai suka

berdengki, gemar melakukan tipu daya dan konspirasi. Oleh itu, belum sempat Nabi s.a.w. stabil di Madinah dan memperoleh kepemimpinan daripada Muhajirin dan Ansur, rasa dengki dan marah pemimpin-pemimpin Yahudi telah terpancar terhadap kepemimpinan Baginda. Kerana Baginda telah menyaingi mereka dan menguasai sepenuhnya Madinah.

Sepanjang tempoh Rasul s.a.w. menetap di Makkah, ayat-ayat al-Quran turun kepada Baginda memintanya agar bersabar terhadap kata-kata orang musyrik.

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَأَهْرُجْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

*Dan bersabarlah terhadap apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu), dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik. (Al-Muzzammil: 10)*

Setiap kali turun ayat-ayat yang menggesa agar Baginda bersabar terhadap tindakan orang-orang musyrik yang menyakiti mereka, setiap kali itu juga orang musyrik meningkatkan usaha menyakiti, melakukan tipu daya dan permusuhan terhadap orang Islam. Pada ketika itu, orang Islam tidak berupaya untuk menyekat angkara mereka. Ini disebabkan orang Islam ketika itu lemah dan bilangan mereka sedikit. Apabila kedudukan dan pengaruh Nabi.s.a.w. telah stabil di Madinah dan orang Islam mempunyai kekuatan dan perlindungan, mereka mula bersemuka dengan kekuatan dan permusuhan Quraisy. Mereka juga bersemuka dengan hasad dengki dan sifat keji Yahudi yang berkemungkinan menceroch mereka pada bila-bila masa. Islam adalah agama yang realistik. Islam tidak memejamkan mata daripada realiti dengan mengikut sangkaan waham atau nilai yang ideal di hadapan kaum yang tidak beriman dan tidak menghormati' nilai tersebut. Islam mestilah berlindung di belakang kekuatan dan bersedia untuk menghapuskan apa-apa pencerobohan. Islam juga terpaksa bertindak menghapuskan kekuatan dan kemampuan batil. Tindakan ini perlu agar medan dakwah terbuka dengan baik dan bebas. Ini membolehkan dakwah berdailog dengan akal, membersihkan jiwa, memperbaiki kefasadan dan menegakkan panji-panji kebaikan yang dijadikan petunjuk. Menara-menara api kebenaran akan menyinari jalan kepada sesiapa yang mencari petunjuk, kebaikan dan panduan.

Oleh kerana semua faktor ini dan faktor lain, Allah telah mensyariatkan perang kepada orang-orang mukmin pada tahun ke-2 hijrah, dengan menurunkan ayat-ayat berikut:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا ۖ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿١٦﴾ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَفُتِنَتِ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿١٧﴾ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿١٨﴾

*Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan*

tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: “Tuhan kami ialah Allah”. Dan kalau Allah tidak mendorong sesetengah manusia menentang pencerobohan sesetengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan. (Al-Hajj: 39-41)

Ayat di atas merupakan ayat-ayat pertama yang diturunkan berkenaan peperangan dan keizinan untuk terlibat dengannya. Eloklah kita meneliti sejenak, mengenali hikmah keizinan untuk berperang, faedah dan objektifnya:

1) Pada permulaan ayat disebut, orang-orang mukmin diizinkan berperang. Perkara yang sepatutnya diperhatikan; Allah menggunakan lafaz يُقْتَلُونَ (mereka yang diperangi) untuk orang-orang mukmin. Di antara kaedah bahasa Arab yang dimaklumi, apabila sesuatu hukum dihubungkan dengan mana-mana kata terbitan, ia memberi erti kata dasar perkataan itu menjadi 'illah (sebab) kepada hukum tersebut. Perkataan يُقْتَلُونَ (mereka yang diperangi) adalah kata terbitan daripada kata dasar المقاتلة (perang). Maksudnya: Orang-orang mukmin yang diizinkan berperang adalah golongan yang telah diperangi; iaitu golongan yang telah ditindas, disiksa dan diisytiharkan perang ke atas mereka. Ini jelas menunjukkan 'illah (sebab) keizinan kepada mereka untuk berperang ialah kerana berlakunya penindasan ke atas mereka sebelum ini. Dengan itu, perang tersebut berperanan menghapuskan pencerobohan terhadap mereka. Ia juga sebagai menangani tindakan pihak lain dengan tindakan yang sama. Ini sebagaimana firman Allah Taala:

الشَّهْرُ الْحَرَامُ بِالشَّهْرِ الْحَرَامِ وَالْحُرُمَتُ قِصَاصٌ ۚ فَمَنْ أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَأَعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا  
 أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ ... ﴿١٩٤﴾

Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu... (Al-Baqarah: 194)

Juga firman-Nya:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا ... ﴿٤٠﴾

Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya... (As-Syura: 40)

2) Ayat ini juga mengandungi kenyataan bahawa orang Islam telah diperangi dan dicerobohi secara zalim tanpa sebarang alasan yang wajar. Ini terkandung dalam firman

Allah; oleh kerana mereka dizalimi. Justeru itu, orang-orang mukmin di Makkah bukanlah golongan yang zalim mahupun kejam. Mereka hanyalah golongan yang mempertahankan aqidah. Mereka juga merupakan golongan yang menyeru kaum mereka untuk membebaskan diri daripada sangkaan waham, khurafat dan akhlak yang buruk.

3) Dalam ayat yang kedua pula terdapat keterangan berkenaan fakta-fakta berkaitan penindasan yang berlaku dalam sejarah. Ia menyatakan orang-orang mukmin yang diizinkan berperang ini telah diusir keluar daripada kampung halaman mereka. Tiada kezaliman yang lebih dahsyat; daripada perbuatan mengusir manusia dari negara tumpah darahnya dan perbuatan menghalau dari tanahnya.

4) Dalam ayat ini juga, terdapat penjelasan tentang sebab yang menjadi punca orang-orang mukmin ini diusir dari kampung halaman mereka. Puncanya; pegangan mereka berbeza dengan kaum mereka. Iaitu dalam soal anutan ajaran berhala dan penyembahan tuhan-tuhan palsu. Mereka menyembah Allah yang Satu lagi Esa. Oleh itu, golongan mukmin telah ditindas kerana soal aqidah. Kafir Quraisy tidak mahu mereka mempunyai kebebasan dalam soal tersebut.

5) Selagi mana orang-orang mukmin tidak memiliki kebebasan beraqidah, selagi itulah peperangan dibolehkan. Kerana peperangan disyariatkan untuk menjamin kebebasan aqidah ini. Pada kebiasaannya, kebebasan dalam soal aqidah merupakan nilai hidup yang paling dibanggakan oleh manusia.

6) Kemudian Allah menjelaskan faedah peperangan yang disyariatkan kepada orang mukmin. Ia tidak terbatas kepada jaminan kebebasan beragama bagi kelompok mereka sahaja, bahkan pengikut-pengikut agama Samawi yang lain, Yahudi dan Nasrani turut mendapat faedah. Pada hari tersebut orang Islam berperang dengan golongan penyembah berhala yang tidak mempunyai agama. Jika orang-orang mukmin kuat, mereka berupaya melindungi tempat-tempat ibadat Yahudi dan Nasrani di samping melindungi masjid-masjid. Mereka berperang agar golongan penyembah berhala dan atheis tidak berkuasa. Orang mukmin berperang untuk menyekat golongan tersebut dari-pada memerangi agama-agama Ilahi dan menutup tempat-tempat ibadat mereka. Perkara tersebut jelas dalam firman-Nya dalam ayat ini: tempat pertapaan rahib-rahib-dinamakan juga biara, gereja-gereja Nasrani dan rumah ibadat Yahudi.

Dengan itu, jelas peperangan dalam Islam bukan untuk memusnahkan agama-agama Samawi mahupun meruntuhkan tempat-tempat ibadatnya. Bahkan untuk melindungi agama-agama ini daripada penguasaan golongan atheis dan penyembah berhala, dan menghalang mereka daripada memusnah dan menutup tempat-tempat ibadat.

7) Dalam ayat ketiga pula, terdapat keterangan berkenaan natijah yang diperolehi daripada kemenangan orang-orang mukmin dalam peperangan yang disyariatkan ini. Kemenangan orang-orang mukmin dalam perang tidak mengakibatkan bangsa-bangsa lain dijajah, sumber alam mereka dikuasai, kekayaan negara mereka dirampas atau maruah mereka dihina. Bahkan ia menatijahkan kemaslahatan kemanusiaan dan faedah komuniti-komuniti manusia, iaitu:

- a) Menyebarkan kerohanian yang tinggi dalam alam sejagat menerusi jalan ibadat. (mereka mendirikan solat).
- b) Menyebarkan keadilan aosial antarabangsa-bangsa menerusi jalan zakat. (mereka mengeluarkan zakat).
- c) Merealisasikan kerjasama demi kebaikan masyarakat, kemuliaan dan peningkatan tarafnya. (mereka menyuruh perkara kebaikan).

- d) Bekerjasama membanteras kejahatan jenayah dan kerosakan. (mereka mencegah kemungkaran).

Ini merupakan hasil kemenangan orang-orang mukmin dalam peperangan mereka dengan musuh-musuh. Ia akan menegakkan negara Islam, yang bekerja demi meningkatkan ketinggian rohani dan amalan saling bantu-membantu dalam masyarakat. Begitu juga, kedudukan manusia ditingkatkan melalui jalan kebaikan di samping bekerja menghalang keruntuhannya akibat jalan kejahatan. Apakah matlamat kemanusiaan yang lebih mulia berbanding matlamat yang diletakkan dalam pensyariatan perang dalam Islam ini? Adakah matlamat peperangan lain yang pernah diketahui oleh bangsa-bangsa dahulu mahupun sekarang, yang menyamai matlamat ini? Sama ada dari segi faedahnya yang meliputi semua manusia, mahupun pembinaan komuniti-komuniti masyarakatnya? Proses pembinaan masyarakat ini dilaksanakan dengan langkah yang membawa kepada peningkatan dan kemajuan kemanusiaan yang konstruktif, tanpa berpatah kembali kepada era jahiliah yang pertama. Era jahiliah yang pertama adalah zaman yang dipenuhi kebebasan tanpa batas, terungkainya nilai-nilai akhlak, ketidakpercayaan kepada Tuhan (atheisme), peperangan dan pertumpahan darah. Gejala ini telah berlaku dalam proses pembangunan yang dilakukan dalam tamadun material Barat.

Apabila kita telah mengetahui objektif dan matlamat Islam membenarkan peperangan, kita akan memahami erti sebenar kata-kata "perang di jalan Allah". Jihad di jalan Allah adalah jihad untuk merealisasikan kebaikan, kesejahteraan, ketinggian dan keadilan dalam masyarakat. Sabilillah bermaksud jalan menuju kepada Allah. Jalan menuju kepada Allah tidak akan tercapai kecuali menerusi jalan kebaikan, kasih sayang serta kerjasama dalam kebajikan dan taqwa. Bukan melalui kerjasama dalam perkara dosa dan permusuhan.

Ini merupakan perbincangan ringkas berkenaan objektif-objektif pensyariatan perang dalam Islam dan sebab-sebab sejarah mengapa peperangan diizinkan. Seterusnya, kita akan membicarakan tentang pengajaran dan pedoman yang terkandung dalam pertempuran-pertempuran awal Islam pada zaman Rasul s.a.w. Saya ingin membicarakan pengajaran setiap pertempuran ini satu persatu. Namun masa adalah singkat. Pembicaraan sedemikian akan mengambil ruang berpuluh-puluh halaman muka surat. Oleh itu, saya terpaksa mengumpulkan semua pengajaran-pengajaran ini sekaligus. Bagi setiap pertempuran, saya sebutkan lebih daripada satu pengajaran. Semoga saya dapat menghuraikan pengajaran-pengajaran bagi setiap pertempuran secara terperinci dan satu persatu di kesempatan lain, insya Allah. Moga-moga saya juga diberi kelapangan masa dan sembuh daripada penyakit.

1. Pertempuran pertama yang dibicarakan ialah Ghazwah Badar. Nabi s.a.w. telah keluar untuk menghalang kafilah dagang Quraisy yang dalam perjalanan pulang ke Makkah dari Syam. Namun kafilah tersebut dapat menyelamatkan diri mereka. Dalam masa yang sama tentera musyrik telah bertekad untuk berperang. Fakta pertempuran Badar telah kami sebutkan sebelum ini. Usaha menyekat kafilah dagang Quraisy ini bukan menunjukkan keinginan untuk mengambil harta atau menyamun di jalan, sebagaimana yang didakwa oleh para orientalis; pereka-cipta fitnah. Bahkan usaha tersebut didorong oleh tujuan menuntut ganti rugi daripada Quraisy. Tuntutan ini dibuat dengan cara mengambil harta dagangan mereka sebagai bayaran "ganti bagi harta-harta Muhajirin yang telah dirampas oleh mereka. Quraisy telah memaksa Muhajirin atau kebanyakan mereka meninggalkan rumah, tanah dan harta mereka. Sesiapa yang diketahui telah berhijrah dan tiada lagi di Makkah, rumahnya akan dijual dan harta-hartanya dirampas. Undang-undang membalas tindakan pihak lain dengan tindakan yang sama, telah diperakui dalam undang-undang antarabangsa hari ini. Undang-undang ini mengharuskan perbuatan seumpama ini, sebagaimana yang berlaku

antara kita dengan Israel. Yang penting untuk kita beri perhatian, Ghazwah Badar ini telah didahului oleh tujuh percubaan menghalang rombongan dagang Quraisy. Mereka yang terlibat dalam percubaan-percubaan ini hanyalah di kalangan Muhajirin. Tiada seorangpun Ansor yang dihantar dalam percubaan-percubaan tersebut. Ini kerana, sekiranya Muhajirin menghalang kafilah dagang Quraisy dan menguasainya, Muhajirin melakukannya dengan hak yang diperakui oleh semua undang-undang; baik undang-undang Ilahi, mahupun perundangan wadhie (ciptaan manusia). Kami nyatakan tujuh percubaan tersebut:

1. *Pengutusan Hamzah pada awal bulan yang ke-7 selepas Hijrah.*
2. *Sariyyah 'Ubaidah bin al-Harith pada awal bulan ke-8 selepas Hijrah.*
3. *Sariyyah Saad bin Abi Waqqas pada awal bulan ke-9 selepas Hijrah.*
4. *Ghazwah Waddan pada bulan ke-12 selepas Hijrah.*
5. *Ghazwah Buwat pada awal bulan ke-13 selepas Hijrah.*
6. *Ghazwah Badar al-Ula juga pada bulan 13 selepas Hijrah.*
7. *Ghazwah al-'Asyirah pada awal bulan ke 16 selepas Hijrah.*

Semua anggota sariyyah dan ghazwah ini terdiri daripada kaum Muhajirin sahaja. Tiada seorang Ansor pun di kalangan mereka. Ini memperkuat huraian yang kami telah katakan.

2. Kemenangan dalam pertempuran bukan bergantung dengan kuantiti atau kelengkapan persenjataan sahaja, tetapi dicapai dengan kekuatan roh maknawi yang dimiliki oleh tentera. Tentera Islam dalam pertempuran-pertempuran ini mewakili aqidah yang suci, iman yang menyala-nyala, kegembiraan untuk mati syahid, juga keinginan mendapat pahala dan syurga Allah. Mereka juga mewakili kegembiraan kerana bebas merdeka daripada kesesatan, perpecahan dan kerosakan. Sementara tentera orang musyrik pula mewakili aqidah yang rosak, akhlak yang punah, ikatan sosial yang terlerai, tenggelam hanyut dalam kelazatan dunia serta asobiyah yang membuta tuli kepada adat resam yang lapuk, nenek moyang yang lalu dan tuhan-tuhan yang palsu.

Lihatlah tindak-tanduk yang dilakukan oleh kedua-dua angkatan tentera tersebut sebelum peperangan bermula. Sebelum peperangan bermula, orang musyrik berkeras untuk berpengkalan selama tiga hari (di Badar). Tujuan mereka ialah untuk berpesta arak sambil didendangkan nyanyian oleh penyanyi-penyanyi wanita dan diiringi pula dengan paluan gendang serta menyalakan unggun-unggun api di persekitaran mereka. Semua ini dilakukan agar bangsa Arab mendengar dan berasa gerun terhadap mereka. Mereka menyangka tindakan tersebut sebagai cara untuk mencapai kemenangan. Sebaliknya, sebelum peperangan bermula, orang Islam menghadapkan hati-hati mereka kepada Allah, memohon daripada-Nya kemenangan, mengharap-harapkan mati syahid dan menghidu bau-bauan syurga. Rasul s.a.w. menyungkur sujud dengan penuh rendah diri meminta Allah menolong hamba-hamba-Nya yang beriman. Natiujahnya golongan yang bertaqwa lagi khusyuk beroleh kemenangan, manakala golongan yang leka dan berpoya-poya ditimpa kekalahan.

Sesiapa yang membandingkan bilangan tentera Islam dengan bilangan tentera musyrik dalam setiap pertempuran, dia akan dapati bilangan tentera musyrik jauh lebih ramai daripada tentera Islam. Meskipun begitu, kemenangan berpihak kepada orang Islam, termasuklah pertempuran Uhud dan Hunain yang telah dimenangi oleh orang Islam. Jika tidak kerana kesilapan yang dilakukan oleh tentera Islam dalam kedua-dua pertempuran dan tindakan mereka melanggar arahan Rasulullah s.a.w., nescaya orang Islam tidak akan menemui kekalahan langsung.

3. Kekuatan azam angkatan tentera, semangat untuk mengharungi pertempuran dan kegembiraan untuk bertemu musuh merupakan faktor-faktor yang mendorong panglima perang melaksanakan perancangannya. Faktor ini juga meyakinkannya untuk mencapai kejayaan dan kemenangan. Fenomena ini berlaku sebagaimana dalam pertempuran Badar.

4. Seorang panglima tentera tidak sepatutnya memaksa tenteranya untuk berperang atau mengharungi medan-medan pertempuran, sekiranya mereka tidak berminat dan tidak bersemangat untuk berperang. Dia tidak bertindak sedemikian sehinggalah dia benar-benar pasti tentang kerelaan dan semangat mereka. Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Baginda telah meminta pandangan sahabat-sahabatnya sebelum memasuki kancah pertempuran.

5. Sikap waspada tentera bawahan terhadap keselamatan nyawa pemimpin mereka merupakan tindakan yang diputuskan oleh keinginan untuk mencapai kejayaan dalam pertempuran dan dakwah. Seseorang pemimpin perlu menerima keputusan itu kerana hidupnya bererti hidupnya dakwah. Kehilangan nyawanya pula bererti kekalahan dalam pertempuran.

Kita dapat lihat dalam pertempuran Badar, bagaimana Rasul s.a.w. menerima dengan rela hati khemah ditegakkan khas untuk Baginda. Kita juga dapat lihat dalam pertempuran lain: Uhud dan Hunain, bagaimana orang-orang mukmin dan mukminat yang jujur dengan keimanannya melingkungi dan melindungi Rasul mereka daripada panahan musuh. Sehingga mereka menjadikan diri mereka sebagai perisai. Baginda s.a.w. tidak pernah melarang tindakan mereka padahal Baginda seorang yang berani dan mendapat sokongan Allah. Bahkan Baginda telah memuji para sahabat yang mempertahankannya. Baginda memuji keberanian dan mendoakan Nasibah, Ummu 'Umarah kerana melindunginya. Baginda berdoa agar beliau, suami dan anak-anaknya menjadi teman Baginda di syurga kelak.

6. Allah Tabarak wa Taala menghantar tentera-tentera-Nya mengelilingi hamba-hamba-Nya yang beriman lagi jujur dalam pertempuran-pertempuran mereka. Dia menurunkan para malaikat pada hari peperangan Badar dan menghantar angin kencang pada hari peperangan Ahzab.

Selagimana orang-orang mukmin berperang di jalan-Nya, Allah tidak akan meninggalkan mereka sendirian lantaran Dia telah berfirman:

وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

*Dan sememangnya menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman. (Ar-Rom: 47)*

إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ ءَامَنُوا ۗ

*Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman. (Al-Hajj: 38)*

Antara peribadi pendakwah yang jujur ialah diaberharap agar musuh-musuhnya mendapat hidayah. "Dia juga membuka ruang kepada mereka (untuk beriman), dengan harapan moga-moga Allah mencampakkan petunjuk ke dalam hati mereka. Oleh itu kita dapat memahami rahsia mengapa Rasul s.a.w. cenderung untuk mengambil bayaran tebusan bagi tawanan perang Badar. Baginda berharap agar Allah akan memberi petunjuk kepada mereka. Baginda juga berharap zuriat selepas mereka akan menyembah Allah dan berdakwah kepada-Nya. Al-Quran al-Karim menegur tindakan Rasul s.a.w. tersebut kerana terdapat kemaslahatan lain bagi Islam ketika itu. Iaitu untuk menggerunkan musuh-musuh Allah dan



membanteras ketua-ketua penganjur fitnah dan kesesatan. Sekiranya tawanan-tawanan perang Badar dibunuh, nescaya penentangan Quraisy akan lemah. Kerana pemimpin-pemimpin mereka serta golongan yang mengapi-apikan fitnah untuk menentang orang Islam telah dihapuskan.

Rahsia lain Rasul s.a.w. menerima bayaran tebusan ialah; al-'Abbas, bapa saudara Rasul s.a.w. turut menjadi tawanan perang Badar. Al-'Abbas mempunyai beberapa jasa membantu Rasul s.a.w. sebelum beliau mengumumkan keislamannya. Beliau telah hadir bersama Baginda dalam peristiwa Baiah Aqabah Kedua yang berlangsung secara rahsia. Dia juga melaporkan kepada Rasul setiap pergerakan Quraisy. Bagi saya, perkara ini menunjukkan beliau merupakan seorang orang Islam yang menyembunyikan keislamannya. Bagaimana Rasul boleh membunuhnya sedangkan inilah kedudukan beliau bersama Baginda? Jika al-'Abbas seorang Islam dan Rasul s.a.w. menjatuhkan hukuman bunuh ke atasnya, Baginda melanggar syariat yang mengharamkan pembunuhan seorang muslim. Sekiranya beliau seorang musyrik, syariat Islam tidak membezakan antara kaum kerabat mahupun orang asing. Syariat bersikap tegas dan memusuhi sesiapa saja yang memerangi Allah dan Rasul-Nya. Orang musyrik dan munafik pula akan merebut peluang ini untuk mengheboh-hebohkan diskriminasi ini. Mereka juga akan menggunakan peluang ini untuk melemahkan kepercayaan terhadap keadilan dan kebersihan Baginda daripada pengaruh hawa nafsu dalam segala tindak tanduknya. Perkara ini tidak membawa apa-apa kemaslahatan kepada dakwah.

8. Melanggar arahan pemimpin yang tegas dan jauh pandangannya akan membawa kepada kerugian dalam pertempuran. Ini terjadi dalam Ghazwah Uhud. Jika para pemanah yang ditempatkan oleh Rasulullah s.a.w. di belakang tentera Baginda tetap tidak berganjak dari tempat mereka sebagaimana yang diarahkan, nescaya tentera musyrik tidak dapat mengepung tentera Islam. Tentera musyrik juga tidak akan berjaya menukar kekalahan mereka pada permulaan pertempuran kepada kemenangan. Demikianlah kesan melanggar perintah pemimpin. Ia boleh menyenapkan peluang dan memberi kemenangan kepada musuh. Allah telah memberi amaran azab kepada orang-orang mukmin sekiranya mereka melanggar perintah Rasul mereka. Dia berfirman:

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٣﴾

*Beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak ferperi sakitnya. (An-Nur: 63)*

9. Tamak kepada harta rampasan perang dan lain-lain habuan kebendaan akan membawa kepada kegagalan seterusnya kekalahan. Ini berlaku dalam pertempuran Uhud, iaitu apabila para pemanah meninggalkan pos-pos mereka lantaran tamak untuk merebut harta rampasan perang. Situasi begini juga terjadi dalam pertempuran Hunain apabila orang Islam telah menang pada permulaannya. Sebahagian mereka merasa tamak kepada harta rampasan perang, lalu berhenti daripada mengejar musuh yang berundur. Akibatnya musuh kembali menyerang orang Islam dan mereka tewas. Jika bukan kerana sokongan Allah dan keteguhan Rasul s.a.w. bersama tentera mukmin yang jujur di sekelilingnya untuk tetap bertahan, nescaya kekalahan tersebut tidak akan bertukar kepada kemenangan besar sebagaimana yang berlaku.

Demikian juga sikap tamak para pendakwah terhadap habuan dunia dan tindakan mereka menghimpun harta, rumah dan tanah. Sikap ini akan menjejaskan dakwah dan memberi kesan negatif kepada jiwa manusia. Ia menyebabkan orang ramai meragui kejujuran pendakwah terhadap apa yang diserunya. Ia juga akan mendorong manusia menuduhnya

melakukan dakwah bukan kerana keredhaan Allah 'Azza wa Jalla. Bahkan demi mengumpul puing-puing habuan dunia dengan memper-gunakan nama agama dan pengislahan. Anggapan sedemikian merupakan halangan orang ramai untuk menerima agama Allah. Anggapan ini juga memburukkan imej sesiapa sahaja yang menyeru kepada pengislahan sekalipun dia jujur dan ikhlas.

10. Dalam peperangan Uhud keteguhan Nasibah, Ummu 'Ammarah bersama suami dan anak-anaknya untuk terus tetap berdiri mengelilingi Rasulullah s.a.w. ketika pertahanan tentera Islam bolos, menjadi salah satu bukti penglibatan besar wanita Islam dalam perjuangan dakwah Islam. Ia juga menjadi bukti terhadap keperluan kita pada hari ini kepada wanita Islam yang memikul bebanan dakwah kepada Allah. Wanita Islam berperanan untuk berdakwah kepada Allah di tengah kelompok pemuda, isteri dan ibu. Mereka juga berperanan mengasuh anak-anak untuk mencintai Allah dan Rasul-Nya, berpegang dengan Islam dan ajarannya, juga bekerja untuk kebaikan dan kemurnian masyarakat.

Selagi mana medan dakwah tidak disertai oleh pendakwah di kalangan pemuda Islam atau bilangan mereka tidak mencukupi, selagi itulah dakwah akan terus melangkah pendek dan gerakan islah akan terus tempang. Situasi ini akan berterusan sehinggalah separuh umat ini (golongan wanita) mendengar dakwah kebaikan. Seterusnya, sanubari dan hati-hati mereka tersedar untuk mencintai kebajikan, tampil maju untuk agama dan segera berpegang dengan ikatannya yang kukuh.

11. Kecederaan Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Uhud merupakan perangsang kepada para pendakwah agar bersabar menghadapi segala cabaran yang menimpa mereka di jalan Allah. Sama ada berbentuk kesakitan tubuh badan, sekatan kebebasan dengan dipenjarakan mahupun ditangkap ataupun dihukum mati mahupun dibunuh. Allah Taala telah berfirman dalam kitab-Nya yang mulia:

الْمَرْءُ إِحْسَبُ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكَوَأَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿١٠٠﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ  
مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿١٠١﴾

*Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benar-nya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta. (Al-Ankabut: 1-3)*

12. Perbuatan orang musyrik mengkelar mayat tentera Islam dalam peperangan Uhud, khususnya Hamzah, bapa saudara Rasul s.a.w., merupakan bukti jelas bahawa musuh Islam tidak berperikemanusiaan dan tidak berhati peruti. Mengkelar si mati bukanlah menyakitinya sebagaimana kambing yang disembelih tidak merasa sakit kulitnya disiat. Namun ia menjadi bukti kebencian yang bersarang di jiwa mereka. Perasaan benci ini terserlah melalui perbuatan-perbuatan ganas sebegini. Tindakan kejam ini menyakiti perasaan manusia yang hidup dan berperikemanusiaan.

Sebagaimana tindakan orang musyrik terhadap mayat tentera Islam pada peperangan Uhud, demikianlah juga kita dapat melihat perlakuan Yahudi terhadap mayat orang Islam

yang terbunuh dalam pertempuran Palestin. Tindakan kejam kedua-dua golongan ini terbit daripada sumber yang satu, iaitu jiwa mereka yang tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat. Itulah tanda kebencian mereka terhadap orang-orang beriman kepada Allah, Rasul-rasul-Nya dan hari Akhirat dengan iman yang benar lagi jujur.

13. Tindakan Rasul s.a.w. menerima cadangan al-Hubab bin al-Munzir agar berpindah dari tempat pertempuran yang dipilih Baginda pada peperangan Badar, begitu juga ketika peperangan Khaibar, meruntuhkan rasa bongkak golongan diktator yang menguasai rakyat tanpa kemahuan dan kerelaan mereka. Golongan ini mendakwa diri mereka bijaksana dan berpandangan jauh. Ini mendorong mereka memperlekehkan kemahuan rakyat. Mereka juga mengengapikan cadangan para intelek, bijak pandai dan tokoh pemikir. Padahal Rasulullah s.a.w. (yang Allah tahu mempunyai sifat-sifat paling kamil yang melayakkan Baginda membawa risalah paling akhir dan paling sempurna) menerima pandangan para sahabatnya yang pakar dalam hal ehwal ketenteraan dan bentuk bumi yang diperlukan dalam pertempuran. Baginda tidak berkata: "Aku Rasulullah. Padaku, cukup apa yang aku suruh atau apa yang aku larang. Aku tak perlu kepada yang lain." Bahkan, Baginda menerima cadangan dan buah fikiran mereka dalam urusan yang wahyu tidak diturunkan kepada Baginda. Bagaimana pula dengan kebanyakan penguasa yang kita lihat mereka tidak mempunyai apa-apa kelebihan akal, ilmu atau pengalaman berbanding orang ramai? Bahkan kelebihan mereka terletak kepada cengkaman mereka ke atas jentera pemerintahan setelah dia berpeluang menguasainya. Apatah lagi dengan golongan yang mempunyai pengetahuan, ilmu dan pengalaman yang lebih rendah daripada kebanyakan rakyat di bawah pemerintahan mereka? Tidakkah menjadi kewajipan mereka meminta pandangan para bijak pandai, menerima nasihat para penasihat dan mengambil kepintaran mereka yang berpengalaman?!

Peristiwa-peristiwa sejarah yang dekat mahupun yang lampau, menunjukkan kepada kita bahawa kesombongan diktator telah membinasakan mereka dan umat. Dia menghancurkan umat ke jurang yang dalam dan sukar untuk didaki kembali melainkan selepas puluhan atau ratusan tahun. Oleh itu, tindakan Rasul s.a.w. menerima pandangan al-Hubab dalam peperangan Badar dan Khaibar menjadi contoh teladan kepada setiap pemerintah yang ikhlas, setiap panglima yang bijak dan setiap pendakwah yang jujur.

Antara slogan pemerintahan dalam Islam yang paling tertonjol ialah konsep syura.

وَأْمُرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

*Dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat (bersyura) sesama mereka. (As-Syura: 38).*

Manakala sifat paling terserlah bagi pemerintah Islam yang terbilang dalam sejarah; dia meminta pandangan orang lain dan tidak bersikap kuku besi. Dia bertukar-tukar pandangan dengan pakar-pakar yang berkecimpung secara khusus dalam setiap isu yang dikendalikannya.

وَشَاوَرَهُمْ فِي الْأَمْرِ

*Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-Hal keduniaan) itu. (Ali Imran: 159)*

فَسْئَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

*Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika: kamu tidak mengetahui. (An-Nahl: 43 & Al-Anbiya: 7)*

14. Posisi Baginda berada di barisan hadapan dalam setiap pertempuran dan penglibatan Baginda dalam kancah peperangan bersama tentera Islam (kecuali dalam peperangan yang dicadangkan oleh para sahabat Baginda untuk tidak berbuat demikian), menjadi dalil bahawa jawatan kepimpinan hanya disandang oleh seorang yang berani dan tetap teguh pendiriannya. Mereka yang pengecut dan lemah tidak layak memimpin rakyat, menerajui tentera, atau untuk mengepalai gerakan-gerakan pengislahan dan dakwah kebaikan. Keberanian pemimpin dan pendakwah yang dilihat menerusi tindak tanduk dan gerak kerja beliau akan menaikkan semangat dan motivasi tentera juga penyokongnya. Ia lebih ampuh berbanding 1,000 pidato bersemangat yang disampaikan di khalayak ramai. Menjadi kebiasaan tentera bawahan dan para penyokong untuk mengambil bekalan kekuatan daripada keutuhan panglima dan pemimpin mereka. Sekiranya semasa berlaku pertembungan pemimpin bersikap pengecut dan lemah di saat-saat genting, beliau akan merosakkan perjuangan. Sedangkan beliau yang mengangkat panji-panjinya. Sikap beliau tersebut benar-benar merosakkan perjuangan.

15. Tentera bawahan dan penyokong dakwah tidak boleh melanggar arahan pemimpin yang tegas lagi berpandangan jauh dalam sesuatu perkara yang diputuskan oleh beliau. Setelah mereka bertukar-tukar pendapat dan mengemukakan pandangan kepadanya, pemimpin yang memikul tanggungjawab paling besar seperti ini patut diberi kepercayaan. Sekiranya selepas perbincangan tersebut, beliau memutuskan sesuatu perkara, mereka mestilah mentaatinya. Ini sebagaimana yang berlaku kepada Rasulullah s.a. w. semasa perdamaian al-Hudaibiyah. Rasul s.a.w. telah memilih syarat-syarat perdamaian. Ternyata syarat-syarat ini membawa kemaslahatan kepada dakwah. Perdamaian itu merupakan kemenangan politik kepada Baginda. Bilangan orang yang baru beriman dalam tempoh dua tahun selepas perdamaian itu meningkat berkali-kali ganda berbanding bilangan mereka yang memeluk Islam sebelumnya. Kejayaan ini tercapai sedangkan para sahabat merasa sukar untuk menerima sesetengah syarat perdamaian tersebut. Hinggakan sebahagian mereka telah terkeluar daripada adab sopan santun yang sepatutnya dijaga ketika berurusan dengan Rasul atau pemimpinnya. Fenomena yang sama terjadi kepada Abu Bakar semasa kes-kes murtad mula timbul (di kalangan kabilah-kabilah Arab). Semua sahabat berpandangan agar tidak keluar memerangi golongan murtad itu. Sebaliknya Abu Bakar berpandangan mereka perlu memerangi golongan tersebut. Apabila beliau memutuskan demikian, mereka mentaatinya. Mereka bertungkus lumus berperang. Ternyata keputusan yang diambil oleh Abu Bakar untuk memerangi golongan murtad tersebut, itulah yang memperkukuhkan Islam di semenanjung tanah Arab. Ia juga membolehkan orang-orang mukmin menjelajah serata ceruk bumi selaku pembuka negara, pembawa petunjuk dan pemberi pedoman.

16. Di antara permintaan Rasul s.a.w. kepada Nu'aim bin Mas'ud dalam Ghazwah Ahzab ialah agar dia memecahkan kerjasama antara tentera bersekutu sedaya upayanya. Permintaan ini menjadi dalil bahawa melakukan tipu daya dalam memerangi musuh adalah diakui syara', sekiranya tipu daya tersebut boleh membawa kemenangan. Setiap cara yang membawa kemenangan (dalam perang) dan mengurangkan pertumpahan darah adalah diterima dari perspektif Islam, kecuali belot dan khianat. Permintaan ini merupakan kebijaksanaan politik dan strategi ketenteraan Rasul s.a.w. Ia tidak menafikan prinsip-prinsip akhlak Islam. Maslahat mengurangkan bilangan mangsa perang merupakan maslahat kemanusiaan. Maslahat mengalahkan kejahatan, kekufuran dan fitnah juga merupakan maslahat kemanusiaan dan maslahat akhlak. Oleh itu, menggunakan tipu daya dalam pertempuran selaras dengan akhlak kemanusiaan yang melihat peperangan sebagai satu kejahatan yang besar. Sekiranya keadaan darurat menuntut berlakunya peperangan, menjadi kewajipan untuk

menamatkannya dengan apa cara sekalipun. Ini kerana perkara darurat dilakukan sekadarnya sahaja. Allah mensyariatkan peperangan hanya untuk memelihara agama, umat atau bumi. Oleh itu, melakukan tipu daya yang membawa kepada kekalahan musuh merupakan satu usaha mempercepat-kememenangan hak. Oleh itu, diriwayatkan daripada Rasul s.a.w. dalam Ghazwah Ahzab, Baginda bersabda kepada Nu'a'im bin Mas'ud:

### الْحَرْبُ خُدْعَةٌ

*"Perang adalah tipu daya."*

Ini merupakan prinsip yang diterima pakai dalam semua syariat dan undang-undang.

17. Rasulullah s.a.w. menerima cadangan Salman untuk menggali parit sedangkan teknik ini tidak pernah diketahui oleh bangsa Arab sebelum itu, menjadi dalil bahawa Islam tidak menyekat untuk menggunakan pengalaman bangsa-bangsa lain yang memberi faedah kepada umat dan manfaat kepada masyarakat. Tidak ragu-ragu lagi, penggalian parit memberi faedah besar kepada usaha mempertahankan Madinah daripada bahaya tentera bersekutu Quraisy. Tindakan Rasulullah s.a.w. menerima cadangan ini juga menjadi bukti sikap fleksibel dan kesediaan Baginda s.a.w. untuk menerima perkara-perkara baik yang terdapat di kalangan bangsa-bangsa lain. Rasul s.a.w. telah bersikap demikian lebih daripada sekali. Ketika Baginda ingin mengutus suratnya kepada para raja, gabenor dan pemimpin negara, Baginda diberitahu: Menjadi kebiasaan raja-raja tidak menerima apa-apa surat kecuali surat yang dicop dengan nama pengutusanya. Dengan itu, Baginda terus memerintahkan agar diukirkan untuk Baginda satu cincin yang bertulis: Muhammad Rasulullah. Sejak itu, Baginda mengecop surat-suratnya dengan cincin tersebut. Selepas pembukaan Makkah, apabila rombongan daripada seluruh pelusuk tanah Arab datang menemui Baginda menyatakan keislaman mereka, Baginda diberitahu: Wahai Rasulullah, menjadi kebiasaan raja-raja dan pemimpin-pemimpin menyambut kedatangan mana-mana rombongan dengan pakaian yang cantik dan mahal. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. memerintahkan agar dibelikan untuk Baginda sehelai pakaian baru yang bermutu. Dikatakan harga pakaian itu sampai kepada 400 dirham. Ada pula yang mengatakan ia berharga 400 ekor unta. Baginda kemudiannya menyambut rombongan yang datang dengan memakai pakaian tersebut. Inilah tingkah laku Rasul yang diutuskan dengan agama paling akhir dan kekal sehingga ke akhir zaman. Menjadi kemaslahatan kepada para pengikut Baginda pada setiap zaman dan semua keadaan untuk mengambil apa-apa yang terbaik yang dimiliki oleh bangsa-bangsa lain. Mereka, perlu mengambil apa-apa yang berfaedah dan tidak bercanggah dengan hukum hakam serta kaedah umum syariat mereka daripada bangsa-bangsa lain. Keengganan untuk berbuat demikian adalah kebekuan yang tidak diterima oleh tabiat Islam. Dalam perlembagaannya yang kekal (al-Quran) dinyatakan:

فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ ﴿١٨﴾

*Oleh itu gembirakanlah hamba-hamba-Ku. Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama). (Az-Zumar: 17-18)*

Sikap beku ini juga tidak dapat diterima oleh tabiat Rasulnya. Kita telah lihat contoh-contoh berkenaan perkara baik yang diambil Baginda daripada bangsa-bangsa lain. Baginda jugalah yang bersabda:

الحكمة ضالة المؤمن يَلْتَمِسُهَا أَنِي وَجَدَهَا

“Hikmah itu barang yang hilang daripada orang mukmin. Dia menuntutnya di mana sahaja dia temui”<sup>6</sup>

Pada zaman mutakhir ini, khususnya selepas zaman kebangkitan Eropah, orang Islam ditimpa keruntuhan. Orang Islam lupa terhadap prinsip Islam yang agung ini. Mereka juga menentang setiap pengislahan yang dcedok daripada orang lain sedangkan mereka amat memerlukannya. Mereka mundur ketika mana orang lain semakin maju.

وَلِلَّهِ عَنقَبَةُ الْأُمُورِ

*Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan. (Al-Hajj: 41)*

18. Berdasarkan pesanan Rasulullah s.a.w. kepada angkatan tentera Islam dalam Ghazwah Muktah, kamu dapat perhatikan nilai belas kemanusiaan yang terdapat dalam peperangan Islam. Islam tidak membunuh sesiapa yang tidak berperang mahupun merosakkan apa yang ditemui dalam perjalanannya kecuali kerana dharurat yang amat sangat. Selepas kematian Baginda, para sahabat dan orang Islam pada pelbagai zaman mematuhi pesanan-pesanan ini. Peperangan mereka merupakan peperangan yang paling bersifat belas kasihan yang pernah diketahui sejarah. Orang Islam semasa berperang lebih lembut akhlaknya dan lebih bersikap belas kasih berbanding umat-umat lain semasa mereka tidak berperang. Sejarah telah mencatatkan lembaran-lembaran putih untuk orang Islam berkenaan perkara ini. Sebaliknya, ia mencatatkan halaman-halaman hitam untuk umat-umat lain. Bahkan sejarah masih terus mencatat fenomena tersebut hingga ke hari ini. Siapakah di kalangan kita yang tidak tahu tentang keganasan yang digunakan oleh tentera Salib untuk membuka Baitul Maqdis? Atau tidak tahu tentang sikap perikemanusiaan yang dilakukan oleh Solahuddin terhadap tentera Eropah, apabila beliau mengambil kembali Baitul Maqdis?! Siapakah di kalangan kita yang melupai keganasan panglima-panglima dan tentera-tentera Salib ketika mereka menguasai ibu-ibu kota Islam seperti Tarabulus, al-Maarrah dan lain-lain lagi? Atau melupai sikap belas rahmat panglima-panglima dan tentera-tentera Islam ketika mereka mengambil kembali kota-kota tersebut daripada genggamannya penjajah dan perampasnya?

Kita pada hari ini, hidup dalam era sikap bermuka-muka Eropah. Mereka mendakwa bertamadun, berperikemanusiaan dan cintakan kebaikan untuk bangsa-bangsa, sedangkan mereka merosakkan negara-negara serta menumpahkan darah orang tua, wanita dan kanak-kanak yang tidak bersenjata. (Amat dukacita), kita hidup pada zaman tertegaknya negara Israel di atas bumi Palestin yang dirampas. Dunia mengetahui kedahsyatan perangai primitif dan ganas Yahudi di Dir Yasin, Qubayyah, Haifa, Yafa, ‘Akka, Sofad dan lain-lain lagi bandar mahupun kampung. Namun begitu, Yahudi mendabik dada kononnya mereka mendokong kemanusiaan. Padahal mereka melakukan sebaliknya. Sedangkan kita bekerja untuk kemanusiaan, bukan sekadar ucapan manis di bibir. Ini kerana kita merupakan bangsa yang jiwanya (benar-benar) menjunjung seindah-indah prinsip akhlak, baik semasa aman mahupun perang. Kita melaksanakan prinsip-prinsip ini dengan jiwa yang ceria lagi tenang. Sementara jiwa Yahudi pula kosong daripada prinsip-prinsip ini. Mereka hanya sekadar mencanangkannya untuk bermuka-muka dan meleakakan orang lain. Kita juga merupakan bangsa yang beriman dengan Allah yang Maha Gagah lagi Maha Pengasihani. Kekuatan kita hanyalah melalui sikap belas rahmat. Sedangkan mereka (Yahudi) berpandangan, salah satu cara bermuka-muka ialah dengan mengingkari perbuatan kita yang menyifatkan Allah

<sup>6</sup> Lihat Kitab “Kasyful al-Khafa” karangan al-‘Ajuni berkenaan riwayat-riwayat hadis ini.

dengan sifat kuat dan keras. Mereka mendakwa bahawa mereka menyifatkan-Nya dengan sifat kasih sayang dan belas simpati. Padahal hubungan mereka dengan bangsa-bangsa lain tidak menunjukkan tanda-tanda kasih sayang dan belas simpati (yang digembar-gemburkan) tersebut. Begitu juga peperangan mereka dengan orang Islam dan penganut agama mereka sendiri yang bermusuhan dengan mereka. Kita merupakan bangsa yang tidak berperang kecuali untuk kebaikan kemanusiaan. Kita juga merupakan manusia yang paling berjasa kepada kemanusiaan. Sementara mereka hanya berperang untuk menyerang, merampas, menguasai dan menjajah. Mereka adalah manusia yang paling memusuhi kemanusiaan.

Kita berperang dengan mereka pada hari ini untuk mempertahankan tanah, hak dan kemuliaan. Tiada gunanya kita mendendangkan prinsip-prinsip kita kepada kaum yang tidak memahami prinsip belas kasihan, akhlak mulia dan perikemanusiaan. Bahkan kita wajib meneruskan perjuangan kita menentang mereka, dengan berpegang kepada prinsip-prinsip (akhlak) yang dianjurkan oleh Rasul dan syariat kita. Seinggalah Allah mejatuhkan hukumannya antara kita dan mereka. Dialah sebaik-baik hakim.

19. Sekiranya tentera tidak mempunyai semangat, iman dan kejujuran yang seia sekata. Bahkan ada segolongan yang berjiwa kalah sebelum berjuang, mengejar upah dan cuai, ia tidak dapat menjamin kemenangan ke atas musuhnya. Ini sebagaimana yang berlaku dalam Ghazwah Hunain. Demikian juga perihal dakwah. Ia tidak boleh bergantung harap kepada ramainya pihak yang bertepuk tangan untuknya. Bahkan perlu bergantung kepada bilangan orang-orang yang beriman dengannya dan sanggup berkorban di jalannya.

20. Pengajaran lain yang dapat kita ambil daripada Sirah Rasul s.a.w. tentang peperangan Baginda ialah pendirian Baginda terhadap Yahudi. Begitu juga pendirian mereka terhadap Baginda dan dakwahnya. Sejak Rasul s.a.w. mula menetap di Madinah, Baginda cukup prihatin terhadap mereka. Baginda mengadakan hubungan damai dengan mereka, memberi jaminan terhadap agama dan harta mereka serta mengadakan perjanjian bertulis dengan mereka. Namun mereka kaum yang khianat. Tak lama kemudian, mereka melakukan komplot untuk membunuh Baginda. Komplot ini menjadi sebab kepada Ghazwah Bani Nadhir. Selanjutnya mereka membatalkan perjanjian ketika saat-saat paling kritikal semasa Ghazwah Ahzab. Tindakan mereka ini pula menjadi sebab kepada Ghazwah Bani Quraizoh. Kemudian, mereka berhimpun pula dari segenap rantau, mempersiapkan senjata dan merancang konspirasi. Mereka berkumpul untuk menghapuskan Madinah dan orang-orang mukmin di kota itu secara khianat dan keji. Usaha ini telah menjadi sebab kepada Ghazwah Khaibar. Mereka merupakan kaum yang tiada guna berbuat baik, tidak boleh dipercayai janjinya dan tidak setia kepada perjanjian. Adakah Nabi perlu membiarkan tindakan mereka? Adakah Baginda perlu menanggung risiko komplot jahat, pengkhianatan dan pelanggaran janji mereka? Adakah Baginda dan sahabat-sahabatnya sentiasa perlu hidup dalam suasana bimbang dan waspada menunggu fitnah dan konspirasi (mereka)? Dengan ketegasan Nabi terhadap Yahudi, Baginda telah menjamin keamanan sempadan negara barunya. Penyebaran dakwahnya ke seluruh semenanjung tanah Arab dan ke serata pelusuk dunia juga dapat dijayakan. Hanya Yahudi, orang yang taksud dan imperialis yang mencela tindakan tegas Baginda terhadap mereka. Saksikanlah sejarah kehidupan Yahudi selepas zaman Rasulullah s.a.w.. Tidakkah semua sejarah mereka merupakan konspirasi, komplot jahat, kerosakan dan pengkhianatan? Seterusnya lihatlah perjalanan kehidupan mereka pada zaman moden kini, bukankah ia juga sedemikian? Ada di kalangan kita yang tertipu dengan kata-kata manis Yahudi termasuk ketika berlaku perang Palestin dan tertegaknya negara Israel. Mereka mengajak untuk bekerjasama dengan Yahudi. Ada di kalangan kita, pihak yang diseret oleh negara-negara besar selaku rakan-rakan Yahudi untuk menganjurkan kerjasama dengan Yahudi. Hasilnya, mereka berputih mata menyerah kalah dan timbul idea-idea yang buruk ketika menangani isu Palestin. Selepas ini, sepatutnya tiada siapa lagi yang terpedaya dengan

mereka (Yahudi). Kita tidak mempunyai jalan lain untuk membebaskan diri daripada kejahatan Yahudi melainkan dengan bersikap tegas sebagaimana ketegasan Rasul s.a.w. dalam ber-interaksi dengan mereka. Ketegasan ini dilakukan supaya kita dapat menjamin keselamatan negara kita. Agar kita boleh memperuntukkan waktu bagi peranan baru kita pada masa mendatang dalam membawa risalah Islam dan kesejahteraan kepada bangsa-bangsa di seluruh dunia.

Ini merupakan amanah yang kita sampaikan kepada generasi baru dengan penuh kejujuran dan keimanan. Mudah-mudahan mereka dapat melakukan apa yang tidak dapat dilakukan oleh generasi kita yang mengalah ini.

21. Ghazwah Mu'tah merupakan pertembungan pertama orang Islam dengan Rom. Jika bukan kerana Arab Ghassan telah membunuh utusan Rasulullah yang diutus kepada Raja Basrah, ada kemungkinan pertembungan ini tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun, pembunuhan utusan Baginda kepada Raja Basrah dianggap sebagai satu perbuatan menceroboh oleh semua syariat agama, di samping menunjukkan tiadanya semangat kejiranan yang baik. Ia juga menunjukkan kecenderungan untuk mengekalkan kejahatan di kalangan agen-agen Rom dan wakil-wakil boneka ciptaan mereka. Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w. memutuskan untuk menghantar angkatan tentera ke Mu'tah sebagai amaran kepada penduduk Mu'tah dan ketua-ketua mereka daripada bangsa Rom tentang kekuatan negara baru Islam, juga kesediaan negara itu untuk mempertahankan dirinya. Amaran tersebut supaya mereka tidak terfikir untuk mencerobohi negara Islam tersebut. Apabila orang Islam sampai ke Mu'tah, mereka mendapati bala tentera yang terdiri daripada bangsa Rom dan Arab beragama Nasrani yang tunduk di bawah pemerintahan mereka. Ahli-ahli sejarah menganggarkan bilangan bala tentera ini seramai 200,000 orang dan dipimpin oleh saudara lelaki Herkules. Mereka berpangkalan di Maab, yang terletak berhampiran Amman pada hari ini. Bala tentera ini memperkuatkan lagi ramalan Rasulullah berkenaan tekad Rom untuk memerangi dan menghapuskan negara baru Islam. Ini kerana mereka bimbang tertegaknya sebuah negara Arab yang berdaulat di semenanjung tanah Arab. Ia menjadi amaran berakhirnya penjajahan mereka ke atas negara tersebut. Ia juga menjadi amaran tamatnya perhambaan mereka terhadap Arab yang tinggal bersempadan negara mereka dan berhampiran Hijaz. Demikianlah latar belakang bermulanya pertempuran antara orang Islam, dengan Rom.

22. Ghazwah Tabuk ataupun Ghazwah al-'Ushrah merupakan tanda-tanda yang jelas bagaimana peranan iman yang benar terhadap jiwa-jiwa mukmin. Iman tersebut membakar keazaman mereka untuk berperang dan mendorong tangan-tangan mereka untuk menghulurkan harta. Iman juga menimbulkan kemanisan jiwa untuk menempuh cuaca panas, kesulitan dan kepenatan demi jalan Allah dan mengejar keredhaan-Nya. Oleh itu, apabila tiga orang mukmin yang memiliki keimanan yang benar tidak keluar berperang dalam Ghazwah ini tanpa keuzuran, Rasul s.a.w. memerintahkan supaya mereka diboikot. Dengan itu, isteri-isteri dan bapa-bapa mereka tidak lagi berbual dengan mereka, apatah lagi kebanyakan orang Islam. Pemboikotan ini mendesak sebahagian mereka mengikat dirinya di tiang masjid. Yang lain pula mengurungkan diri di rumah. Sehingga Allah menerima taubat mereka. Iaitu setelah orang Islam. mempelajari satu pengajaran yang cukup mendalam tentang sesiapa yang tercicir daripada menunaikan kewajipan tanpa sebarang alasan. Alasan yang ada hanyalah mengutamakan kerehatan daripada berpenat lelah dan memilih naungan yang teduh daripada kepanasan juga keterikan matahari.

23. Dalam ghazwah pembukaan Makkah pula terkandung pengajaran dan pedoman yang tidak dapat dihuraikan dalam helaian halaman muka surat yang sedikit ini. Dalam peristiwa ini, kita dapati tabiat Rasul s.a.w. selaku pendakwah yang tidak mempunyai apa-apa perasaan



benci dendam terhadap para penentangannya. Baginda telah menabur jasa kepada mereka setelah bertarung dengan mereka selama 21 tahun. Setelah mereka melakukan segala cara untuk menghapuskan Baginda dan pengikutnya. Namun, apabila Baginda berjaya menewaskan mereka dan menakluki ibu kota keberhalaan mereka, Baginda hanya memohon keampunan Allah bagi pihak mereka dan membebaskan mereka.

Dalam sejarah tiada manusia yang melakukan tindakan atau perbuatan sebegini. Namun ia dilakukan oleh seorang Rasul yang mulia. Baginda tidak menginginkan jawatan raja atau kekuasaan daripada dakwahnya. Bahkan Allah mengkehendaki Baginda untuk berperanan sebagai penunjuk hidayah dan pembuka hati juga akal. Oleh kerana itu, Baginda memasuki Makkah dalam keadaan khusyuk merendah diri dan bersyukur kepada Allah. Baginda tidak angkuh sebagaimana keangkuhan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh agung yang menakluki negara-negara.

24. Tindakan yang dilakukan oleh Rasul s.a.w. terhadap penduduk Makkah mempunyai hikmat yang lain. Allah telah mengetahui bahawa Arab akan menjadi pembawa risalah-Nya kepada alam semesta. Oleh itu, Dia mengekalkan nyawa penduduk Makkah yang merupakan pemimpin-pemimpin Arab agar mereka menganut agama Allah, selanjutnya berangkat membawa risalah petunjuk dan nur hidayah kepada bangsa seluruh dunia. Mereka menyumbangkan nyawa, kerehatan dan jiwa mereka untuk menyelamatkan bangsa-bangsa ini daripada buta petunjuk, juga mengeluarkan mereka daripada kegelapan kesesatan kepada cahaya kebenaran.

25. Pengajaran terakhir daripada pembukaan Makkah dan pertempuran-pertempuran Baginda s.a.w. ialah tentang kemenangan Allah. Kemenangan ini berlaku dalam tempoh begitu singkat yang tidak dapat digambarkan oleh akal. Ini antara bukti paling besar yang menunjukkan Muhammad s.a.w. benar-benar seorang utusan Allah. Ia juga menunjukkan Islam merupakan seruan Allah yang pasti dibantu oleh-Nya. Allah membantu dakwah Islam, para pendakwah, orang-orang beriman dan pembawa panji-panji-Nya. Dia tidak akan membiarkan dakwah-Nya yang benar lagi menjadi rahmat dan cahaya penyuluh kehidupan begitu sahaja. Allah merupakan Tuhan yang Maha Benar, lagi Maha Pemurah dan Maha Pengasihani. Rahmat-Nya meliputi setiap perkara. Allah juga penyinar kepada langit dan bumi (dengan menurunkan hidayat-Nya). Siapakah yang dapat memadamkan cahaya (hidayat) Allah?! Bagaimana Dia boleh meredhai batil menang menewaskan kebenaran dalam pertarungan penamat? Atau meredhai keganasan, kekerasan dan kerosakan mendapat kejayaan akhir mengalahkan kasih belas dan kebaikan?!

Walaupun begitu, Rasulullah s.a. w. dan orang Islam juga mendapat kecederaan dalam pertempuran Uhud dan Hunain. Sebahagian mereka pula terkorban syahid. Ini kerana, dalam dakwah pasti berlaku ujian, kecederaan dan korban.

وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

*Dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. (Al-Hajj: 40)*

**Bahagian 6**  
**PERISTIWA PENTING SELEPAS**  
**PEMBUKAAN MAKKAH SEHINGGA**  
**KEWAFATAN RASUL S.A.W.**

**(A) GHAZWAH HUNAIN**

Kaum Hawazin telah berhimpun untuk memerangi Rasul s.a.w. selepas Allah membuka Makkah untuk Rasul-Nya dan orang-orang Islam. Tambahan pula penentangan Quraisy yang memakan masa selama 21 tahun sejak permulaan risalah runtuh akibat pembukaan itu. Akhirnya tercetuslah pertempuran antara Hawazin dengan tentera Islam. Pendetailan peristiwa ini kamu boleh dapati dalam “Sirah Ibnu Hisyam”.

Kami sebutkan antara pengajaran yang diperolehi daripada ghazwah ini sebagaimana berikut:

1. Pengajaran daripada sikap bongkak Malik bin 'Auf (ketua Hawazin) dan kedegilannya enggan mendengar nasihat Duraid bin as-Simmah (bekas ketua Hawazin). Sikapnya ini timbul kerana kerakusan untuk memimpin, terpedaya dengan fikiran sendiri yang disangka betul dan rasa angkuh tidak mahu dikeji kaumnya (sedangkan dia seorang pemuda yang kuat lagi ditaati). Dia bimbang kaumnya akan berkata: "Dia mendengar nasihat seorang tua bangsa yang tak berdaya lagi." Sekiranya dia mendengar nasihat Duraid, kerugian besar harta dan aib yang teruk lantaran wanita-wanita mereka menjadi tawanan perang dapat dielakkan. Namun sikap bongkak dan keangkuhan sebagai pemimpin membawa kebinasaan dan mengakibatkan kerugian kepada bangsa. Rasa bongkak Malik menyebabkan dia enggan menyerah kalah kepada kekuatan Islam yang telah berjaya menundukkan keangkuhan Quraisy. Quraisy ditundukkan setelah perjuangan yang panjang dan pertarungan yang sengit. Malik menyangka dirinya dan para pengikut, juga harta yang dimilikinya, mampu mengalahkan kekuatan Islam. Sedangkan kekuatan baru Islam mengatasi kemampuan beliau dan kaumnya. Sama ada dari segi spiritual, objektif dan susunan organisasi. Selanjutnya, sikap bongkak beliau menyebabkan wanita-wanita dan harta benda kaumnya turut dibawa bersama keluar berperang. Tujuan beliau berbuat demikian untuk menyekat kaumnya daripada menyerah kalah. Dia melanggar nasihat Duraid yang berkata kepadanya: “Tidak ada apa yang boleh mempertahankan orang yang tewas.”<sup>7</sup> Dia alpa terhadap kekuatan orang Islam yang akan diperangnya. Mereka tidak bergantung kepada harta, bilangan mahupun persiapan untuk mengharap kemenangan. Bahkan mereka hanya bergantung kepada kekuatan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Gagah, dan janji-Nya untuk memberi kemenangan dan syurga. Malik juga lupa kekalahan tidak dapat dihalang oleh keinginan melindungi wanita dan harta. Sebaliknya ia dapat ditolak dengan kecintaan meluap-luap untuk mendapat pahala Allah dan takutkan hukuman-Nya. Allah telah mengancam orang-orang yang melarikan diri kerana menyerah kalah di medan jihad dengan azab yang pedih dan pembalasan yang dahsyat:

وَمَنْ يُؤَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ  
وَمَا أَوْلَاهُ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

*Dan sesiapa berpaling undur dari menentang mereka pada ketika itu - kecuali*

<sup>7</sup> Maksudnya: wanita dan harta benda tidak dapat membantu mereka jika mereka tewas dalam perang. Oleh itu, bukan tindakan yang bijak untuk melibatkan wanita dan harta benda dalam pertempuran. (pent.).

*dia bergerak ke arah lain (untuk menjalankan tipu muslihat) peperangan, atau hendak menyatukan diri dengan pasukan yang lain -maka sesungguhnya dia tetaplah mendapat kemurkaan dari Allah, dan tempatriya ialah neraka jahanam; sedang neraka jahanam ialah seburuk-buruk tempat kembali. (Al-Anfal: 16)*

Demikianlah kekalahan yang menimpa Malik dan kabilahnya, Hawazin serta orang lain yang turut bersama mereka. Akibat sikap bongkak dan takabur beliau ini tidak hanya menimpa dirinya sahaja, bahkan seluruh kaumnya. Ini kerana mereka taat dengan sikap degil dan bongkak beliau. Apabila Malik mengancam untuk membelah perutnya jika mereka tidak menyokong pendapatnya, mereka segera mematuhi Malik. Jika sekiranya mereka mengikut nasihat bekas ketua mereka yang berpengalaman dan menyekat keangkuhan pemimpin muda mereka, nescaya mereka tidak ditimpa kekalahan tersebut. Mereka takut dengan kemarahan pemimpin yang bongkak. Jika mereka bertanya kepada diri sendiri: “Apa yang akan berlaku kalau kita menyebabkan dia marah?” Jawabannya ialah: “Mereka akan kehilangan pemimpin mereka!” Apakah akibatnya jika berlaku demikian? Apakah akibat kehilangan pemimpin yang bongkak dan individualistik; pemimpin yang ingin mendapatkan kemuliaan bertempur melawan musuh yang lebih lama berkecimpung dan lebih berpengalaman dalam hal ehwal pertempuran? Adakah setaraf nyawa seorang individu dengan nyawa kabilah atau umat manusia semuanya? Allah telah memperingatkan kita dalam al-Quran tentang akibat orang ramai tunduk kepada hawa nafsu pembesar dan pemimpin yang bongkak. Allah Taala berfirman tentang kisah Musa dengan Firaun:

فَأَسْتَخَفَّ قَوْمَهُ فَاطَاعُوهُ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمًا فَسِيقِينَ ﴿٥٤﴾ فَلَمَّا ءَاسَفُونَا أَنْتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَاهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٥﴾ فَجَعَلْنَاهُمْ سَلَفًا وَمَثَلًا لِّلْآخِرِينَ ﴿٥٦﴾

*Maka Fir'aun mempengaruhi kaumnya (dengan perkataan itu) lalu mereka patuh kepadanya. Kerana sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasik. Maka tatkala mereka membuat kami murka, kami menghukum mereka lalu kami tenggelamkan mereka semuanya (di laut), Dan kami jadikan mereka sebagai pelajaran dan contoh bagi orang-orang yang kemudian. (Az Zukhruf : 54-56)*

Maksudnya: Apabila mereka membuatkan Kami (Allah) murka (dengan perbuatan mereka berpaling daripada kebenaran dan mengikut pemimpin mereka yang thaghut lagi bongkak), Kami menghukum mereka, lalu Kami tenggelamkan mereka semua...

2. Selain menunjukkan kewajiban melakukan persediaan yang sempurna untuk berperang (tindakan Rasulullah s.a.w. meminjam 100 baju perisai dan senjata yang diperlukan daripada Sofwan yang masih musyrik turut menunjukkan keharusan untuk membeli atau meminjam senjata daripada orang kafir). Pembelian dan pinjaman ini harus dengan syarat ia tidak menyebabkan orang kafir menjadi kuat dan mendapat kekuasaan. Atau mereka menggunakannya sebagai satu medium untuk menyakiti dan memudaratkan orang Islam. Rasulullah s.a.w. meminjam senjata daripada Sofwan selepas pembukaan Makkah. Ketika itu, Sofwan terlalu lemah dan tak bermaya sehingga dia tidak berdaya untuk mengenakan apa-apa syarat kepada Rasulullah s.a.w. Ketidakupayaan Sofwan ini terbukti melalui kata-kata beliau kepada Rasul s.a.w. apabila Baginda meminta senjata tersebut: "Adakah ini satu rampasan, wahai Muhammad?" Rasul s.a.w. menjawab: "Bukan, ia pinjaman yang dijamin sehingga kami memulangkannya kembali kepada kamu".

Peristiwa ini juga menjadi salah satu contoh kemuliaan akhlak orang-orang Islam dalam berurusan dengan musuh-musuh mereka yang telah kalah. Sekiranya Rasulullah s.a.w. ingin merampas senjata tersebut, Baginda memang boleh melakukannya dan Sofwan tidak mampu berbuat apa-apa. Namun ini merupakan tunjuk ajar Nabi tentang erti kemenangan dan cara berurusan dengan musuh yang tewas. Baginda juga mengajar agar kita tidak tamakkan harta mereka selepas tamat pertempuran. Kami tidak tahu sesiapa yang bersikap sedemikian sebelum mahupun selepas Muhammad s.a.w.. Cara tentera yang menang berurusan dengan lawan yang kalah sedangkan mereka menguasai harta, maruah dan hak-hak mereka merupakan bukti kukuh kata-kata kami.

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ۚ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمُ اللَّائِي تُظَاهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ ۚ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ ۖ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ ﴿٤﴾

*Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya; dan dia tidak menjadikan istri-istrimu yang kamu zihar<sup>8</sup> itu sebagai ibumu, dan dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). yang demikian itu hanyalah perkataanmu dimulutmu saja. dan Allah mengatakan yang Sebenarnya dan dia menunjukkan jalan (yang benar). (Al-Ahzab: 4)*

3. Ketika Rasulullah s.a.w. keluar untuk berperang dalam pertempuran ini, seramai 12,000 orang telah turut serta bersama Baginda. 10,000 orang adalah yang datang bersama Baginda dan Madinah dan terlibat dalam pembukaan Makkah. Mereka terdiri daripada Muhajirin, Ansur dan kabilah-kabilah yang berjiran dengan Madinah atau berada di pertengahan jalan ke Madinah. Dua ribu orang lagi merupakan mereka yang baru memihak Islam selepas pembukaan Makkah. Kebanyakannya, hidayah Islam masih belum bertapak kukuh di dalam hati. Mereka memasuki Islam setelah segala harapan untuk menentang dan menewaskannya hancur. Oleh itu, dalam angkatan tentera Islam ini terdapat mereka yang benar-benar beriman. Mereka telah menjual nyawa dan jiwa mereka kepada Allah demi mengangkat kemuliaan agama-Nya. Angkatan ini juga mengandungi golongan yang lemah dan kurang pegangan agama. Mereka memeluk Islam kerana terpaksa, memendamkan kebencian kepada Islam dan kepedihan jiwa terhadap kemenangannya. Keseluruhan angkatan tentera tidak mempunyai tahap yang sama dari segi kekuatan roh spiritual dan keyakinan terhadap objektif berperangan yang dilakukan. Ada di kalangan mereka, pihak yang inginkan harta rampasan dan habuan kemenangan. Oleh itu, kekalahan awal yang berlaku bukanlah suatu yang pelik. Apabila Rasulullah s.a.w. melihat tentera yang ramai bersamanya, Baginda bersabda:

*"Kita tidak ditewaskan pada hari ini kerana bilangan tentera yang sedikit<sup>9</sup>"*

<sup>8</sup> zihar ialah perkataan seorang suami kepada istrinya: punggungmu Haram bagiku seperti punggung ibuku atau perkataan lain yang sama maksudnya. adalah menjadi adat kebiasaan bagi orang Arab Jahiliyah bahwa bila dia Berkata demikian kepada Istrinya Maka Istrinya itu haramnya baginya untuk selama-lamanya. tetapi setelah Islam datang, Maka yang Haram untuk selama-lamanya itu dihapuskan dan istri-istri itu kembali halal baginya dengan membayar kaffarat (denda).

<sup>9</sup> Ucapan ini tidak terbukti daripada sabda Rasulullah saw.. Ibnu Ishaq meriwayatkannya dalam kitabnya, *al-Maghazi*, Rangkaian sanadnya putus dan ada perawinya yang tidak dikenali. Dikatakan: pengucap kata-kata ini

Maksudnya: Tentera yang ramai tidak akan tewas kecuali kerana aspek-aspek maknawi yang berkaitan dengan kejiwaan tentera, keimanan, kekuatan rohani, keikhlasan dan pengorbanan mereka. Rasulullah s.a.w. telah menggariskan kepada kita satu kaedah yang agung, iaitu kemenangan tidak dicapai dengan bilangan yang banyak, mahupun senjatayangbermutu. Tetapi ia dicapai dengan kekuatan (spiritual yang memenuhi jiwa para pejuangl Kekuatan spiritual itu mendorong mereka untuk berkorban dan berbakti. Al-Quran beberapa kali menegaskan perkara ini, antaranya firman Allah Taala:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

"Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah', dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang-orang yang sabar". (Al-Baqarah: 249)

Dalam ayat-ayat yang diturunkan selepas selesai pertempuran ini, terdapat kenyataan jelas yang menyentuh pengertian ini:

وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾ ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦﴾

Dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) burnt yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri. Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah menurunkan tentera yang kamu tidak melihatnya, serta Dia menyiksa orang-orang kafir itu (dengan kekalahan yang membawa kehancuran); dan yang demikian itu ialah balasan bagi orang-orang yang kafir. (At-Taubah: 25-26)

4. Ketika orang Islam dalam perjalanan ke medan pertempuran sebahagian mereka berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah buatlah untuk kami Zat Anwat<sup>10</sup> sebagaimana mereka (orang musyrik) mempunyai Zat Anwat". Rasul sa.w. menjawab: "Demi Tuhan yang diri Muhammad dalam genggamannya, kamu telah berkata sebagaimana kaum Musa berkata kepadanya:

وَجَنُوزَنَا بِنِي إِسْرَائِيلَ الْبَحْرَ فَاتُوا عَلَى قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَى أَصْنَامِهِمْ قَالُوا يَا مُوسَى اجْعَلْ لَنَا إِلَهًا كَمَا لَهُمْ آلِهَةٌ قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿١٢٦﴾

ialah Salamah bin Salamah bin Waqsy. Ada yang mengatakan. Abu Bakar. Ada yang mengatakan: al-Abbas. Dan ada yang mengatakan: Seorang lelaki daripada Bani Bakar.

<sup>10</sup> Nama gelaran pokok yang dijadikan tempat untuk menggantung senjata-senjata dan berteduh oleh orang musyrik. (Ibnu Athir al-Jazari, an-Nihayah fi Gharib al-Hadis). (pent.)

"Wahai Musa buatlah untuk kami suatu tuhan (berhala) sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan." Nabi Musa menjawab: "Sesungguhnya kamu ini adalah kaum yang jahil." (al-Araf: 138).

Ia adalah jalan-jalan ikutan. Kamu akan mengikuti jalan-jalan orang-orang sebelum kamu (Yahudi dan Nasrani)".

Dalam peristiwa ini, Rasulullah s.a.w. menjelaskan umat ini akan mengikut jalan umat sebelum mereka. Baginda menyatakannya, sebagai amaran terhadap gejala ini. Umat Islam melakukannya kerana kejahilan menguasai mereka. Umat yang mengenali kebaikan dan kefasadan, jalan mudarat dan jalan manfaat, akan mengambil dan berpegang dengan kebaikan di samping menolak dan lari daripada kefasadan. Mereka enggan melalui mana-mana jalan yang memudaratkan sekalipun umat lain melaluinya. Oleh itu, apabila mereka mengikuti jalan taqlid tanpa mempedulikan akibatnya, mereka telah meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Inilah kejahilan yang disebut oleh Allah:

وَجَوَزْنَا بِبَنِي إِسْرَائِيلَ الْبَحْرَ فَأَتَوْا عَلَى قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَى أَصْنَامٍ لَهُمْ قَالُوا يَا مُوسَى اجْعَلْ لَنَا إِلَهًا كَمَا لَهُمْ آلِهَةٌ قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ

"Wahai Musa buatlah untuk kami suatu tuhan (berhala) sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan." Nabi Musa menjawab: "Sesungguhnya kamu ini adalah kaum yang jahil." (Al-Araf: 138)

Umat yang mempercayai diri sendiri, bangga dengan keperibadiannya dan gembira dengan kebenaran dan kebaikan yang dimiliki, pasti enggan mengekori orang lain. Mereka tidak akan menuruti orang lain dalam perkara yang menyakiti diri dan menafikan prinsip-prinsip yang mereka pegang. Sekiranya mereka bertaqlid, bererti mereka berkeperibadian lemah, berpemikiran kacau bilau, tunduk kepada hawa nafsu dan terjebak dalam kelemahan juga kehancuran. Sifat-sifat tersebut merupakan sifat jahiliah. Allah menyelamatkan kita daripada sifat tersebut melalui perutusan Rasul, Kitab dan syariat-Nya. Dari perspektif dakwah pengislahan, berilmu dan jahil bukannya bermaksud kemampuan membaca dan buta huruf. Tetapi, ia bermaksud petunjuk dan kesesatan atau kesedaran dan kebodohan. Umat yang sedar tentang perkara yang memberi faedah dan perkara yang memudaratkan, merekalah umat yang berilmu sekalipun mereka buta huruf. Manakala umat yang tidak mendapat petunjuk tentang jalan dan manhaj kebaikan, merekalah umat yang jahil sekalipun mereka mengetahui pelbagai ilmu dan menguasai bermaeam rupa bentuk budaya.

Keruntuhan sesuatu umat (mana-mana umat sekalipun) berpunca daripadajahiliah menguasai perasaan dan hawanafsu anak bangsa mereka. Tanyalah kepada sejarah: Bukankah tamadun Yunan dan Rom runtuh akibat penguasaan jahiliah?!

Mereka yang bertaqlid tetap jahil walau setinggi mana mereka belajar. Mereka tetap kanak-kanak walau sedewasa mana umur mereka. Mereka akan terus dianggap sebagai keanak-anakan dan jahil sehinggalah mereka memerdekakan diri daripada taghut.

5. Setelah orang Islam tewas dan bertempiaran lari meninggalkan Rasulullah s.a.w. pada permulaan pertempuran, Syaibah bin Othman menyangka dia akan dapat menuntut bela ke atas Baginda s.a.w.. Bapanya telah terbunuh semasa Ghazwah Uhud. Syaibah berkata: "Apabila aku menghampiri Rasulullah s.a.w. untuk membunuh Baginda, datang sesuatu yang menakutkan aku. Aku tidak berdaya menghadapinya. Justeru itu, aku tahu bahawa Baginda terpelihara."

Peristiwa seperti ini berulang kali berlaku dalam sirah. Ia berlaku kepada Abu Jahal dan lain-lain penentang di Makkah dan Madinah. Semua peristiwa membuktikan Allah mencampakkan rasa gerun musuh terhadap Nabi s.a.w.. Ia menakutkan mereka yang cuba membunuh Baginda. Ini merupakan bukti kebenaran dakwaan kerasulan Rasulullah s.a.w.. Ia juga menjadi bukti bahawa Allah tetap memelihara Nabi-Nya daripada segala tipudaya. Allah juga memelihara Baginda agar terus hidup sehinggalah Baginda berjaya menyampaikan risalah, menunaikan amanah, menyelamatkan semenanjung tanah Arab daripada jahiliah dan menghantar-anak-anak bangsa itu ke seluruh dunia. Mereka mengajar, mendidik dan menyelamatkan manusia yang lain. Jika bukan kerana perlindungan Allah kepada Rasul-Nya, nescaya orang musyrik telah berjaya menamatkan riwayat Baginda sejak permulaan dakwah lagi. Jika ini terjadi, agama dan nikmat Allah tidak akan sempurna. Begitu juga, cahaya kebenaran, hidayah dan rahmat risalah tidak akan sampai kepada kita. Perjalanan sejarah pula tidak akan bertukar. Manusia tidak bebas daripada kesesatan dan kesengsaraan. Kemanusiaan telah merdeka hasil daripada penyebaran Islam serta tamatnya era kediktatoran dan kuku besi terhadap rakyat. Melalui Islam, kemanusiaan juga bebas daripada kuasa raja dan pemimpin yang menegakkan kekuasaan mereka di atas dasar pencerobohan dan kezaliman. Mereka menyekat rakyat daripada merasai kemuliaan harga diri atau menuntut bela atas kezaliman yang mereka alami. Semua ini tercapai dengan anugerah Allah yang memelihara Rasul-Nya, sehingga Baginda berjaya melaksanakan amanah (risalah) dengan sempurna tanpa sebarang kekurangan.

Tidak ragu-ragu lagi, kurniaan Allah kepada Rasul-Nya begitu besar:

وَكَانَ فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا ﴿١١٣﴾

*Dan adalah kurnia Allah yang dilimpahkan-Nya kepadamu amatlah besar. (An-Nisa': 113)*

Jasa Rasul-Nya kepada kemanusiaan juga adalah besar:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam, (Al-Anbiya': 107)*

Apa yang pasti, para pendakwah yang terselamat daripada tipu daya dan perangkap musuh merupakan penerusan kepada anugerah yang besar ini. Anugerah ini bermula dengan pemeliharaan Allah kepada Rasul-Nya.

Oleh itu, para pendakwah mestilah sentiasa meminta perlindungan Allah (setelah mengambil langkah berjaga-jaga dan waspada). Mereka juga mestilah bernaung di bawah keperkasaan dan kekuasaan-Nya serta meyakini Dia bersama mereka sebagai Penolong dan Penjaga. Mereka turut meyakini sesiapa yang diselamatkan Allah daripada tipu daya musuh dakwah, dia akan terselamat. Walaubagaimana hebat kekuasaan musuh dan selicik mana tipu daya, komplot dan jenayah mereka. Perlindungan hanyalah perlindungan Allah. Bantuan hanyalah bantuan Allah. Kegagalan adalah kerana tiada bantuan dan perlindungan-Nya. Yang pasti semua yang terlaksana merupakan ketentuan qada' dan arahan-Nya:

إِن يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ... ﴿١٦﴾

*Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan, maka tidak ada sesiapa*

*pun yang akan dapat mengalahkan kamu. (Ali Imran: 160)*

Hebat mana sekalipun tipu daya manusia yang zalim, pertolongan Allah Yang Maha Adil lebih hebat dan agung. Oleh itu, seseorang pendakwah atau pengislah tidak boleh bersikap pengecut mahupun takut. Orang yang beriman dengan Allah lagi meyakini pertolongan dan sokongan-Nya tidak akan berlengah-lengah menunaikan tuntutan kebenaran.

... وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

*Dan sememangnya menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman. (Ar-Rum: 47)*

إِنَّ الَّذِينَ يُحَادُّونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ فِي الْأَذَلِّينَ ﴿٢٠﴾ كَتَبَ اللَّهُ لَأَعْلَبَنَ أَنَا وَرُسُلِي ۚ

إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢١﴾

*Sesungguhnya orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya, mereka termasuk dalam golongan yang amat hina. Allah telah menetapkan: "Sesungguhnya Aku dan Rasul-rasul-Ku tetap mengalahkan (golongan yang rnenentang)." Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha kuasa. (Al-Mujadalah: 20-21)*

Hakikat ini bukanlah menafikan kejayaan musuh-musuh Allah bertindak ke atas sesetengah pemimpin Islam di kalangan pendakwah islah. Ia juga tidak menafikan kemungkinan musuh-musuh itu dapat menghapus mahupun menyakiti mereka. Kematian adalah pasti. Ia merupakan salah satu suratan nasib anak Adam. Sesiapa yang tertulis suratan takdirnya mati di tangan orang-orang zalim, kematian itu merupakan satu kemuliaan dan nikmat yang Allah kurniakan kepadanya. Kematian di jalan Allah adalah syahid. Manakala kesakitan demi dakwah kebenaran adalah kemuliaan. Sementara ujian kerana pengislahan adalah pahala yang kekal.

... ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطْءُونَ

مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوِّ نِيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ إِنَّ

اللَّهُ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

*Yang demikian kerana sesungguhnya (tiap-tiap kali) mereka merasai dahaga, dan merasai penat lelah, dan juga merasai lapar (dalam perjuangan) pada jalan Allah; dan (tiap-tiap kali) mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir; dan juga (tiap-tiap kali) mereka menderita sesuatu yang mencederakan dari pihak musuh melainkan semuanya itu ditulis bagi mereka: (pahala) amal yang soleh. Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (At-Taubah: 120)*

6. Pada permulaan pertempuran, orang-orang Islam dikejutkan dengan serang hendap yang dilakukan oleh pihak musuh. Serangan itu menyebabkan tentera Islam kelim kabut, kacau bilau dan bertempiran lari meninggalkan Rasulullah s.a.w., Hanya segelintir mereka



yang tetap teguh (bertempur) bersama Baginda. Rasulullah kemudiannya mula melaungkan:

*"Datang kepadaku, wahai manusia! Ayuh datang kepadaku! Aku adalah Rasulullah. Aku Muhammad bin Abdullah."*

Namun, orang ramai tidak mendengar suara Baginda. Oleh itu, Baginda meminta al-Abbas; seorang yang bersuara lantang untuk melaungkan kepada tentera Islam: "Wahai pasukan Anzor! Wahai pasukan orang-orang yang berbaiah di bawah pokok Samurah (mereka yang berbaiah dalam Baiah ar-Ridhwan)!" Lantas mereka menjawab: "Ya, kami di sini sedia menerima arahan. Ya, kami di sini sedia menerima arahan." Terdapat tentera yang cuba memusing untanya (untuk menyahut seruan itu), namun tidak berupaya berbuat demikian. Lantaran itu, dia mengambil pedang, perisai dan menyangkut baju besinya. Dia merempuh turun dan melepaskan untanya. Dia kemudian menuju kepada arah suara tadi sehinggalah menemui Rasulullah s.a.w.. Setelah 100 orang berhimpun bersama Baginda, mereka bertindak menghadapi dan memerangi musuh. Akhirnya kemenangan berjaya dicapai.

Dalam peristiwa ini terkandung beberapa pedoman dan pengajaran yang patut diteliti oleh para pendakwah dan tentera kebenaran. Kekalahan dakwah dalam pertempuran kemungkinan berpunca daripada kelemahan aqidah sesetengah pendukungnya, ketidakikhlasan kepada kebenaran dan ketidaksediaan mereka untuk meleburkan segala-gala di jalannya. Keteguhan pemimpin dakwah menghadapi apa-apa krisis, keberanian dan keyakinan beliau kepada Allah dan pertolongan-Nya, mempunyai kesan besar untuk menukarkan kekalahan kepada kemenangan. Pejuang yang ada bersamanya akan mendapat semangat baru, meskipun sebelum itu mereka merasa lemah dan ragu-ragu. Kekalahan juga dapat ditukar menjadi kemenangan jika tentera jujur dan tetap teguh bersama pemimpin mereka yang berani lagi ikhlas. Mereka yang tetap teguh bertempur bersama Rasulullah s.a.w. setelah berlaku kekalahan pada permulaan perang; Mereka yang menyahut panggilan Rasul s.a.w. tidak melebihi 100 orang; Pada ketika mereka terhimpun, perjalanan pertempuran mula bertukar. Bantuan Allah kepada hamba-hamba-Nya yang beriman juga mula tiba. Kesannya pihak musuh mula tewas. Semangat dan barisan mereka mula lemah. Setiap kali pemimpin dakwah memperingatkan para pengikutnya bahawa mereka berada di atas kebenaran dan Allah bersama orang-orang beriman yang jujur, semangat mereka akan bertambah kuat. Mereka akan semakin maju untuk berbakti dan berkorban.

Baginda s.a.w. bersabda:

*"Aku adalah Rasulullah."*

Di dalam riwayat lain, bukan daripada Ibnu Hisyam pula, Baginda bersabda:

*"Aku adalah Nabi. Aku tidak berdusta. Aku adalah anak Abdul Muttolib."*

Kata-kata ini menjadi bukti kebenaran dakwaan kerasulan Rasulullah s.a.w.. Ia turut menjadi bukti keyakinan Baginda terhadap pertolongan Tuhannya. Seseorang pemimpin sepatutnya bersikap sedemikian ketika menghadapi saat-saat genting. Dia hendaklah yakin dengan dirinya dan berlindung dengan Tuhannya. Dia juga perlu komited terhadap pertolongan dan penjagaan-Nya. Keyakinan pemimpin kepada objektif, matlamat dan risalah yang dibawanya memberi impak terbesar kepada kejayaan. Ia juga merupakan tarikan kepada orang ramai untuk bersamanya. Keyakinan ini membawa impak besar dalam meringankan bebanan jiwanya. Dia akan redha dan tenang dalam memikul keperitan perjuangan.

7. Pendirian Ummu Sulaim binti Milhan (dalam pertempuran ini) menjadi salah satu kebanggaan wanita muslimah pada zaman permulaan Islam. Beliau bersama suaminya, Abu Tolhah turut terlibat dalam pertempuran ini. Ketika itu, Ummu Sulaim yang sedang hamil

membebat perut dengan baju gaunnya. Dalam masa yang sama unta milik suaminya ada bersama-sama nya. Dia bimbang unta itu akan terlepas. Oleh itu, dia memasukkan tangannya ke dalam tali dan besi kekang unta tersebut. Rasulullah s.a.w. ternampak gelagatnya, lantas berkata: "Ummu Sulaim?" Dia menjawab: "Ya, demi bapa dan emak aku, wahai Rasulullah! Bunuhlah mereka yang melarikan diri daripada kamu sebagaimana kamu memerangi orang yang memerangi kamu. Mereka sememangnya layak diperlakukan demikian." Baginda menjawab:

*"Tidak cukupkah Allah (berbuat demikian), wahai Ummu Sulaim?!"*

Ummu Sulaim juga memiliki sebilah khanjar. Suaminya, Abu Tolhah bertanya kepadanya mengapa beliau memiliki khanjar tersebut. Dia menjawab: "Khanjar ini aku ambil, kalau-kalau orang musyrik menghampiriku, aku akan lukakannya!" Jawaban itu mengagumkan Abu Tolhah dan menarik perhatian Rasul s.a.w..

Demikianlah kedudukan wanita Islam sebelum ini. Demikian juga kedudukan mereka yang sepatutnya pada masa mendatang. Dia berani, sama-sama memberi sumbangan dalam pertempuran mempertahankan agama dengan turut melibat-kan diri dalam kancah pertempuran. Apabila dia diperlukan atau musuh menghampirinya, dia sendiri membalas serangan tersebut agar tidak dijadikan tawanan perang. Wanita muslimah dalam sejarah permulaan Islam mempunyai lembaran-lembaran jasa bakti, pertarungan, pengorbanan dan keberanian yang gilang gemilang. Peristiwa-peristiwa ini menjadi tamparan kepada para orientalis dan golongan Barat yang taksuf. Mereka memberitahu bangsa mereka bahawa Islam menghina dan memperlekehkan wanita. Mereka juga mendakwa risalah Islam dalam batasannya yang normal tidak memperuntukkan tempat yang selayaknya bagi wanita dalam masyarakat. Malah mereka terus mengada-adakan cerita palsu mendakwa Islam tidak membuka ruang syurga kepada wanita. Wanita tidak akan memasuki syurga walau macam sekalipun dia melakukan kebaikan, ibadat dan ketaqwaan!!!

Tanpa kita meneliti kepada nas al-Quran dan Sunnah yang terang-terang menolak dogongan ini, sejarah Islam sendiri telah mencatatkan jasa-jasa wanita Islam dalam menyebarkan Islam. berdakwah dan berkorban di jalannya. Ini sedikitpun tidak pernah dicatatkan oleh sejarah mana-mana agama lain. Peristiwa yang berlaku kepada Ummu Sulaim dalam pertempuran ini (pertempuran Hunain) merupakan satu contoh daripada ratusan contoh yang memperkatakan tentang peranan wanita. Bukan tujuan kami menjawab dakwaan musuh-musuh Islam yang taksuf dalam topik ini. Kami lebih prihatin memetik pengajaran yang cukup jitu daripada peristiwa Ummu Sulaim ini bagi memberangsangkan kita agar menyeru wanita Islam. Menyeru mereka agar melakukan tugas asal dan semulajadi mereka iaitu berkhidmat untuk Islam dan mendidik generasi kita yang akan datang di atas petunjuk dan prinsip-prinsip Islam. Pada hari ini terdapat dua golongan wanita Islam; golongan wanita yang solehah lagi baik, tetapi hanya terbatas kepada pelaksanaan solat, tilawah al-Quran dan menjauhi perkara haram. Segolongan lagi hanyut dalam arus tamadun Barat. Mereka menukarkan adab sopan santun Islam dan akhlak wanita Arab Islam dengan kod etika dan nilai moral wanita Barat. Kod etika dan nilai moral ini telah mengheret mereka, keluarga dan bangsa kepada bala bencana dan kesengsaraan. Lebih malang lagi ada pihak yang berperanan menelanjatkan wanita Arab Islam daripada akhlak dan kriteria yang pernah diasuhkan oleh semulia-mulia generasi dalam sejarah. Generasi mulia tersebut mempunyai jasa dan kualiti yang tinggi, agung lagi abadi. Islam dan sejarahnya, khususnya sejarah Rasulullah s.a.w. pula mengajak wanita Islam hari ini untuk kembali tampil berkhidmat kepada Islam dan masyarakatnya. Ia mengajak mereka berkhidmat dalam ruang lingkup tugas semulajadi, mendidik dan ciri-ciri kewanitaan yang sejati seperti keperibadian mulia, kesucian diri, kesopanan dan sikap malu.

Kamu perhatikan, adakah para pemuda Islam kita yang komited beragama mengulangi sejarah Khadijah, Aishah, Asma', al-Khansa', Ummu Sulaim dan lain-lain tokoh seumpama mereka? Adakah mereka memutar kembali sejarah tokoh-tokoh mukminat yang abadi dan bintang-bintang yang bergemelapan tersebut kepada kita pada hari ini? Adakah sememangnya sukar untuk ditemui kembali puluhan Khadijah, Aishah, Asma' dan Ummu Sulaim di kalangan mereka pada hari ini? Sekali-kali tidak. Tunjuk ajar yang betul dan keimanan yang sedar lagi gemilang sudah cukup untuk melahirkan tokoh-tokoh seumpama mereka. Namun, siapakah yang akan membuka lembaran abadi untuk wanita Arab Islam pada zaman kita kini? Siapakah yang akan melakukannya tanpa menghirau tipu daya golongan penyesat dan ejekan musuh kepada kebaikan, kebenaran, kesusilaan dan agama?

8. Dalam pertempuran ini, Rasulullah s.a.w. menemui seorang wanita yang telah dibunuh oleh Khalid bin al-Walid. Orang ramai mengerumuni wanita tersebut. Baginda bertanya: "Siapa ni?" Mereka menjawab: "Seorang wanita yang telah dibunuh oleh Khalid bin al-Walid." Lantas Rasulullah s.a.w. mengarahkan beberapa orang sahabat yang ada bersamanya: "Cari Khalid dan katakan kepadanya: Rasulullah s.a.w. melarang kamu membunuh kanak-kanak, wanita dan buruh kerahan."

Tidak ragu-ragu lagi, larangan membunuh golongan lemah dan mereka yang tidak terlibat dalam peperangan merupakan peraturan yang tersendiri digariskan oleh Islam. Oleh itu Islam melarang tenteranya membunuh para pendita, wanita, orang tua, kanak-kanak dan mereka yang dipaksa berperang seperti petani dan buruh. Dalam sejarah peperangan di dunia, sebelum mahupun selepas Islam hingga hari ini, perundangan yang unggul lagi berperikemanusiaan sebegini tidak pernah berlaku. Satu kebiasaan dan diterima di kalangan semua bangsa, peperangan mengharuskan kaum yang berperang untuk membunuh musuh tanpa kecuali. Zaman ini ialah zaman diisytiharkan hak asasi manusia. Ia juga merupakan zaman ditegakkan badan dunia dan antarabangsa untuk menyekat pencerobohan serta membantu bangsa tertindas sebagaimana yang digembar-gemburkan. Namun, jiwa kemanusiaan masih belum mencecah tahap yang tinggi dan mulia hingga dapat mengisytiharkan pengharaman membunuh kelompok-kelompok masyarakat tadi. Kita cukup kenal dengan pemusnahan bandar dan penghuninya dalam Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Kita juga amat arif tentang peperangan yang dilakukan oleh golongan penjajah terhadap pemberontakan rakyat yang menuntut hak mereka untuk hidup mulia.

Golongan penjajah menghalalkan pemusnahan bandar dan kampung. Mereka menghalalkan pembunuhan ribuan atau puluhan ribu penduduknya dengan tujuan memadamkan api pemberontakan. Perancis telah melakukan kekejaman ini di Algeria lebih daripada sekali. Begitu juga dengan tindakan England di banyak koloni jajahannya. Ataupun tindakan Portugis terhadap koloni jajahannya di Afrika pada hari ini.

Kita tak pernah tahu sedikitpun dalam sejarah mana-mana untuk berperang. Namun Islam sejak 14 kurun lalu telah melarang secara jelas perbuatan membunuh mereka. Perkara bangsa di dunia, dahulu mahupun kini, terdapat larangan membunuh buruh dan kaum tani yang dipaksa ini tidak terhenti sekadar larangan perundangan, bahkan ia menjadi realiti yang berlaku. Kamu dapat lihat dalam pertempuran Hunain ini, Rasulullah s.a.w. selaku pendukung syariat dan penyampainya marah terhadap pembunuhan seorang wanita. Baginda menghantar arahan kepada beberapa panglimanya agar tidak menyerang wanita, kanak-kanak dan buruh kerahan.

Ketika Baginda mempersiapkan angkatan tentera Usamah untuk memerangi Rom (beberapa hari sebelum kewafatan Baginda), antara pesanan Baginda kepada mereka ialah: Larangan membunuh wanita, kanak-kanak, orang tua dan pendita yang tidak berperang atau tidak membantu peperangan. Pesanan yang sama dilakukan oleh pengganti Baginda, Abu

Bakar as-Siddiq r.a. ketika beliau meneruskan penghantaran Usamah, juga semasa beliau mengarahkan ketumbukan tentera untuk berperang di jalan Allah, jalan kebenaran, kebaikan, petunjuk dan keadilan. Demikian juga sikap yang dilakukan oleh "pedang Allah", Khalid bin al-Walid r.a. semasa pembukaan Iraq. Beliau tidak melakukan sebarang tindakan buruk kepada kaum petani yang sedang bercucuk tanam di tanah-tanah mereka. Prinsip-prinsip kemanusiaan yang mulia dan tidak diketahui oleh sejarah mana-mana tentera di muka bumi ini telah menjadi adat resam tentera Islam di mana-mana pada pelbagai zaman.

Kesungguhan tentera Islam untuk berpegang dengan adat resam ini ditunjukkan kepada kamu oleh tindak tanduk Solahuddin ketika berurusan dengan tentera Salib setelah beliau mengalahkan mereka dan mengambil kembali Baitul Maqdis. Beliau telah memberi keamanan kepada orang-orang tua, tokoh-tokoh agama, wanita, kanak-kanak, bahkan tentera-tentera Salib yang gagah. Beliau menghantar mereka kembali kepada kaum mereka dengan kawalan tentera Islam. Beliau juga tidak melakukan sesuatu yang buruk kepada mereka. Sedangkan sikap tentera Salib ketika menawan Baitul Maqdis jelas menunjukkan pengkhianatan, sikap keji, keganasan dan perangai hina. Tentera Salib menjanjikan keamanan nyawa dan harta kepada penduduk Islam Baitul Maqdis sekiranya mereka mengangkat bendera putih (menyerah kalah) di atas Masjid al-Aqsa. Oleh itu, orang-orang Islam berhimpun beramai-ramai di dalamnya kerana terpedaya dengan janji tersebut. Apabila tentera Salib memasuki Baitul Maqdis, mereka menyembelih semua orang yang berlindung di Masjid al-Aqsa tanpa mengira sesiapa. Bilangan mereka yang disembelih di dalam masjid itu mencecah kepada 70,000 orang. Mereka terdiri daripada para ulama, para zahid, wanita dan kanak-kanak. Hinggakan seorang penulis Kristian menghantar berita gembira penawanan kota itu kepada Pope dengan kata-kata bangga: Darah-darah telah mengalir di jalan-jalan sehinggakan panglima-panglima berkuda Salibi mengharungi limpahan darah yang menenggelami kaki-kaki kuda mereka.

Hari ini, kita memperkatakan perkara ini bukanlah untuk berbangga dan bermegah dengan sejarah pembukaan, para panglima dan tentera kita. Mereka digambarkan oleh Gustave Le Bon : "Sejarah tidak mengenali pembuka negara yang lebih berbelas kasih dan adil berbanding Arab". Kita mengimbaunya untuk menyedarkan bahawa kita sebelum ini lebih berperikemanusiaan dan berbuat kebajikan berbanding orang-orang Barat pada kurun ke-20 ini. Agar golongan Barat tidak dapat memperdayakan kita. Meskipun mereka mencanangkan kepada kita tentang hak asasi manusia, Hari Kanak-kanak, Hari Ibu sebagai bukti ketinggian tamadun mereka. Mereka menipu orang yang lurus bendul dan bebal.

Mereka memperdayakan golongan yang mendakwa dirinya anak bangsa dan para cendekiawan kita tetapi hilang keyakinan dengan umat dan sejarah sendiri.

Kami mahu generasi kita pada hari ini menyedari komplot jahat ini. Mereka hendaklah yakin dengan agama dan warisan tamadun kemanusiaan mereka yang mulia. Justera itu, mereka tidak tunduk kepada golongan Barat seumpama tunduknya seorang fakir yang hina di hadapan seorang kaya yang berkuasa. Data pemikiran mereka juga tidak bertelagah sesama sendiri tanpa dapat membezakan antara kaca dan permata sebagaimana kelkatu yang bertelagah memasuki api lalu terbakar di dalamnya.

Ilmu mengesahkan Islam sebagai sebaik-baik agama. Dan ajaran yang paling hampir dengan fitrah dan paling menjamin kebaikan manusia. Sejarah juga membuktikan peperangan Islam merupakan peperangan yang paling berbelas kasihan, paling sedikit bala bencana, paling banyak kebaikan dan paling mulia misinya. Setiap hari ditemui bukti-bukti baru bahawa Islam merupakan agama Allah, Muhammad itu pesuruh Allah dan orang-orang Islam yang jujur itu merupakan hamba-hamba-Nya yang terpilih dan terbaik di kalangan seluruh manusia.

Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu? (Fussilat: 53)

9. Rasulullah dan orang Islam telah mengejar kaum Hawazin yang tewas sehingga mereka tiba ke penempatan kaum Thaqif di Toif. Baginda dan orang Islam mengepung kota itu beberapa hari tetapi gagal membukanya. Setelah itu, Baginda pulang ke Madinah. Dalam perjalanan, Baginda membahagi-bahagikan harta rampasan perang Hunain. Ia terdiri daripada 6,000 tawanan sahaya dan wanita di samping unta dan kambing yang tidak diketahui jumlahnya. Baginda memberi bahagian yang banyak kepada pemuka-pemuka Arab untuk menarik minat mereka kepada Islam.

Baginda juga memberi harta yang banyak kepada Quraisy. Namun Ansur tidak memperolehi apa-apapun. Sebahagian Ansur memperkatakan hal tersebut. Mereka melahirkan rasa sedih kerana tidak mendapat apa-apa bahagian daripada rampasan tersebut. Hinggakan sebahagian mereka berkata: "Rasulullah s.a.w. telah bertemu kembali kaum Baginda." Maksudnya: Baginda telah melupakan kita setelah Allah membukakan Makkah dan Quraisy memeluk Islam. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w. mengumpul kaum Ansur dan berucap kepada mereka Setelah Baginda memuji Allah, Baginda bersabda:

*"Wahai kaum Ansur! Aku telah mendengar kata-katamu. Ia mengandungi celaan kepadaku. Bukankah kamu sebelumnya sesat, lalu Allah memberi petunjuk kepada kamu? Miskin, lalu Allah menjadikan kamu kaya? Saling bermusuhan, lalu Allah mempertautkan hati-hati kamu?" Mereka menjawab: "Benar! Allah dan Rasul-Nya lebih berjasa dan lebih berbakti." Kemudian Baginda bersabda lagi: "Wahai kaum Ansur! Kenapa kamu tidak menjawab kata-kataku?" Mereka bertanya: "Wahai Rasulullah apa lagi yang patut kami katakan? Allah dan Rasul-Nya mempunyai jasa dan bakti." Baginda bersabda: "Demi Allah, kalau kamu mahu, kamu boleh jawab. Jawapan kamu adalah benar dan diterima. Kamu boleh jawab: Kamu (wahai Rasulullah) datang kepada kami dalam keadaan kamu didustai (kaummu), lalu kami yang mempercayai kamu. Terbiar tanpa pertolongan, lalu kami yang menolongmu. Diusir, lalu kami membelamu. Serba kekurangan, lalu kami berkongsi harta denganmu.*

*Wahai kaum Ansur, adakah diri kamu merasa tidak puas hati terhadap sisa-sisa dunia yang aku gunakan untuk menarik minat kaum tersebut agar memeluk Islam. Sedangkan aku serahkan kamu kepada keislaman kamu. Wahai kaum Ansur, tidakkah kamu redha orang ramai kembali bersama kambing dan unta, sedangkan kamu pulang kepada tunggangan kamu bersama Rasulullah? Demi Tuhan yang jiwa Muhammad dalam genggamannya, jika bukan kerana Hijrah, nescaya aku seorang Ansur. Sekiranya orang ramai melalui satu lorong di bukit, sedangkan Ansur melalui lorong yang lain, nescaya aku melalui lorong yang dilalui Ansur. Ya Allah, rahmatilah Ansur, anak-anak dan cucu-cucu Ansur."*

Maka kaum Ansur menangis sehingga janggut-janggut mereka basah. Mereka berkata: "Kami redha dengan pembahagian dan habuan yang dilakukan oleh Rasulullah."

Di sini terdapat beberapa permasalahan yang boleh diberi komentar tentangnya:

Pertama: Isu harta rampasan perang sebagai satu bahagian daripada sistem perang

dalam Islam. Musuh-musuh Islam menjadikannya sebagai medium untuk menyerang Islam. Mereka mendakwanya ia merupakan salah satu faktor material pengisytiharan perang dalam Islam. Ia juga sebagai insentif yang cukup berkesan kepada tentera-tentera Islam untuk berkorban dan berbakti. Lantaran itu, mereka bermati-matian merebut harta rampasan selepas tamat peperangan sebagaimana yang berlaku dalam pertempuran ini.

Tak diragui bahawa setiap pengkaji yang adil dan sedar menolak dakwaan ini. Ini kerana faktor peperangan dalam Islam berbentuk spiritual. Ia bertujuan menyebarkan kebenaran, menolak gangguan jahat dan pencerobohan. Ini dinyatakan secara jelas dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis. Adalah pelik, seseorang sanggup berkorban nyawa dan mendedahkan keluarganya kepada pengabaian, kerana tamakkan habuan material walau macam mana besar habuan tersebut. Tamak kepada habuan material tidak berupaya melahirkan keperwiraan luar biasa yang terserlah di kalangan pejuang-pejuang Islam pada zaman permulaan Islam. Ia juga tidak dapat melahirkan natijah yang menakjubkan sebagaimana berlaku dalam peperangan Islam dengan Arab semasa hayat Rasulullah. Begitu juga pertempuran Islam dengan Parsi dan Rom selepas itu. Sedangkan pihak musuh-musuh Islam sendiri mempunyai dorongan ketamakan material. Harta-harta dan orang Islam pasti akan menjadi habuan mereka sekiranya orang Islam kalah. Orang Islam bukan satu-satunya pihak yang mengagih-agihkan harta dan memperhambakan musuh mereka apabila menang. Bahkan fenomena ini merupakan tindak tanduk mana-mana angkatan tentera yang berperang. Kenapakah ketamakan material yang dimiliki oleh musuh Islam ini tidak menghasilkan keperwiraan luar biasa atau natijah yang mengkagumkan? Sebagaimana yang terserlah di kalangan tentera Islam dan dipamerkan dalam siri peperangan Islam?

Berbagai peristiwa yang berlaku dalam peperangan menafikan sama sekali dorongan material merupakan pemangkin paling utama dalam jiwa tentera Islam. Dalam pertempuran Badar, Uhud, Mu'tah dan lain-lain lagi, wira-wira Islam maju ke medan pertempuran mengharapakan kemuliaan mati syahid dan nikmat syurga. Hinggakan salah seorang daripada mereka melemparkan buah-buah tamar daripada mulutnya apabila mendengar janji Rasul s.a.w. tentang balasan syurga bagi para syuhada. Beliau mengharungi pertempuran seraya berkata: "Wah, bagusnya! Tiada apa lagi yang menghalang aku untuk memasuki syurga melainkan tamar-tamar ini? Demi Allah, (Jika aku menghabiskan makan tamar ini), ia adalah kehidupan yang panjang (melambatkan aku ke syurga)!" Selanjutnya, beliau terus berperang sehingga terbunuh. Yang lain pula tampil menyerang musuh seraya berkata: "Syurga! Syurga! Demi Allah aku mencium baunya lebih dekat dari Bukit Uhud." (Peristiwa ini berlaku ketika pertempuran Uhud).

Dalam pertempuran dengan Parsi, Rustum menawarkan harta atau pakaian kepada orang Islam agar mereka membatalkan rancangan berperang dan pulang semula ke negara mereka. Namun ketua utusan tentera Islam menjawab: "Demi Allah, kami tidak keluar kerana perkara ini. Apa yang kami mahu ialah menyelamatkan kamu daripada penyembahan sesama hamba kepada penyembahan Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Mengalahkan. Sekiranya kamu memeluk Islam, kami akan pulang. Sementara kerajaan dan tanah kamu tetap kekal milik kamu. Kami tidak akan merebut apa-apa pun daripada kamu." Adakah ini jawapan gerombolan tentera yang keluar untuk mendapatkan rampasan perang juga menguasai tanah dan harta benda?!

Peristiwa para pejuang mengharapakan rampasan perang dalam pertempuran Hunain dan ketidakpuasan hati Ansor kerana tidak mendapat agihan dijadikan bukti dakwaan palsu mereka. Mereka sengaja bersikap memejamkan mata terhadap realiti pertempuran dan pihak-pihak yang terlibat dalam peperangan. Mereka yang mengharapakan rampasan perang tersebut terdiri daripada mereka yang baru memeluk Islam. Hidayah Islam masih belum bertapak

kukuh dalam jiwa mereka sebagaimana golongan Islam yang sebelumnya. Oleh itu, orang-orang Islam seperti Abu Bakar, Umar, Othman, Ali, Abdul Rahman bin Auf, Tolhah, az-Zubair dan para sahabat besar yang awal menyahut seruan Islam, tidak mengharap habuan rampasan perang tersebut. Rasa tidak puas hati Ansur pula hanyalah kata-kata sesetengah mereka yang berpandangan pembahagian rampasan perang pada hari tersebut diagih tidak sama rata. Fenomena sebegini berlaku kepada kebanyakan manusia pada setiap zaman dan tempat. Ia timbul dalam diri mana-mana manusia yang berada dalam situasi seumpama ini.

Tangisan mereka apabila Nabi s.a.w. berucap kepada mereka adalah bukti paling jelas tentang keinginan Ansur untuk mencapai redha Allah, pahala dan syurga-Nya, juga ketaatan kepada Rasul-Nya. Antara ucapan Baginda: "Tidak-kah kamu redha orang ramai kembali bersama kambing dan unta, sedangkan kamu pulang kepada tunggangan kamu bersama Rasulullah?" Mereka mengutamakan untuk berdamping dengan Rasulullah dan tinggal berdekatan Baginda berbanding harta benda dan keuntungan. Adakah logik mereka dituduh: Mereka berjihad hanya untuk mengaut harta dan keuntungan?

Tiada guna untuk mempersoalkan: Kenapa Islam menjadikan rampasan perang hak tentera yang berperang bukan hak negara sebagaimana zaman kita ini? Kerana persoalan sebegini menunjukkan mereka alpa tentang tabiat manusia dan adat resam peperangan pada zaman tersebut. Bukan hanya tentera Islam membahagi-bahagikan 4/5 rampasan perang kepada tenteranya, Parsi dan Rom turut berbuat sedemikian. Bahkan pengagihan tersebut digunakan oleh semua angkatan tentera. Sekiranya seseorang mujtahid pada hari ini berpendapat rampasan perang yang diperolehi oleh tentera Islam pada zaman ini perlu diserahkan kepada negara, ia masih dalam lingkungan memahami persoalan ini berdasarkan prinsip dan ruh Islam.

Kedua: Keputusan Nabi s.a.w. memberi agihan rampasan perang lebih kepada mereka yang baru memeluk Islam berbanding tentera lain menunjukkan kebijaksanaan Baginda. Baginda s.a.w. arif dengan personaliti kaumnya dan berpandangan jauh dalam mengurus sesuatu perkara. Mereka merupakan golongan yang sentiasa memerangi Rasulullah dan enggan menerima dakwah sehinggalah pembukaan Makkah. Sebahagian mereka juga gembira dengan kekalahan orang Islam pada permulaan pertempuran ini (Hunain). Oleh itu, usaha menjinakkan hati dan menyemai perasaan tentang keistimewaan mereka memeluk Islam dari sudut material mesti dilakukan. Kerana mereka memerangi Islam disebabkan faktor material ini. Pada hakikatnya, mereka sebagai pemuka-pemuka kaum, memerangi Islam kerana ingin mengekalkan kepimpinan dan menjaga kepentingan material mereka. Apabila Islam menghancurkan kekuatan mereka dengan pembukaan Makkah, ada kemungkinan masih terdapat dalam jiwa mereka rasa benci terhadap kemenangan tersebut. Mungkin timbul juga rasa tidak puas hati dengan kekalahan dan runtuhnya kekuatan mereka.

Islam merupakan agama pembawa petunjuk dan pengislah. Islam tidak berpada dengan hanya memberi tekanan dan menggunakan kekerasan tanpa menghiraukan penerimaan jiwa dan hati, sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan sistem yang bergantung kepada kekerasan untuk tertegak dan kekal. Bahkan hati mesti terbuka untuk menerima Islam, merasa gembira dengan petunjuknya dan rindu kepada prinsip juga teladannya. Pemberian tersebut merupakan tindakan bijak selagi pemberian (kurnia) kepada sesetengah manusia berfaedah untuk memperbaiki hati dan menghapuskan permusuhan mereka. Rasulullah mengambil keputusan yang sangat bijak sehingga mereka redha terhadap apa yang dilakukan oleh Baginda s.a.w..

Allah mengetahui dakwah-Nya pasti berkembang ke timur dan barat dunia setelah ia menguasai semenanjung tanah Arab. Oleh itu, seluruh Arab mesti disediakan untuk memikul risalah ini dan berkorban di jalannya. Sekiranya jiwa para pemuka dipulihkan dengan

pemberian ini, hati mereka akan terbuka untuk menerima cahaya dakwah. Mereka juga akan bersedia memikul bebanan dakwah. Inilah yang benar-benar terjadi. Setelah Rasulullah menjinakkan hati para pemimpin tersebut, rasa tidak puas hati dan kebencian kepada Islam dan dakwahnya lenyap daripada diri mereka. Apabila tentera Islam mula menjelajah bumi demi menyampaikan prinsip Islam dan mengeluarkan manusia daripada kegelapan kesesatan kepada cahaya Islam, semenanjung tanah Arab telah bersedia untuk memikul tugas bersejarah yang agung ini. Para pemimpin yang telah jinak hati mereka ini merupakan golongan pertama yang redha dan mara dalam pertempuran pembebasan tersebut. Sejarah mengesahkan pertarungan hebat mereka dalam siri pembukaan tersebut. Mereka juga mempunyai jasa besar dalam memperkukuhkan tunggak-tunggak Islam di luar semenanjung tanah Arab. Mereka menguruskan kerajaan Islam yang luas dan memimpin tenteranya yang melimpah-limpah.

Mereka tetap diiktiraf sebagai mujahid. Meskipun pada permulaan Islam, mereka merupakan golongan yang dijinakkan (melalui berbagai pemberian). Ataupun mereka lambat memeluk Islam sehingga selepas pembukaan Makkah. Kebiasannya, mereka yang terkemudian berjaya menyusul mereka yang terdahulu. Orang yang lemah dapat mencapai keistimewaan orang yang kuat. Begitu juga ramai orang yang memperolehi keikhlasan beramal walaupun memulakannya tanpa ikhlas. Al-Hasan rahimahullah berkata: "Kami menuntut ilmu ini bukan kerana Allah, namun ilmu ini tetap mendorong agar ia dilakukan kerana Allah." Tokoh lain pula berkata: "Kami menuntut ilmu ini tanpa niat, namun niat datang kepada kami selepas itu." Cukuplah Allah menjanjikan kebaikan kepada golongan yang lewat memeluk Islam ini, sebagaimana firman-Nya:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا يَسْتَوِي مِنْكُمْ مَنۢ أَنفَقَ  
 مِن قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَتَلَ أُولَئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِّنَ الَّذِينَ أَنفَقُوا مِنۢ بَعْدُ وَقَتَلُوا۟ وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ  
 الْحُسْنَىٰ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٠﴾

*Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum kemenangan (Nabi menguasai Makkah). Mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sesudah itu. Dan tiap-tiap satu puak dari keduanya, Allah janjikan (balasan) yang sebaik-baiknya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu kerjakan. (Al-Hadid: 10)*

Ketiga: Tindakan Rasulullah s.a.w. mengumpul dan meredakan rasa terkilan Ansor kerana tidak mendapat apa-apa bahagian daripada rampasan perang, menjadi bukti kebijaksanaan politik dan kelembutan akhlak Baginda s.a.w. Apabila komen sesetengah Ansor berkaitan agihan rampasan perang sampai kepada Baginda, Baginda mengambil langkah proaktif untuk meredakan rasa terkilan tersebut. Baginda mengumpulkan mereka untuk tujuan itu. Baginda menyampaikan ucapan yang bijaksana sekalipun Baginda tahu mereka mencintai dan setia mengikutinya. Mereka telah mengorbankan darah dan harta mereka di jalan Allah. Tiada kebimbangan berlaku sesuatu yang mengurangkan iman atau menghumban mereka ke dalam kemarahan Allah dan Rasul-Nya. Namun Baginda memilih untuk menghilangkan prasangka yang mula tersemat dalam fikiran sesetengah mereka tentang isu tersebut. Ini salah satu sunnah terpuji yang mesti diikuti oleh para pemimpin dan ketua bersama penyokong dan pencinta mereka. Musuh menunggu-nunggu untuk mengeksploitasi apa-apa kejadian atau kata-kata yang melemahkan pergantungan para



pengikut terhadap pemimpin mereka. Syaitan mem-punyai komplot yang jahat dan licik tipudayanya. Oleh itu, para pemimpin tidak boleh cuai mendapatkan dukungan penyokong walau mereka amat mempercayai para penyokong mereka.

Seterusnya, perhatikan teknik bijak lagi berkesan yang digunakan oleh Baginda s.a.w. agar mereka berpuas hati dan yakin terhadap hikmah keputusan Baginda tersebut. Baginda menyebut jasa-jasa mereka kepada dakwah Islam, bantuan mereka kepada Baginda dan inisiatif segera mereka untuk memperbenarkan Baginda. Sedangkan ketika itu kaum Baginda sendiri mendustai dan mengusir Baginda. Baginda menyebut jasa-jasa mereka ini setelah memperingatkan mereka tentang jasa Allah kepada mereka. Allah telah menyelamatkan mereka daripada kesesatan, perpecahan dan permusuhan. Semua ini disebut agar mereka mudah menerima kehilangan semua keuntungan harta dunia (rampasan perang tersebut) jika dibanding dengan kebahagiaan dan petunjuk yang mereka perolehi. Dengan demikian, Baginda menegaskan dua perkara kepada mereka:

- a) Baginda tidak menyebelahi kaumnya dengan melupakan Ansor, sebagaimana dakwaan sesetengah mereka.
- b) Keputusan Baginda menyekat mereka daripada menerima rampasan perang berdasarkan kepada kekuatan beragama, kehebatan iman dan kecintaan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya.

Sepanjang usiaku, tiada teknik lain yang lebih berkesan daripada teknik ini untuk memuaskan hati mereka yang berjasa dan lama dalam dakwah. Iaitu di kalangan mereka yang beriman dengannya, ikhlas, jujur serta tidak mengharap balasan mahupun terima kasih. Selawat dan salam Allah ke atas Baginda. Alangkah benar firman Allah berkenaan Baginda:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (Al-Qalam: 4)*

Keempat: Reaksi Ansor setelah mendengar ucapan Baginda s.a.w. merupakan contoh kejujuran iman dan kehalusan jiwa yang paling menarik. Mereka juga mengenang jasa Allah kerana memberi petunjuk dan menganugerahkan taqwa kepada mereka. Mereka menyifatkan usaha mereka menolong, menyokong dan berjihad sebagai kurniaan Allah dan Rasul-Nya. Mereka juga menyatakan bahawa, jika bukan kerana Allah, nescaya mereka tidak mendapat petunjuk. Jika bukan kerana Rasul-Nya, nescaya hati dan pandangan mereka tidak mendapat cahaya petunjuk. Jika bukan kerana Islam, nescaya Allah tidak akan menyatukan kembali kaum mereka setelah berpecah, atau memelihara darah mereka yang mengalir tanpa nilai. Jika bukan kerana Islam, pasti Allah tidak akan menyelamatkan mereka daripada penguasaan Yahudi kepada kemuliaan Islam, atau membebaskan mereka daripada jiran mereka (Yahudi) yang memperkudakan mereka. Mereka juga mengisytiharkan; mereka mengutamakan Rasulullah mengatasi segala limpahan harta dan keseronokan dunia Apabila Rasulullah s.a.w. mendoakan kerahmatan untuk mereka, anak-anak dan cucu-cucu mereka, air-air mata mereka bercucuran gembira kerana keprihatinan Rasulullah s.a.w.. Apatah lagi doa Baginda merupakan doayang mustajab. Adakah lagi bukti lain kepada kejujuran iman? Adakah di sana cinta yang lebih mulia dan indah daripada cinta ini? Semoga Allah meredhai mereka dan menjadikan mereka redha. Semoga Dia mengabadikan nama mereka di dunia dan menyertakan kita bersama mereka dalam syurga an-Naim. Hidup di samping Rasul-Nya yang dicintai lagi agung dan golongan yang Allah telah kurniakan nikmat ke atas mereka di kalangan para nabi, siddiqin, syuhada' dan mereka yang hampir dengan-Nya.

Akhimya, peristiwa yang berlaku antara Rasulullah s.a.w. dan Ansor ini, mestilah diingati oleh setiap pendakwah dan dihafal oleh setiap penuntut ilmu. Ia antara peristiwa yang dapat menambahkan iman serta menggelorakan rasa cinta dan rindu kepada Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya r.a..

## **(B) MERUNTUHKAN PATUNG BERHALA**

Nabi Ibrahim a.s. (bapa para nabi selepas nabi Nuh a.s.) merupakan antara mereka yang memerangi ajaran keber-halaan anutan kaumnya. Sehingga kaumnya cuba membakarnya sebagaimana yang diceritakan oleh al-Quran al-Karim. Apabila Baginda datang ke Makkah, Baginda meninggalkan anaknya, Ismail a.s. dan ibunya di situ. Setelah Ismail meningkat remaja, mereka berdua sama-sama membina Kabah untuk dijadikan rumah ibadat Allah dan destinasi haji kepada orang ramai. Anak-anak Ismail semakin ramai (mereka dikenali sebagai Arab Musta'ribah, sebagaimana yang dinamakan oleh ahli-ahli sejarah). (Dari zaman ke zaman) Mereka masih tidak mengenali ajaran menyembah berhala dan patung. Kemudian menjadi satu ibadat kepada sesiapa yang mengembara meninggalkan Makkah, membawa seketul batu daripada Tanah Haram sebagai memuliakannya dan tanda kerinduan kepada Makkah. Di mana sahaja mereka singgah, mereka akan meletakkan dan bertawaf mengelilinginya sebagaimana mereka mengelilingi Kaabah. Mereka berbuat demikian untuk mengambil keberkatan dengannya, juga tanda cinta dan rindu mereka kepada Tanah Haram. Amalan ini berterusan sehinggalah 'Amru bin Luhayy membawa masuk amalan menyembah berhala kepada mereka (ahli sejarah mengatakan kejadian ini berlaku 500 tahun sebelum perutusan Nabi). Dia merupakan orang pertama yang mengubah agama Ismail a.s..

Asal-usulnya adalah seperti berikut: Dia merupakan penjaga pintu Kaabah selepas pengusiran Jurhum dari Makkah dan kawasan sekitarnya. Tak lama selepas itu, dia ditimpa sakit yang teruk. Dia diberitahu: "Di Balqa', Syam terdapat sebuah mata air panas (sekarang ini, tempat itu dikenali sebagai al-Hammah), jika kamu ke sana, kamu akan sembuh." Lalu dia ke sana dan mandi di situ. Dia kemudiannya sembuh. Dia mendapati penduduk di situ menyembah berhala, lantas bertanya: "Apa ini?" Mereka menjawab: "Kami meminta hujan turun dan kemenangan menewaskan musuh dengan patung-patung ini." Lantas, dia meminta mereka memberikan sebahagian patung tersebut kepadanya. Mereka memberikan kepadanya. Kemudian dia membawa patung itu ke Makkah dan menegakkannya di sekeliling Kaabah.<sup>11</sup> Selepas itu, penyembahan berhala tersebar luas di semenanjung tanah Arab, hinggalah setiap penghuni rumah di Makkah mempunyai sebuah berhala yang mereka sembah di rumah. Apabila mereka mahu bermusafir, perkara terakhir yang diperlakukan di rumahnya ialah mengusap-usap berhala tersebut. Apabila pulang daripada musafir, perkara pertama yang dilakukan setelah memasuki rumahnya ialah mengusap-usap berhala tersebut.

Setelah itu, penyembahan berhala di kalangan Arab menjadi-jadi. Ada di antara mereka yang membina rumah berhala. Ada pula yang membina patung. Sesiapa yang tidak mampu membina patung mahupun rumah berhala, dia mendirikan seketul batu di Tanah Haram atau di mana-mana yang mereka rasa bagus untuk menempatkannya. Dia kemudiannya mengelilinginya sebagaimana dia mengelilingi Baitullah. Ketika muisafir dan singgah di sesuatu tempat, seseorang itu akan mengutip empat ketul batu. Dia akan memilih batu manakah yang paling bagus, lalu menjadikannya sebagai tuhan. Tiga ketul batu lagi dijadikan sebagai batu alas periuk. Apabila berangkat, dia meninggalkannya. Apabila berhenti di perhentian yang lain, dia akan melakukan perbuatan yang sama.<sup>12</sup>

Arab mempunyai tiga berhala terbesar yang diagung-agungkan. Mereka mengerjakan haji dan menyembelihkan korban untuknya. Berhala yang paling tua ialah "Manat". Ia dibina di pinggir pantai menghala ke arah al-Musyallal di Qadid yang terletak antara Madinah dan Makkah. Semua Arab mengagungkannya dan yang paling mengagungkannya ialah kaum Aus dan Khazraj. Apabila Rasulullah s.a.w. keluar untuk membuka Makkah pada tahun ke-8

<sup>11</sup> Kitab al-Asnam, Hisyam bin Muhammad bin as-Sa-ib al-Kalby, m.s 8.

<sup>12</sup> Kitab al-Asnam, Hisyam bin Muhammad bin as-Sa-ib al-Kalby, m.s 33.

hijrah, Baginda mengutuskan Ali r.a. ke tempat berhala tersebut. Ali telah meruntuhkannya, seterusnya mengambil barang-barang yang dipersembahkan kepada berhala itu, lalu membawanya kepada Nabi s.a.w.. Antara barang yang diambilnya ialah; dua bilah pedang yang dihadiahkan untuk berhala itu oleh al-Harith bin Abi Syamir al-Ghassani, raja Ghassan. Al-Harith merupakan raja yang membunuh Syuja' bin Wahb al-Asadi r.a., utusan Nabi s.a.w. kepadanya yang mengajak kepada Islam. Tiada utusan Nabi s.a.w. yang dibunuh selain Syuja'.

Berhala kedua bernama "al-Lat". Ia terletak di Taif. Merupakan sebongkah batu empat segi. Quraisy dan semua Arab mengagungkannya. Selepas Nabi s.a.w. pulang ke Madinah daripada pembukaan Makkah, rombongan Thaqif datang menemui Baginda. Mereka meminta Baginda s.a.w. membiarkan al-Lat tidak diroboh selama tiga tahun. Namun Baginda enggan menerima permintaan mereka. Mereka terus memohon penangguhan daripada Baginda dengan mengurangkan tempohnya setahun demi setahun, tetapi Baginda tetap enggan. Sehingga mereka meminta penangguhan untuk tempoh sebulan sahaja, namun Baginda masih enggan menerimanya.

Ibnu Hisyam berkata: (Berdasarkan penjelasan mereka), Mereka ingin pemusnahan berhala tersebut ditangguhkan agar mereka terselamat daripada tindak tanduk golongan yang bodoh, wanita dan anak-pinak mereka. Mereka juga meminta penangguhan sehingga seluruh penduduk Taif memeluk Islam agar pemusnahan al-Lat tidak menimbulkan kejutan kepada kaum mereka. Namun Rasulullah enggan menerima permohonan itu. Baginda mengutuskan Abu Suffian bin Harb dan al-Mughirah bin Syu'bah agar meruntuhkannya. Apabila al-

Mughirah mula memukul dengan cangkulnya, wanita-wanita Thaqif keluar menangis meratapkan al-Lat seraya bersyair:

*Hendaklah kamu menangis sungguh-sungguh untuk si pembela,*

*(Lantaran) mereka yang keji telah menyerahkannya*

*(untuk diruntuhkan),*

*Mereka (yang keji) itu tidak pandai berlawan pedang (mempertahkannya).*

Maksudnya: Alangkah hibanya! Al-Lat sebelum ini menjadi pembela kami daripada musuh-musuh dan menolak bala bencana, telah diserahkan oleh orang-orang yang keji untuk diruntuhkan. Orang-orang yang keji tersebut tidak mempertahankannya mahupun bertarung pedang demi untuknya.

Berhala ketiga bernama "al-'Uzza"<sup>13</sup>. Ia berada di sebelah kanan sesiapa yang bermusafir dari Makkah ke Iraq. Kaum Quraisy mengagungkannya. Apabila al-Quran turun mengutuk berhala itu juga berhala-berhala yang lain, Quraisy merasa amat marah. Ketika Abu Uhaihah iaitu Said bin al-'As bin Umaiyah bin 'Abd Syams bin 'Abd Manaf sakit nazak, Abu Lahab datang menziarahinya. Abu Lahab mendapatinya menangis, lantas bertanya: "Apakah yang menyebabkan kamu menangis wahai Abu Uhaihah? Adakah kamu menangis kerana kematian yang pasti?" Dia menjawab: "Tidak. Tetapi aku bimbang al-'Uzza tidak akan disembah lagi selepas (kematian) aku!" Abu Lahab berkata: "Demi Allah! Semasa hayatmu ia tidak disembah keranamu. Begitu juga selepas ketiadaanmu, penyembahannya tidak akan ditinggalkan kerana kematianmu." Lantas Abu Uhaihah berkata: "Sekarang, aku tahu bahawa aku mempunyai pengganti!" Kesungguhan Abu Uhaihah berpenat lelah menyembah berhala

---

<sup>13</sup> Uzza adalah batang pohon kurma yang disembah oleh Bani Ghatfan. Mereka mendirikan di atasnya sebuah pondok. Uzza mempunyai penjaga. (Mu'jam Buldan). (pent.).

itu menakjubkan Abu Lahab.<sup>14</sup>

Pada tahun pembukaan Makkah, Nabi s.a.w. memanggil Khalid bin al-Walid dan memerintahkannya untuk bertolak memusnahkan berhala tersebut. Apabila Khalid sampai kepada berhala itu, penjaganya, Dubayyah bin Harami asy-Syaibani berseru:

Wahai Uzza lawanlah dengan keras, janganlah kamu mendustakan,

Lemparkan kain selendang dan sinsingkan baju untuk melawan Khalid,

Sekiranya kamu tidak membunuh Khalid pada hari ini, Kamu akan menanggung kehinaan segera dan membantunya mengalahkanmu.

Lantas Khalid berkata:

Wahai 'Uzza, keingkarannya untuk kamu bukan keampunan, Aku lihat Allah telah menghinamu.

Mereka mendakwa berhala itu berupa seorang wanita habsyi yang berambut kusut masai. Wanita itu meletakkan tangannya di atas bahunya dan berada dalam batang pokok yang ditebang oleh Khalid. Dia telah menentang Khalid dalam rupa bentuk sedemikian. Khalid memenggalnya mengakibatkan kepalanya terbelah. Rupa-rupanya wanita itu hitam seperti arang. Apabila Khalid memberitahu Rasulullah tentang pelaksanaan tugas tersebut, Baginda a.s. bersabda: "Itulah al-Uzza. Tiada lagi al-Uzza selepas ini bagi Arab. Ia tidak akan disembah lagi selepas hari ini".<sup>15</sup>

Inilah berhala-berhala Arab yang paling terkenal pada zaman jahiliah. Ia disebut oleh al-Quran melalui firman Allah:

أَفَرَأَيْتُمُ اللَّاتَ وَالْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾ وَمَنْوَةَ الثَّلَاثَةَ الْأُخْرَىٰ ﴿٢٠﴾

*(Setelah kamu - wahai kaum musyrik Makkah -mendengar keterangan yang membuktikan kekuasaan dan keagungan Allah) maka adakah kamu nampak bahawa "Al-Lat" dan "Al-Uzza". Serta "Manat" yang ketiga, yang bertaraf rendah lagi hina itu (layak disembah dan dianggap sebagai anak-anakperempuan Allah)? (An-Najm: 19-20)*

Ketika Rasulullah memasuki Baitul Haram pada hari pembukaan Makkah, Baginda menemui gambar-gambar malaikat dan lain-lain lagi. Baginda juga mendapati gambar nabi Ibrahim a.s. dalam bentuk memegang anak-anak panah yang digunakan untuk tilikan nasib. Baginda lantas bersabda: Semoga Allah memerangi mereka. Mereka menjadikan syeikh kami (nabi Ibrahim) tempat menilik nasib menggunakan anak panah. Apa kaitan nabi Ibrahim dengan panah-panah tilikan nasib? "*Bukanlah nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah dia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi dia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada*

<sup>14</sup> Kitab al-Asnam, Hisyam bin Muhammad bin as-Sa-ib al-Kalby, m.s 23.

<sup>15</sup> Dalam Mu'jam al-Buldan menukilkan satu riwayat daripada Abu Soleh daripada Abdullah bin Abbas r.a., beliau berkata: Uzza merupakan syaitan betina yang mendiami antara tiga batang pokok di tengah-tengah kebun tamar. Apabila berlaku pembukaan Kota Makkah, Rasulullah s.a.w. telah mengutus Khalid bin al-Walid. sabdanya: "Pergilah kamu ke tengah-tengah kebun tamar dan kamu akan berjumpa dengan tiga batang pohon tamar. Tembanglah batang yang pertama." Lalu Khalid pergi dan menebang pohon yang pertama. Kemudian beliau kembali bertemu dengan Rasulullah, lalu Baginda bertanya: "Adakah kamu menjumpai sesuatu?" "Tidak"; jawab Khalid. "Tebang pohon yang kedua."; arah Baginda s.a.w.. Beliau pergi melaksanakan arahan tersebut dan kembali bertemu dengan Rasulullah. Baginda bertanya: "Adakah kamu menjumpai sesuatu?" "Tidak"; jawab Khalid "Tebang pohon yang ketiga."; arah Baginda s.a.w. lagi. Apabila beliau berhadapan dengan pohon ketiga, keluar seekor syaitan betina berambut kusut masai dan meletakkan dua tangannya di atas bahu sambil menampakkan taringnya. Lalu Khalid memancung kepalanya (pent.).

Allah), dan dia pula bukanlah dari orang-orang musyrik." (maksud Ali Imran: 67)

Baginda memerintahkan agar semua gambar-gambar tersebut dipadamkan. Perintah Baginda itu terus dilaksanakan.

Ibnu Abbas berkata: Rasulullah s.a.w. memasuki Makkah pada hari pembukaannya dengan menaiki tunggangan Baginda. Baginda juga melakukan tawaf menggunakan tunggangannya itu. Di sekeliling Baitullah terdapat patung-patung berhala yang diikat dengan timah. Nabi s.a.w. menunjuk isyarat kepada berhala-berhala itu menggunakan sebatang ranting kayu di tangannya, seraya berkata:

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾

*Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap. (Al-Isra': 81)*

Mana-mana berhala yang ditunjuk oleh Baginda dari arah hadapan akan tumbang terlentang ke belakang. Sementara mana-mana berhala yang ditunjuk dari arah belakang akan tumbang tersungkur ke depan. Sehingga tiada lagi berhala yang tinggal tegak. Kesemuanya tumbang.

Selepas beberapa bulan pembukaan Makkah, semua berhala di semenanjung tanah Arab telah diruntuhkan dari singgahsananya. Para penyembahnya telah mengkufurinya. Mereka yang pernah menyembah berhala kelmarin, bertukar menjadi malu kerana kecekan pemikiran mereka hingga sanggup menyembah batu yang tidak memberi mudarat atau manfaat, mahupun menolak sesuatu kejadiari.

Sejak awal risalah Islam, Islam bertindak menyebarkan keburukan berhala-berhalayang dijadikan tuhan ini, mencela penyembahannya serta menyeru kepada agama fitrah; menyembah Allah Pencipta alam kejadian dan Tuhan sekalian alam. Semenanjung tanah Arab, diketuai oleh Quraisy telah menentang dakwah ini. Mereka melihat dakwah ini sebagai satu seruan yang amat pelik.

أَجْعَلُ الْأَلِهَةَ إِلَهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عُجَابٌ ﴿٥﴾

*"Patutkah dia menafikan tuhan-tuhan yang berbilang itu dengan mengatakan: Tuhan hahya Satu? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang menakjubkan!" (Sad: 5)*

Semenanjung tanah Arab saling bertelagah dan kacau bilau ekor agama baru ini. Mereka cuba membunuh dan menghapuskan Rasulnya dengan segala cara. Namun akhirnya kemenangan berpihak kepada Rasulullah s.a.w. selepas perjuangan yang berlarutan selama 21 tahun. Baginda membuka ibu kota keberhalaan (Makkah), memusnahkan tuhan-tuhannya, menewaskan bala tenteranya dan menumpaskan konspirasi para pemimpinnya. Adakah akal dapat mempercayai semua ini lantaran ia berjaya disempurnakan dalam tempoh sesingkat ini? Ketika Rasulullah s.a.w. memulakan dakwah, tiada seorang manusia pun bersama Baginda. Bolehkah kejayaan ini tercapai, jika bukan kerana Allah yang menjadi Pengatur di belakang dakwah ini, mempersiapkan ketumbukan tenteranya dan memandu perjalanan pertempurannya?

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ وَلِيُبْلِيَ  
 الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَاءً حَسَنًا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

*Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir). (Al-Anfal: 17)*

Muhammad bin Abdullah telah menamatkan tragedi pemikiran Arab yang berterusan hampir 500 tahun atau lebih. Baginda membebaskan akal Arab daripada belunggu dan khurafat keberhalaan. Baginda juga menyelamatkan kehormatan mereka daripada penghinaan dan kekejian kepercayaan itu. Baginda membuka pintu-pintu kemerdekaan dan kemuliaan abadi untuk Arab. Mereka memasuki pintu-pintu itu tanpa keluar kembali. Rasulullah s.a.w. telah berkata benar dengan sabda Baginda:

*“Selepas ini tiada lagi al-Uzza untuk Arab. Ia tidak akan disembah lagi selepas hari ini.”*

Semenanjung tanah Arab telah mengucapkan selamat tinggal kepada kehidupan keberhalaan untuk selama-lamanya. Pemikiran Arab telah mencapai usia matang. Mereka tidak rela untuk kembali semula ke zaman kanak-kanak; zaman keberhalaan yang mendorong penganutnya meletakkan dahinya ke kaki batu yang tuli lagi bisu. Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w., peperangan dan fitnah telah berlaku. Ada di kalangan mereka yang mengaku nabi. Ada pula yang membangkang al-Quran. Akan tetapi kita tidak mendengar seorang Arab pun yang berfikir untuk kembali kepada kepercayaan keberhalaan dan tuhan-tuhannya. Ini kerana seorang yang berusia matang tidak akan kembali menjadi kanak-kanak lagi. Semua perubahan ini dicapai dengan sempurna hasil jasa nabi Muhammad s.a.w. dan risalah Baginda. Setiap orang Arab (sejak zaman nabi) sehingga tamatnya dunia ini terutang budi kepada Baginda kerana menyelamatkan dan membebaskan mereka daripada keberhalaan. Baginda juga berjasa dalam meningkatkan petunjuk kepada bangsa-bangsa di muka bumi ini, sama ada mereka yang mengikuti petunjuk itu, mahupun yang menolaknya. Allah telah menjelaskan perkara ini dengan firman-Nya:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ  
 وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

*Dia-lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w.) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari i'tiqad yang sesat), seta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Al-Jumua: 2)*

## (C) GHAZWAH TABUK

Secara ringkas, pengajaran dan pedoman yang paling penting dalam Ghazwah ini ialah:

*Pertama:* Sebab ghazwah ini berlaku; Rom telah mengumpulkan angkatan tentera yang besar di Syam. Maharajanya, Herkules telah memberi upah kepada penduduk-penduduknya selama setahun. Kablah-kabilah Arab juga telah bergabung dengan tentera ini. Mereka terdiri daripada kabilah: Lakhm, Juzam, Ghassan dan Amilah. Rom kemudiannya menghantar pasukan tentera hadapan mereka al-Baqa' (kawasan perkampungan yang dibina oleh penduduk Damsyiq. Terletak antara Syam dan Wadi al-Qura). Apabila berita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., Baginda mengajak orang ramai untuk keluar berperang ke Tabuk. Baginda menyeru mereka supaya bersiap sedia, di samping menyeru golongan kaya untuk meyumbang dan menderma.

Ini menjelaskan kepada kita tabiat peperangan dalam Islam. Peperangan dalam Islam bukan bersikap mencerooboh atau provokasi. Tetapi bertujuan mempertahankan agama dan negara, mencegah penceroboh serta menghalang mereka daripada mengganggu dan membuat kerosakan. Ini dinyatakan secara jelas oleh banyak ayat al-Quran. Kami telah memperkatakan tentang sebab-sebab disyariatkan perang dalam Islam, objektif dan jalan-jalannya. Kami telah terangkan perkara-perkara tersebut dalam nota kuliah untuk tahun satu. Keberangkatan Rasulullah s.a.w. untuk keluar ke Tabuk selepas persiapan dan perhimpunan angkatan Rom menjadi penyokong kepada kata-kata kami ini.

Kesediaan sesetengah kabilah Arab untuk bersama Rom menentang orang Islam menjadi bukti bahawa mereka berada jauh daripada kefahaman dan risalah pembebasan yang dibawa oleh Islam kepada manusia secara umum dan Arab secara khusus. Jika mereka mengetahuinya, nescaya mereka akan menolak untuk menjadi pembantu Rom melawan anak bangsa mereka sendiri di kalangan orang Arab Islam.

*Kedua:* Seruan Rasul s.a.w. agar bersiap sedia untuk berperang dibuat ketika waktu susah, panas dan musim buah-buahan dipetik. Orang-orang beriman yang jujur dan segera menyahut seruan Rasul tersebut tanpa mempedulikan kesusahan mahupun kemiskinan. Orang-orang munafik pula menarik diri. Mereka mengemukakan pelbagai alasan. Demikianlah, hakikat orang-orang yang ikhlas dan orang-orang munafik akan jelas terserlah pada waktu-waktu genting. Mereka yang berlagak akan terbongkar pekungnya pada waktu dugaan. Allah Taala telah berfirman:


الْم ﴿١﴾ أَحْسَبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ <sup>ط</sup> فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

*Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman," sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang sebenarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta. (Al-Ankabut: 1-3)*

Dakwah dan bangsa hanya tertegak dan bangkit melalui pembersihan saf-safnya daripada golongan munafik dan penipu. Hanya orang yang mempunyai keazaman yang



benar, niat yang ikhlas dan prinsip yang kukuh akan tetap teguh menghadapi kesusahan. Alangkah ramai orang yang lemah iman dan para penipu menghalang perjalanan dakwah islah dalam umat. Mereka berusaha menyekat Islam daripada meraih atau melambatkan kemenangan walau seketika. Angkatan tentera Islam dalam ghazwah Tabuk telah emnyinkirkan mereka yang seumpama ini. Pekung mereka terbongkar. Kelemahan iman dan kerapuhan azam mereka terserlah. Satu angkatan tentera yang mempunyai saf yang tersusun, bersatu padu, iman yang kukuh dan setia kepada janji lebih berfaedah kepada umat walaupun bilangan mereka kecil. Mereka lebih hampir kepada kemenangan berbanding dengan tentera yang bilangannya besar tetapi berbeza gagasan, kemampuan dan keteguhan.


 كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ

*"Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah; dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang-orang yang sabar". (Al-Baqarah: 249)*

*Ketiga:* Para sahabat yang kaya segera menyumbang menderma. Contohnya Abu Bakar, Umar, Othman dan lain-lain. Ini menjadi bukti terhadap tindak tanduk keimanan dalam jiwa orang-orang mukmin. Iman mendorong mereka untuk segera melakukan kebaikan, juga melawan hawa nafsu dan naluri diri. Iman ini diperlukan oleh setiap umat dan setiap dakwah untuk menjamin kemenangan ke atas musuh dan menjamin kewujudan sumber-sumber danayang mereka perlukan. Kita dapati umat kita pada hari ini amat memerlukan keimanan sebegini. Kerana kita berdepan dengan berbagai musuh, bebanan berat, pertempuran dahsyat dan, kekuatan dan kelicikan musuh. Oleh itu, kita tidak dapat menewaskannya melainkan dengan menggandakan pengorbanan harta, jiwa, hawa nafsu dan syahwat. Ini hanya dapat dicapai oleh agama yang mempunyai kefahaman sah tentang hakikat keimanan. Agama ini mendidik jiwa-jiwa untuk ikhlas menyumbang dan berpenat lelah untuk umat mereka. Mereka melakukannya sebagai satu jihad yang diberi ganjaran oleh Allah, sebagaimana Dia memberi ganjaran kepada mujahidin di medan perjuangan.

Usaha terbaik yang sepatutnya dilakukan oleh para pengislah dan pemimpin kebangkitan ialah menyemai agama dalam jiwa-jiwa manusia dengan baik. Setiap penentangan kepada agama, seruan untuk membebaskan diri daripadanya atau reaksi mempersendakan agama merupakan jenayah nasional yang boleh mengakibatkan natijah paling buruk dan kesan paling bahaya. Demikianlah yang diajarkan oleh Allah kepada kita. Ia disahkan oleh sejarah lalu dan dibuktikan oleh pengalaman masa kini. Penafian tentang hakikat ini merupakan kesilapan yang hanya dilakukan oleh merekayang jiwanya tidak ikhlas kepada kebenaran, hatinya tidak terbuka kepada kebaikan dan peribadinya tidak dihiasi sifat-sifat ketinggian mahupun kemuliaan.

*Keempat:* Terdapat mereka yang datang menemui Rasulullah s.a.w., meminta keizinan Baginda untuk berperang tetapi terpaksa ditolak kerana Baginda tidak memperolehi tunggangan yang boleh membawa mereka. Mereka telah beredar dengan linangan air mata kerana sedih disebabkan terhalang daripada memperolehi kemuliaan berjihad bersama Rasulullah s.a.w.. Peristiwa yang diceritakan oleh Allah dalam kitab-Nya ini merupakan contoh paling indah tentang kehebatan iman mencipta perkara yang luar biasa. Kebiasaan manusia akan gembira apabila dia terselamat daripada bahaya dan jauh daripada peperangan. Namun orang-orang mukmin yang jujur ini menangis. Mereka menganggap diri mereka telah terlepas daripada memperolehi habuan pahala Allah yang besar dan peluang mencapai mati syahid di jalan-Nya. Adakah terdapat prinsip yang bertindakbalas dalam jiwa sebagaimana tindakbalas iman dalam jiwa mereka ini? Apakah pula kerugian yang menimpa umat apabila

mereka ketiadaan tokoh-tokoh sebegini?

Kisah tiga orang yang tidak pergi berjihad kerana mengutamakan kerehatan, tidak mahu berpanas dan lebih suka tinggal di rumah, padahal mereka adalah orang-orang mukmin yang jujur, mengandungi pengajaran yang banyak. Selepas beberapa ketika, iman dalam jiwa mereka tersedar. Lantas mereka mengetahui bahawa mereka telah melakukan dosa yang besar kerana tidak turut serta bersama Rasulullah s.a.w. dan orang-orang mukmin. Namun begitu, keinsafan ini tidak menyebabkan mereka terlepas daripada hukuman. Hukuman mereka cukup keras dan membuatkan mereka serik. Seluruh masyarakat memboikot mereka. Orang ramai hinggakan isteri-isteri mereka dilarang bercakap dan berbicara dengan mereka. Setelah terbukti kejujuran taubat, penyesalan, kesedihan dan dukacita mereka, Allah mengurniakan keampunan kepada mereka. Apabila mereka diberitahu tentang khabar gembira tersebut, mereka girang tidak terhingga. Seseengah mereka mendedekahkan harta dan pakaian mereka sebagai tanda kesyukuran kepada Allah di atas nikmat keredhaan dan keampunan-Nya.

Pengajaran sebegini menghalang mukmin yang jujur keimanannya daripada culas dalam kerja-kerja yang wajib. Dia tidak akan rela berehat sedangkan orang ramai berpenat lelah. Apatah lagi bersenang lenang sedangkan orang ramai bersusah payah. Inilah tabiat iman; kamu sentiasa merasakan bahawa kamu merupakan ahli dalam satu kumpulan atau sebahagian daripada keseluruhan bahagian. Ia juga menyebabkan kamu merasakan apa yang menimpa kumpulan turut menimpa kamu. Begitu juga, apa yang berfaedah kepada mereka, turut berfaedah kepada kamu. Kesenangan tiada erti jika umat dalam kesusahan dan penderitaan. Rehat tiada lazatnya sekiranya orang lain penat dan letih. Kamu juga merasakan sikap meninggalkan kewajipan merupakan satu tanda kekurangan iman dan kecacatan agama. Ia juga merupakan dosa yang perlu bertaubat dan kembali kepada Allah.

Kisah ini juga memberi pengajaran kepada kita, bahawa akidah mengatasi hubungan kerabat. Begitu juga, pelaksanaan sistem yang diakui syarak didahulukan daripada mematuhi hawa nafsu dan emosi. Hubungan kerabat pula tidak dapat membantu apa-apa di hadapan kemarahan dan kemurkaan Allah.

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

*Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (An-Nur: 63)*

#### **(D) HAJJATUL WADA (HAJI SELAMAT TINGGAL)**

Hajjatul Wada merupakan satu-satunya haji yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. selepas diutuskan sebagai Rasul. Apabila orang ramai mendengar Rasulullah s.a.w. akan mengerjakan haji pada tahun tersebut, mereka berbondong-bondong datang dari pelbagai pelusuk semenanjung tanah Arab untuk sama-sama mengerjakan haji. Hinggakan bilangan mereka (mengikut sesetengah ahli sejarah) mencapai jumlah 114 ribu orang. Kami anggap bilangan ini adalah bilangan anggaran. Jika tidak, bagaimanakah mereka boleh dihitung dan ditentukan bilangan seramai itu?

Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan khutbah Baginda yang masyhur. Setiap penuntut wajib menghafalnya kerana ia mengandungi pengisytiharan prinsip-prinsip umum Islam, la juga merupakan khutbah terakhir Baginda. Di dalamnya terkandung:

*"Wahai manusia! Dengarlah sabdaku. Aku tidak tahu, boleh jadi aku tidak akan menemui kamu selepas tahun ini di tempat ini untuk selama-lamanya. (Ramalan ini adalah antara mukjizat Rasulullah s.a.w.). Wahai manusia! Darah dan harta kamu mesti dihormati sehingga kamu bertemu kembali dengan Tuhan kamu. Ia mesti dihormati sebagaimana kehormatan hari kamu ini (Hari Arafah) dan kehormatan bulan kamu ini (bulan haram Zulhijjah). Kamu akan bertemu dengan Tuhan kamu, lalu Dia akan menyoal kamu tentang amalan-amalan kamu. Sesungguhnya aku telah menyampaikan. Sesiapa yang mempunyai amanah, hendaklah dia menunaikan amanah itu kepada pemberi amanah. Semua amalan riba dihapuskan. Namun kamu berhak memiliki modal kamu tanpa kamu menzalimi atau dizalimi. Allah telah menetapkan tiada riba (lagi diamalkan). Oleh itu, semua riba kepunyaan Abbas bin Abdul Muttolib dihapuskan. Setiap tuntutan darah pada zaman jahiliah digugurkan. Tuntutan darah pertama yang aku gugurkan ialah darah Ibnu Rabiah bin al-Harith bin Abdul Muttolib (dia disusukan oleh Bani Laith dan telah dibunuh oleh Huzail). Dia merupakan tuntutan darah jahiliah pertama yang aku mulakan pengguguran tuntutanannya.*

*Wahai manusia! Syaitan telah berputus asa buat selama-lamanya untuk dia disembah lagi di bumi kamu ini. Namun sekiranya dia dipatuhi dalam perkara lain yang kamu anggap lekeh, ia sudah cukup untuk menyenangkan hatinya. Oleh itu, berwaspadalah terhadap agama kamu.*

*Wahai manusia! Perbuatan menangguh tarikh bulan-bulan haram adalah penambahan kepada kekufuran. Orang-orang kafir menyesatkan orang ramai dengan perbuatan itu. Mereka menghalalkan bulan tersebut untuk setahun dan mengharamkannya untuk setahun yang lain dengan tujuan melakukan perkara-perkara yang Allah haramkan. Justeru itu, mereka menghalalkan perkara yang diharamkan Allah dan mengharamkan perkara yang dihalalkan Allah. Waktu telah berputar sebagaimana keadaan asalnyapada hari Allah menciptakan langit dan bumi. Bilangan bulan di sisi Allah ialah 12 bulan. Empat bulan daripadanya adalah bulan haram: tiga bulan berturut-turut dan satu lagi ialah Rajab Mudharl yang berada antara Jamadil Akhir dengan Syaaban.*

*Wahai manusia! Kamu mempunyai hak ke atas isteri-isteri kamu dan mereka pula mempunyai hak ke atas kamu. Hak kamu ke atas mereka ialah mereka tidak boleh membenarkan sesiapa yang kamu bend (sama ada lelaki mahupun wanita, mahram mahupun ajnabi) memasuki rumah kamu. Mereka juga tidak*

boleh

*Kaum Mudhar amat memuliakan bulan Rajab. Oleh kerana itu, bulan tersebut dikaitkan dengan mereka. melakukan perkara keji. Sekiranya mereka melakukannya, Allah membenarkan kamu untuk meninggalkan tidur dengan mereka dan memukul mereka dengan pukulan yang tidak keras. Sekiranya mereka berhenti daripada perbuatan-perbuatan ini, mereka berhak mendapat rezeki dan pakaian yang baik. Terimalah pesanan aku untuk berbuat baik dengan wanita ini. Mereka adalah pembantu kamu. Mereka tidak memperoleh apa-apa bagi diri mereka. Kamu mengambil mereka sebagai amanah Allah serta menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah. Fahamilah sabdaku ini, wahai manusia! Sesungguhnya aku telah menyampaikan. Aku telah tinggalkan kepada kamu satu perkara yang jelas, jika kamu berpegang teguh dengannya, kamu tidak akan sesat selamanya: Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya. Wahai manusia! Dengar dan fahamilah sabdaku. Kamu tahu bahawa setiap orang Islam saudara kepada orang Islam yang lain. Sesungguhnya orang Islam bersaudara. Milik saudaranya tidak halal bagi seseorang kecuali apa yang diberikannya dengan rela hati. Oleh itu jangan kamu menzalimi diri-diri kamu. Ya Allah, adakah aku telah menyampaikan?"*

Perkara pertama yang menarik perhatian dalam peristiwa Hajjatul Wada ialah kehadiran manusia yang begitu ramai bersama Rasul s.a.w.. Mereka datang dari segenap pelusuk semenanjung tanah Arab. Mereka beriman dengan Baginda, membenarkan risalahnya serta patuh kepada arahan-Nya. Sedangkan 23 tahun sebelum itu, mereka semuanya berpegang kepada keberhalaan dan syirik. Mereka mengingkari prinsip-prinsip risalah Baginda dan merasa pelik dengan seruan tauhid yang disampaikan oleh Baginda. Mereka juga menjauhkan diri daripada kritikan Baginda terhadap nenek moyang mereka yang menyembah berhala, juga hujah Baginda memperbodohkan khayalan mereka. Bahkan ramai antara mereka yang menentang dan menunggu-nunggu masa untuk bertindak kepada Baginda. Bahkan mereka merancang untuk membunuh, mempersiapkan angkatan untuk menyerang dan bertarung dengan Baginda menggunakan pedang juga lembing. Bagaimanakah revolusi perubahan yang mengkagumkan ini berlaku dalam tempoh sesingkat ini? Bagaimanakah Rasulullah s.a.w. dapat menukar kelompok manusia yang ramai ini daripada pegangan keberhalaan, jahiliah, kerosakan dan perpecahan kepada mentauhidkan Allah, mengenali zat dan sifat-Nya, bersatu padu dan mempunyai satu objektif juga matlamat? Bagaimana mereka boleh mencintai Baginda sedangkan sebelum ini mereka memusuhi, kuat menentang dan terus bertelingkah dengan Baginda? Seorang manusia, walau sepintar, selicik dan sehebat mana peribadinya, adalah mustahil dia mampu mencapai perubahan ini dalam masa ratusan tahun. Kita tidak pernah mendengar fenomena sebegini pada umat terdahulu mahupun kini. Perubahan ini pasti disebabkan oleh kebenaran risalah, sokongan langit, pertolongan Allah dan mukjizat agama yang syumul lagi sempurna. Agama ini dijadikan sebagai penyempurnaan nikmat Allah ke atas hamba-hamba-Nya dan penutup risalah-Nya kepada manusia. Allah menghendaki agama ini berperanan menghentikan kesengsaraan umat yang sesat di celah lorong-lorong kehidupan, juga yang hina kerana hawa nafsu dan sentimen *'asobiyyah*. Dia juga mahu menunjukkan mereka jalan hidayah dan membuka mata mereka kepada cahaya kebenaran. Dia ingin melantik mereka sebagai pemimpin bangsa-bangsa dan perubah perjalanan sejarah. Dia juga mahu mereka menghapuskan kehinaan manusia, seterusnya mewariskan kepada mereka, hikmah dan Kitab yang menjadi petunjuk dan peringatan kepada orang-orang yang berakal.

Seratus empat belas ribu orang manusia yang sebelumnya mendustai, memerangi,

membenci dan memberontak terhadap Baginda, bertukar menjadi mereka yang mempercayai, mematuhi, mencintai dan mentaati Baginda. Semua itu dalam tempoh 23 tahun. Ini adalah perbuatan Allah Yang Maha Benar lagi Maha Nyata. Maha suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan. Maha suci zat Rasul-Nya daripada apa yang dikatakan oleh para atheis. Maha Suci Tuhan kamu, Tuhan Yang Maha Mulia daripada apa yang mereka sifatkan. Selamat ke atas para rasul dan segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam.

Perkara kedua yang menarik perhatian dalam peristiwa hajjatul Wada ini ialah khutbah yang bertenaga lagi jitu yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada semua manusia. Begitu juga dengan pengisytiharan prinsip-prinsip selepas sempurna risalah dan kepimpinan Baginda. Ia merupakan penegasan terhadap prinsip-prinsip yang diisytiharkan sejak permulaan dakwahnya. Iaitu ketika Baginda masih keseorangan, ditindas, sedikit dan lemah. Ia adalah prinsip yang tetap dan tidak berubah, sama ada ketika sedikit mahupun ramai, ketika perang mahupun aman, kalah mahupun menang, dunia menentang mahupun menerimanya, musuh kuat mahupun lemah. Sedangkan kita mengetahui terdapat di kalangan pemimpin-pemimpin dunia, mereka yang berbolak balik dalam pegangan akidah dan prinsip. Pegangan mereka bercanggah ketika lemah dan ketika kuat. Cara dan objektif mereka pula berubah-ubah. Mereka menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang mereka sembunyikan dalam diri. Mereka juga mengajak kepada perkara yang mereka tidak percayai. Mereka memakai pakaian pendeta ketika lemah dan kulit serigala ketika kuat. Fenomena ini adalah kerana mereka itu "rasul" kepada maslahat, sedangkan para Nabi adalah rasul kepada Allah. Amat jauh beza antara mereka yang mengerumuni bangkai busuk dengan mereka yang berenang dalam lautan cahaya petunjuk. Begitu juga terlalu jauh beza mereka yang bekerja untuk diri sendiri dengan mereka yang bekerja untuk kemanusiaan. Juga amat jauh beza antara penyokong-penyokong syaitan dengan penyokong-penyokong Tuhan ar-Rahman. Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (Al-Baqarah: 257)

## **(E) PENGUTUSAN TENTERA USAMAH**

Usaha terakhir Rasulullah s.a.w. ialah mempersiapkan satu angkatan tentera ke Syam di bawah pimpinan Usamah bin Zaid bagi menyebarkan dan mempertahankan dakwah. Ia juga merupakan usaha menghalang serangan penceroboh dan tindakan proaktif untuk berhadapan dengan musuh yang menunggu-nunggu peluang menyerang negara Islam yang baru ditegakkan. Baginda memerintahkan beliau untuk menginjakkan kaki di sempadan al-Balqa' dan ad-Darum di bumi Palestin. Angkatan tentera tersebut terdiri daripada golongan Muhajirin, Ansor dan orang Islam yang tinggal di sekeliling Madinah. Tiada seorang pun yang terkecuali. Ketika angkatan tersebut berkumpul di Madinah bersedia untuk berangkat, Rasulullah s. a.w. mula jatuh sakit; Sakit yang berakhir dengan kewafatan Baginda. Oleh itu, bala tentera tersebut menangguhkan perjalanan mereka kerana menunggu sehingga Rasul sembuh. Mereka juga ingin mendapat saranan dan petunjuk Baginda. Namun beberapa hari selepas itu Rasulullah s.a.w. wafat. Allah telah memilih Baginda untuk kembali ke pangkuan-Nya. Iaitu setelah Baginda menunaikan amanat, menyampaikan risalah dan mempersiapkan seluruh semenanjung tanah Arab untuk membawa panji-panji Islam. Mereka telah bersedia untuk menyebarkan peradaban dan ajarannya ke segenap ceruk bumi. Ketika itu tentera Islam juga telah mampu untuk memikul beban amanah yang membawa impak besar kepada sejarah. Baginda diwafatkan selepas tersedia anggota tentera yang layak untuk mengharungi siri pertempuran demi amanah tersebut. Para panglima berkaliber untuk memimpin peperangan dan tokoh-tokoh agung lagi soleh untuk menguruskan negara telah berjaya dilahirkan. Selawat dan salam Allah ke atas Rasul-Nya. Semoga Allah membalas Baginda dengan sebaik-baik balasan bagi pihak kita dan kemanusiaan. Jika bukan kerana Baginda dan tenteranya yang setia, jika bukan kerana tenteranya menunaikan amanah selepas Baginda, nescaya sekarang ini kita berada dalam kesesatan yang nyata.

Allah telah memuliakan Rasul-Nya dengan kemuliaan yang tidak pernah diberikan kepada para Nabi sebelum Baginda. Usia Baginda dipanjangkan sehingga Baginda dapat menyaksikan hasil dakwah dan perjuangannya meliputi seluruh semenanjung tanah Arab. Dakwah Baginda membersihkan bumi Arab daripada berhala untuk selama-lamanya. Dakwah Baginda juga menjadikan mereka yang meruntuhkan berhala dengan tangan-tangan mereka sendiri merasa gembira dengan nikmat Allah yang telah menyelamatkan mereka daripada kesesatan. Padahal merekalah yang menyembah, sujud dan memohon pendampingan dengan berhala tersebut. Baginda juga membentuk mereka agar bersedia menjelajah muka bumi membawa cahaya petunjuk yang dikurniakan Allah kepada mereka untuk manusia. Generasi yang menyembah dan mempertuhankan berhala. Hidup semasa jahiliah dalam keadaan alpa di samping memiliki keupayaan dan bakat yang tidak tersusun. Kemudian generasi inilah yang bertindak memecahkan berhala dan membangunkan negara Arab yang pertama dalam keseluruhan sejarah Arab. Negara yang ditegakkan tersebut berperanan memikul risalah, menggariskan objektif dan bertindak sebagai guru juga penyelamat kepada bangsa lain di sekelilingnya. Mereka merupakan peneroka yang bangga dengan petunjuk, cahaya dan kebaikan yang dibawa. Mereka bersimpati dengan kejahilan, kegelapan dan keruntuhan yang dialami oleh bangsa-bangsa lain. Sedangkan sebelum ini, Arab kagum dan mengagungkan bangsa-bangsa tersebut. Bahkan mereka tunduk kepada mereka dalam politik, pemikiran dan sosial. Ini merupakan peristiwa yang unik dalam sejarah dahulu mahupun moden. Pengutusan Usamah merupakan simbol kepada peristiwa tersebut dan hasil produk risalah yang bertuah lagi berkat ini.

Selanjutnya, Rasulullah s.a.w. telah melantik Usamah bin Zaid memimpin angkatan tentera tersebut padahal beliau adalah seorang remaja berusia 20 tahun. Di bawah kepimpinannya terdapat tokoh veteran Muhajirin dan Ansor seperti Abu Bakar, Umar, Othman, Ali dan lain-lain tokoh yang terlebih dahulu memeluk Islam dan telah terbukti

keperwiraan mereka. Mereka juga lebih tua dan berkedudukan berbanding Usamah. Tindakan Rasulullah ini mempamerkan salah satu sunnah Islam yang terpuji. Ia memansuhkan perbezaan antara manusia yang berdasarkan kemegahan, usia dan jasa. Ia juga mengutamakan keupayaan yang baik tanpa mengira usia dan kedudukannya. Seterusnya, sejarah telah mengesahkan bahawa ia tidak pernah melahirkan tokoh yang agung dan berkaliber seperti tokoh-tokoh agung ini. Namun mereka redha untuk berada di bawah kepimpinan Usamah yang muda belia. Ini menunjukkan sejauh mana tahap penga-suhan jiwa dan akhlak yang telah mereka capai, hasil daripada usaha, petunjuk, didikan dan tunjuk ajar Rasulullah s.a.w.

Melantik Usamah menjadi ketua kepada tokoh-tokoh seperti Abu Bakar, Umar, Othman dan Ali merupakan peristiwa besar yang tak pernah dialami oleh mana-mana bangsa. Ia merupakan sejarah pertama yang menunjukkan kewajipan membuka ruang kepada keupayaan dan kepintaran para remaja, juga kewajipan membenarkan mereka memimpin urusan-urusan jika mereka berkelayakan. Sekiranya orang Islam selepas itu sentiasa mengingati pengajaran besar ini, nescaya bencana dan mala petaka akan lenyap daripada sejarah Islam. Begitu juga keributan dan fitnah yang mengganggu gugat tiang negara Islam dan melemahkan kekuatannya akan hilang. Alangkah bijaknya tindakan Rasulullah yang disokong oleh wahyu langit. Baginda juga dikurniakan kebijaksanaan, pendapat yang tepat, pandangan yangjauh dan kemampuan politik yang hebat. Keistimewaan ini tidak diberikan kepada para nabi sebelum Baginda. Ia juga tidak diketahui terdapat pada mana-mana tokoh besar sejarah sebelum dan selepas Baginda. Semoga Allah meredhai Usamah yang masih muda belia. Tahniah kepada beliau kerana mendapat kepercayaan Rasulullah berkenaan keupayaannya untuk memimpin, kejujuran azamnya dan keislamannyayang baik. Tahniah sekali lagi kepada beliau kerana telah dijadikan Baginda sebagai contoh teladan kepada remaja-remaja kita yang beriman lagi beramal.

## (F) KEWAFATAN RASULULLAH S.A.W.

Rasulullah s.a.w. wafat setelah Baginda mengetahui ajalnya telah hampir melalui jalan wahyu. Baginda mengucap selamat tinggal kepada orang ramai pada Hajjatul Wada'. Hati-hati para sahabat berdebar-debar, gelisah dan bimbang sekiranya ajal Baginda telah hampir. Namun apabila ajal yang ditetapkan oleh Allah datang, ia tidak dapat ditangguhkan. Apabila berita kewafatan Rasul s.a.w. tersebar, semua para sahabat menjadi kacau bilau kerana tragedi yang dahsyat itu. Madinah bergegar hebat. Ramai para sahabat yang besar dan mereka yang terdahulu memeluk Islam hilang kewarasan akalnya. Ada di kalangan mereka yang lidahnya kelu. Ada yang jatuh lumpuh tak berdaya bergerak. Ada pula (iaitu Umar) yang menghunus pedangnya seraya melarang orang ramai mengatakan Rasulullah s.a.w. telah wafat. Beliau mendakwa Baginda sekadar koma dan akan kembali semula kepada mereka. Hanya Abu Bakar seorang sahaja yang masih teguh jiwanya. Beliau masuk menziarahi Rasulullah s.a.w. sedang Baginda kaku diselubungi (selimut) di atas katilnya. Beliau lantas mengucupi Baginda seraya berkata: "Aku tebus kamu dengan bapa dan ibuku, wahai Rasulullah! Alangkah eloknya kamu ketika hidup mahupun mati! Kematian yang Allah suratkan kepadamu telah kamu rasai. Kamu tidak akan ditimpa kematian lagi selepas ini untuk selama-lamanya. Wahai Rasulullah, ingatilah kami di sisi Tuhanmu." Kemudian Abu Bakar keluar menemui orang ramai. Beliau berucap kepada mereka seraya berkata: "Wahai manusia! Sesiapa yang menyembah Muhammad. Muhammad telah mati. Sesiapa yang menyembah Allah, sesungguhnya Allah Maha Hidup dan tidak mati." Kemudian dia membacakan firman Allah:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَلَا يَنْفَكُونَ مِنْ قَبْلِ اللَّهِ أَوْ قَتِلَ أَوْ قُتِلَ أَنْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَلَا يَنْفَكُونَ مِنْ قَبْلِ اللَّهِ أَوْ قَتِلَ أَوْ قُتِلَ أَنْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ

*Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau dia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka dia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu). (Ali Imran: 144)*

Apabila Abu Bakar membaca ayat al-Quran tersebut, mereka tersedar daripada kejutan yang dahsyat itu. Mereka seolah-olah tidak pernah mendengar ayat tersebut sebelum itu. Kata Abu Hurairah: Umar berkata: "Demi Allah, tidak terlintas firman Allah yang demikian melainkan apabila aku mendengar Abu Bakar membacanya. Lantas aku terkejut dan kebingungan sehingga aku terduduk ke bumi kerana kedua kaki ku tidak berdaya menanggungku. Ketika itu aku tahu bahawa Rasulullah s.a.w. telah mati."



## **Pengajaran**

Terdapat dua pengajaran yang cukup mendalam di sini:

*Pertama:* Para sahabat terkejut dengan kematian Rasulullah s.a.w. hingga seolah-olah kematian tidak mungkin berlaku kepada Baginda. Padahal kematian itu penghujung kepada setiap kehidupan. Fenomena ini berlaku kerana mereka amat mencintai Rasulullah s.a.w.. Cinta mereka itu menyerap ke dalam darah dan urat saraf mereka. Kehebatan kejutan kerana kehilangan kekasih adalah mengikut kadar kecintaan tersebut. Kita lihat orang yang kehilangan anak atau bapa, masih tidak mempercayai dia telah kehilangannya sehari-hari lamanya. Apakah cinta di dunia ini yang mencapai kehebatan cinta para sahabat yang baik ini kepada Rasulullah s.a.w.? Allah telah memberi petunjuk kepada mereka melalui Baginda. Baginda juga telah menyelamatkan mereka daripada kegelapan kesesatan kepada cahaya kebenaran, mengubah kehidupan mereka, membuka pemikiran dan pandangan mereka, serta mengangkat mereka ke tahap tokoh pemimpin yang agung. Selanjutnya lagi, Baginda juga berperanan sebagai pendidik, hakim dan pemberi panduan kepada mereka. Mereka merujuk kepadanya ketika malapetaka, meminta panduan ketika berhadapan dengan peristiwa-peristiwa dan mengambil firman Allah untuk mereka melalui Baginda. Mereka juga mengambil hadis-hadis dan pengajaran Baginda untuk mereka. Apabila Rasulullah s.a.w. wafat, semua ini telah terputus. Kejutan apakah lagi yang lebih hebat dan dahsyat daripada kejutan ini?

*Kedua:* Pendirian Abu Bakar menunjukkan beliau seorang yang memiliki jiwa yang teguh dan bersemangat waja ketika berhadapan dengan malapetaka. Kriteria ini tidak dimiliki oleh sahabat lain. Ini menjadikan beliau orang yang paling layak untuk menggantikan Rasulullah s.a.w.. Sifat ini juga terbukti ketika beliau menangani gerakan murtad di semenanjung tanah Arab.